

LAPORAN TAHUNAN 2019



LAPORAN TAHUNAN 2019



IBU PEJABAT LHDNM, MENARA HASIL,
PERSIARAN RIMBA PERMAI, CYBER 8, 63000 CYBERJAYA.

Cetakan Pertama 2021

© Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) 2019

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Laporan Tahunan LHDNM 2019

Reka Bentuk Kulit :

Gigawise Network Sdn. Bhd.

Diatur huruf oleh :

Muhammad Zulhilmi Zani/

Dr. Abdul Razak Mohamad Dewa

Rupa taip teks : DIN

Saiz taip teks : 9/10

Dicetak oleh :

Gigawise Network Sdn Bhd

No. 74, Jalan Kapar 27/89

HICOM Heavy Industrial Park

Seksyen 27 40400 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

T:03-5191 1115

F:03-5191 1004

www.gigaprint2u.com

KANDUNGAN

● PERUTUSAN PENERUSI ANGGOTA LEMBAGA	05
● PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF	09
● PROFIL LHDNM	14
● FUNGSI LHDNM	16
● KUASA LHDNM	17
● BUDAYA KORPORAT	18
● PIAGAM PELANGGAN	19
● NILAI TERAS	24
● ANGGOTA LEMBAGA	26
● PENGURUSAN EKSEKUTIF	28
● CARTA ORGANISASI	30
● PENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT	32
● PENCAPAIAN LHDNM 2019	44
● TERAS STRATEGIK	48
● ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN	78
● BANTUAN SARA HIDUP	80
● DIREKTORI LHDNM	84
● PENYATA KEWANGAN	86
● LAPORAN PRESTASI KEWANGAN	126



PERUTUSAN Pengerusi

Anggota Lembaga

PRESTASI TAHUN 2019

Tahun 2019 merupakan tahun yang sungguh mencabar disebabkan ketidaktentuan dalam ekonomi global akibat ketegangan perdagangan dan geopolitik. Namun, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah berjaya mengekalkan prestasi cemerlang sebagai penyumbang terbesar kepada pendapatan negara. Kutipan cukai langsung berjumlah RM145.11 bilion adalah sesuatu yang membanggakan dalam keadaan ketidaktentuan ekonomi global ini. Ketidaktentuan ini berlaku berikutan ekonomi beberapa negara termasuk di Asia terjejas, namun menjelang akhir 2019 menyaksikan prospek pertumbuhan global bertambah baik selepas Fasa 1 perjanjian perdagangan antara Amerika dan China.

Walaupun bagaimanapun, keadaan ini tidak bertahan lama kerana dihimpit oleh kebimbangan global mengenai kesihatan awam dan impak ekonomi daripada pandemik COVID-19 yang mula dikesan di China pada Disember 2019. Perkembangan ini telah menyebabkan prestasi beberapa sektor seperti sektor perniagaan, pembinaan dan minyak dan gas berdepan keadaan yang mencabar dan tidak menentu. Walaupun demikian, ekonomi Malaysia masih mencatatkan pertumbuhan 4.3% kerana ia dipacu oleh permintaan domestik yang berdaya tahan, terutama perbelanjaan isi rumah kesan daripada pasaran buruh yang stabil serta inflasi yang rendah. Kadar inflasi stabil 1.4% berikutan penghapusan cukai jualan dan perkhidmatan.

Kemajuan ini dikukuhkan lagi melalui penilaian positif ke atas prestasi ekonomi Malaysia oleh pelbagai institusi antarabangsa. Penerapan prinsip kecekapan, akauntabiliti dan ketelusan (CAT) yang menjadi keutamaan dalam segenap spektrum pengurusan kerajaan dan pelbagai inisiatif lain telah berjaya melaksanakan perubahan dan penambahbaikan pada setiap peringkat pengurusan. Ini penting untuk memulihkan semula keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap pentadbiran negara.

Justeru, seiring dengan usaha kerajaan, LHDNM bertanggungjawab untuk merealisasikan wawasan negara menerusi suntikan cukai langsung melalui kepelbagaian pendekatan seperti tindakan pematuhan, penguatkuasaan, aktiviti kesedaran dan pendidikan cukai. Selain itu, pelbagai inisiatif telah diambil untuk membendung isu pengelakan cukai dan ketirisan pendapatan kepada negara. Berkat usaha berterusan ini, pencapaian LHDNM pada tahun 2019 telah menampakkan hasil yang cemerlang dengan kejayaan kutipan tahun 2019 sebanyak RM145.11 bilion. Kutipan ini merekodkan peningkatan 5.89% atau melebihi RM8.08 bilion berbanding tahun 2018. Oleh itu, hasrat Kerajaan untuk mengimbangi keutamaan pembangunan ekonomi bagi menambah baik kesejahteraan sosioekonomi rakyat pastinya akan menjadi kenyataan.

LHDNM secara keseluruhannya telah mencapai prestasi yang positif:

Strategi LHDNM	Proses Utama	Prestasi 2019
Penyumbang utama kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat dengan bidang keberhasilan (KRA) fokus kepada pematuhan sukarela	Kutipan Cukai	RM145.11 bilion @ 98.67%
	Fail Syarikat	Kes selesai 230,144 kes @ 161.81%
	Fail Perniagaan	Kes selesai 525,773 kes @ 136.34%
	Fail Individu Penggajian	Kes selesai 1,334,680 kes @ 123.95%
	Fail Majikan	Kes selesai 61,727 kes @ 120.44%
	Siasatan	Kes selesai 4,098 kes @ 209.30%
	Tunggakan Debit Tahun Sebelum	Pengurangan terkumpul RM5.985 bilion @ 123.74%
	Tunggakan Debit Semasa	Baki tunggakan 4.52% tidak melebihi peratus sasaran sebanyak 100% @ 106.09%
Pentadbir sistem percukaian yang diyakini rakyat dengan bidang keberhasilan (KRA) fokus kepada pelanggan	Bayaran Balik	Kes selesai 99.73% daripada permohonan diterima @ 110.81%
	Indeks Kepuasan Pelanggan	Sejumlah 99.79% responden mencapai tahap kepuasan @ 117.40%
Sistem dan prosedur kerja yang cekap dan berkesan dengan bidang keberhasilan (KRA) fokus kepada kecemerlangan organisasi	Kecekapan Kos Pungutan	Pencapaian kos pungutan pada RM1.60 @ 127.50%
	Perkhidmatan ezHasil	Mencapai 100% tahap kesiediaan sistem @ 106.00%
LHDNM sebagai majikan pilihan dengan bidang keberhasilan (KRA) fokus kepada institusi mampan	Indeks Kepuasan Bekerja	Mencapai 96.32% tahap kepuasan bekerja @ 113.32%

PROSPEK EKONOMI 2020

Keseluruhan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2020 akan terus disokong oleh perbelanjaan isi rumah, manakala perbelanjaan sektor swasta akan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan. Perbelanjaan modal sektor awam pula dijangka kembali pulih berikutan peningkatan pelaburan oleh syarikat awam. Walaupun ekonomi dijangka berkembang, ketidakpastian mengenai keadaan luaran akibat pandemik Covid-19, pelbagai rundingan perdagangan dan risiko geopolitik, dan faktor-faktor dalam negeri, termasuk kelemahan sektor komoditi dan kelewatan pelaksanaan

projek, boleh menjejaskan prospek pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2020. Selain itu, purata inflasi keseluruhan tahun 2020 diunjurkan lebih tinggi berbanding tahun 2019, tetapi kekal pada tahap sederhana. Namun, inflasi asas dijangka stabil kerana ketiadaan tekanan permintaan yang besar dan ini mencerminkan kegiatan ekonomi yang terus berkembang. Malah, purata kadar inflasi adalah lebih rendah berbanding 2018 kerana peluputan pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan.


Cabaran Masa Mendatang Untuk menghadapi krisis dalam tempoh pembendungan akibat

wabak Covid-19 ini, kerajaan telah menyediakan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) sebagai pendekatan dan inisiatif terbaik demi mengelak ekonomi semakin gawat atau terus merundum. Ekonomi Malaysia dijangka kekal pada landasan pertumbuhan yang stabil pada masa akan datang dan akan terus disokong oleh perbelanjaan isi rumah dan pelaksanaan projek pelaburan swasta serta perbelanjaan modal sektor awam yang tinggi. Walau bagaimanapun, bagi tempoh separuh tahun pertama 2020, pertumbuhan dijangka terjejas akibat penularan wabak Covid-19. Kerajaan juga akan melaksanakan beberapa langkah untuk meminimumkan risiko dan memacu ekonomi dengan meningkatkan peluang ekonomi, memperkukuhkan modal insan, memastikan inklusiviti serta menambah baik institusi dan kewangan awam.

Teruskan Kecemerlangan Hasilian Bagi melestarikan kecemerlangan dan kejayaan LHDNM, semua barisan Anggota Lembaga, pengurusan tertinggi LHDNM dan Hasilian berganding bahu memantapkan penyampaian perkhidmatan percukaian dengan mengoptimumkan teknologi bagi memenuhi keperluan pelanggan yang semakin sofistikated, seterusnya meningkatkan kepercayaan orang awam kepada sistem percukaian yang adil, cekap dan telus. Untuk terus mengecapi kejayaan dan menjadi agensi yang signifikan kepada Malaysia, saya cukup yakin bahawa

pengorbanan, keberanian, kesungguhan dan kerjasama yang erat di semua lapisan dalam organisasi sangat diperlukan demi memastikan visi dan misi LHDNM tercapai.

Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada semua Hasilian yang dahulu dan kini, atas segala dedikasi dan profesionalisme mereka selama ini dan tidak lupa juga kepada pembayar cukai yang bersama-sama dengan LHDNM tanpa gagal melunaskan tanggungjawab mereka kepada negara yang tercinta, Malaysia. Saya juga amat berterima kasih kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan pasukan pengurusannya serta Lembaga Pengarah atas bimbingan, kebijaksanaan dan sokongan mereka. Saya yakin LHDNM akan terus maju dan bekerja kuat serta komited untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.



Sekian, terima kasih.

Tan Sri Ahmad Badri Bin Mohd Zahir

Pengerusi Anggota Lembaga

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

“

Walaupun ekonomi dijangka berkembang, ketidakpastian mengenai keadaan luaran akibat pandemik Covid-19, pelbagai rundingan perdagangan dan risiko geopolitik, dan faktor-faktor dalam negeri, termasuk kelemahan sektor komoditi dan kelewatan pelaksanaan projek, boleh menjejaskan prospek pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2020

”



PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Pencapaian LHDNM

Kecekapan pemungutan cukai merupakan tunjang kepada pencapaian tahun 2019. Berkat usaha, kerjasama dan kecekalan Hasilian, LHDNM telah berjaya mengutip cukai sebanyak RM145.110 bilion, satu sejarah baharu kutipan cukai negara yang tertinggi pernah direkodkan. Catatan lebih cukai sebanyak RM8.08 bilion ini atau peningkatan 5.89% berbanding tahun 2018 membawa LHDNM ke puncak kecemerlangan. Kutipan kasar cukai langsung ini juga telah mewakili 55.12% daripada hasil persekutuan.

Mengungguli kejayaan yang diraih ini bukanlah suatu yang mudah. Terdapat cabaran-cabaran mengganggu kelancaran perancangan yang menyukarkan lagi perjalanan LHDNM mengutip cukai secara optimum khususnya ketidaktentuan pertumbuhan ekonomi global dan ketidakstabilan harga minyak mentah dunia serta turun naik harga komoditi.

Demi kelestarian LHDNM di masa hadapan, Hasilian telah memberikan komitmen sepenuhnya memastikan kutipan cukai terus meningkat. Antara faktor-faktor penyumbang kejayaan kutipan adalah:

- i. Pertumbuhan ekonomi negara tahun 2019 lebih baik berbanding tahun 2018;
- ii. Keberkesanan strategi-strategi teras percukaian;
- iii. Peningkatan tahap pematuhan pembayar cukai;

- iv. Pemantapan organisasi menerusi pemeraksanaan empat prinsip kecemerlangan iaitu kepimpinan dan kompetensi, penerapan budaya kerja positif, proses kerja terancang serta struktur organisasi yang tersusun; dan
- v. Kecekapan Hasilian melaksanakan tugas dan memenuhi KPI ditetapkan.

Kecemerlangan yang dicapai oleh LHDNM ini ternyata ia tidak hadir dengan sendiri. Ia diringi oleh modal insan yang sentiasa bekerja mengikut prinsip amanah, berintegriti dan sentiasa berusaha memartabatkan undang-undang percukaian.

Usaha-usaha ini juga tidak akan membuahkan hasil sekiranya tiada sokongan pihak kerajaan khususnya Kementerian Kewangan Malaysia. Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) yang inisiatifnya diusulkan oleh Jawatankuasa Pembaharuan Cukai atau Tax Reform Committee (TRC) dilaksanakan dan telah menyumbang kepada peningkatan jumlah kutipan cukai 2019. Susulan itu, cukai, cukai tambahan dan penalti sebanyak RM7.88 bilion telah berjaya diperolehi, 286,428 pembayar cukai telah hadir membuat pengakuan sukarela dan 11,176 pembayar cukai baharu telah berjaya dibawa masuk ke dalam jaringan cukai negara.

LHDNM amat berterima kasih kepada pihak Kementerian Kewangan Malaysia atas kewujudan TRC ini dalam menangani isu

ketirisan cukai, mengurangkan jurang cukai semasa, meneroka asas cukai baharu bagi meningkatkan kutipan cukai, mengkaji cukai ekonomi digital dan mengkaji keberkesanan pelbagai insentif cukai seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang sekaligus telah memberi impak positif seterusnya melonjak kutipan cukai LHDNM. Kutipan cukai langsung mengikut komponen berbanding tahun 2019 adalah seperti di Jadual 1:

Jadual 1: Perbandingan Kutipan Cukai Langsung Mengikut Komponen

Komponen Cukai Langsung	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	Peningkatan (%)
Syarikat	70,980.64	70,088.85	1.27
Petroleum	20,782.89	20,081.66	3.49
Individu	41,850.22	35,990.18	16.28
Koperasi	189.04	170.91	10.61
Duti Setem	6,212.83	5,937.10	4.64
Cukai Pegangan	3,060.90	3,117.10	-1.80
CKHT	1,799.81	1,467.13	22.67
IOFC	181.86	140.07	29.84
Lain - lain*	51.98	40.81	27.37
JUMLAH	145,110.17	137,033.81	100.00

* Lain-lain merangkumi bayaran Seksyen 124 ACP 1967, bayaran mahkamah, faedah bank, hasil guaman, pendaftaran perniagaan dan bayaran perkhidmatan Seksyen 138B ACP 1967.

Sumber: Jabatan Pungutan Hasil

LHDNM Sentiasa Mengamalkan Sikap Profesional, Telus dan Integriti

LHDNM sentiasa memastikan cukai yang dikenakan adalah adil dan sepatutnya walaupun ekspektasi kutipan yang disasarkan pihak kerajaan terus meningkat dari tahun ke tahun. Kes-kes diaudit dan disiasat yang dipilih akan menjalani tapisan ketat sebelum dibenarkan untuk diambil sebarang tindakan, selain mementingkan sikap profesional, telus dan berintegriti semasa melaksanakan tugas.

Jawatankuasa Audit dan Siasatan Ibu Pejabat, Jabatan Resolusi Pertikaian, Jabatan Pematuhan Cukai, Jabatan Undang-Undang dan Jabatan Dasar Percukaian akan berkolaborasi melakukan penilaian kes serta memberi kebenaran kepada pegawai audit dan siasatan membangkitkan taksiran tambahan tanpa persetujuan atau best judgement assessment (BJA). Sekiranya taksiran tersebut tidak dipersetujui oleh pembayar cukai,

taksiran ini perlu melalui prosedur rayuan yang sedia ada. Kes-kes rayuan akan dilayan dan dinilai sebaik mungkin berdasarkan fakta, dokumen, pengemukaan hujah pembayar cukai dan pegawai kes serta rujukan kes undang-undang berkaitan. Ia bagi memastikan sebarang tindakan kes-kes rayuan mempunyai merit dan berasas agar pembayar cukai dapat dilayan dengan seadil mungkin.

“ Kes-kes diaudit dan disiasat yang dipilih akan menjalani tapisan ketat sebelum dibenarkan untuk diambil sebarang tindakan, selain mementingkan sikap profesional, telus dan berintegriti semasa melaksanakan tugas ”

Strategi Tadbir Urus Organisasi 2019

LHDNM sangat komited memastikan ketelusan dan kecekapan dalam setiap tadbir urusnya. Antara tindakan dilaksanakan adalah pembangunan Pelan Anti Rasuah LHDNM atau ringkasnya PeARL dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) yang merupakan agensi penyelaras dan pemantau pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN). Seterusnya, LHDNM juga terlibat dalam pelaksanaan sepenuhnya MS ISO 37001:2016 Anti Bribery Management System (ABMS) dan tindakan pematuhan kepada Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994).

Selain itu, strategi tadbir urus LHDNM turut membuahkan hasil menerusi pencapaian membanggakan menerusi penganugerahan Sijil Audit Bersih tanpa sebarang teguran bagi Penyata Kewangan LHDNM dan Kumpulan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 oleh Jabatan Audit Negara yang diterima pada 31 Disember 2019. Pencapaian ini berjaya dikekalkan oleh LHDNM untuk 17 tahun berturut-turut.

LHDNM juga sentiasa memastikan modal insannya adalah kompeten dan profesional. Pengurusan Tertinggi sentiasa meletakkan pembelajaran berterusan dan latihan sebagai satu platform yang serius agar setiap pelaksanaan program serta aktiviti adalah kekal relevan dan signifikan dalam membina dan memantapkan ilmu dan kemahiran Hasilian. Pengurusan Tertinggi juga berusaha memperkukuhkan kepimpinan dengan memperkasakan kepakaran masing-masing sebagai satu usaha menjadikan LHDNM sebuah institusi mampan menjelang 2020.

Pengurusan Bantuan Sara Hidup (BSH)

Sebagai agensi di bawah Kementerian Kewangan, LHDNM juga terus diberi kepercayaan oleh pihak kerajaan untuk melaksanakan Bantuan Sara Hidup (BSH) dengan peruntukan sebanyak RM5 bilion yang menyasarkan 4.1 juta penerima. LHDNM bertanggungjawab untuk memproses dan membuat verifikasi permohonan BSH yang diterima.

“

LHDNM perlu memastikan strategi pengurusan data dan perluasan asas cukai dijalankan secara efisien. Pembangunan gedung data diberi perhatian agar penyaluran maklumat percukaian bagi tujuan peningkatan aktiviti pematuhan adalah tepat dan berkesan terutama yang melibatkan isu-isu ekonomi digital dan aktiviti ekonomi bayangan.

”

LHDNM amat berbesar hati melaksanakan antara dasar penting kerajaan ini yang bertujuan untuk menjamin kebajikan dan kualiti hidup rakyat. Sebagai bakal pembayar cukai, penerima BSH turut dididik dan didedahkan berkenaan kepentingan cukai dan bagaimana sumbangan cukai boleh menjana kemakmuran negara.

Pengiktirafan

Selain melaksanakan fungsi percukaian dengan adil, cekap dan berkesan, peranan LHDNM selaku agensi barisan hadapan sentiasa diberi perhatian yang serius dalam usaha memastikan sistem penyampaian perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat adalah yang terbaik dan menepati kehendak serta ekspektasi semua pelanggan yang hadir berurusan dengan LHDNM.

LHDNM telah diberi pengiktirafan oleh pihak luar menerusi penerimaan anugerah Top FPX Merchant (Government Sector) di majlis Malaysian e-Payments Excellence Awards 2019, anjuran Payments Network Malaysia (PayNet) pada 31 Julai 2020. Penganugerahan ini pastinya telah menyuntik semangat seluruh warga kerja untuk mengekalkan momentum pencapaian yang positif.

Melangkah ke tahun 2020

Bagi menghadapi cabaran mendatang dengan suasana ketidaktentuan sosio ekonomi, geopolitik dan kesan penularan pandemik

COVID-19, LHDNM perlu bersiap-siaga menangani isu-isu ini secara berhemah dan pantas.

LHDNM perlu memastikan strategi pengurusan data dan perluasan asas cukai dijalankan secara efisien. Pembangunan gedung data diberi perhatian agar penyaluran maklumat percukaian bagi tujuan peningkatan aktiviti pematuhan adalah tepat dan berkesan terutama yang melibatkan isu-isu ekonomi digital dan aktiviti ekonomi bayangan. Kedua-dua bentuk ekonomi ini cukup signifikan kerana ia berpotensi memberikan pendapatan tambahan dalam bentuk cukai kepada pihak kerajaan. LHDNM akan menangani ekonomi digital dan ekonomi bayangan ini secara serius sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

Teknologi terkini dan perkhidmatan percukaian secara digital juga diadaptasikan seiring Revolusi Industri 4.0 bagi meningkatkan prestasi dan kecekapan operasi serta memudahkan proses serta fungsi sokongan di samping memberi nilai tambah dalam penyampaian perkhidmatan. Penggunaan teknologi baharu bukan sahaja menghasilkan produktiviti yang lebih baik tetapi membantu Pengurusan Tertinggi dan Hasilian memberikan tumpuan kepada penyampaian perkhidmatan yang lebih berinovasi dan berkesan.

LHDNM juga menitikberatkan penyertaan di persada percukaian antarabangsa. Sebagai contoh LHDNM dipilih menganggotai *Advisory Group on BEPS Implementation and Impacts* yang merupakan bentuk penghormatan OECD kepada LHDNM. Penglibatan LHDNM ini memberi peluang kepada negara mengikuti perbincangan hal ehwal percukaian secara rapat di peringkat antarabangsa agar sebarang persetujuan di peringkat global dapat disesuaikan dengan situasi sosial, ekonomi dan politik negara.

Penghargaan dan Harapan

Sesuatu kejayaan itu tidak akan dapat dicapai tanpa pengorbanan dan semangat kerja berpasukan ke arah satu matlamat yang sama. Apa yang dikecapi oleh LHDNM hari ini adalah

terbit daripada kesatuan erat serta kerjasama semua pihak seiring tema tahun 2019 iaitu *Soaring to Greater Expectations*. Semoga LHDNM terus diberi kekuatan menggalas amanah demi merealisasikan harapan kerajaan kepada kita.

Akhir kata, sekalung penghargaan diucapkan kepada Menteri Kewangan dan seluruh warga kerja di Kementerian Kewangan Malaysia, Pengerusi dan Barisan Anggota Lembaga, Pengurusan Tertinggi LHDNM dan semua Hasilian yang sentiasa berdedikasi dalam menjalankan tugas dan amanah. LHDNM akan sedaya upaya meningkatkan komitmennya bagi memenuhi keupayaan menjadi pentadbir cukai terunggul, relevan dan mendepani masa.



Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Dr. Sabin Samitah

Ketua Pegawai Eksekutif

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



Profil

L H D N M

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) adalah salah satu agensi utama di bawah Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab memungut dan mentadbir cukai langsung negara.

LHDNM ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 untuk memperoleh lebih kuasa terutamanya dalam bidang kewangan dan pengurusan kakitangan bagi meningkatkan kualiti pentadbiran percukaian.

Dahulu dikenali sebagai Jabatan Hasil Dalam Negeri Malaysia (JHDNM), ia diperbadankan pada 1 Mac 1996 dan dikenali sebagai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

Agensi ini bertanggungjawab bagi keseluruhan pentadbiran cukai langsung di bawah akta berikut:

- Akta Cukai Pendapatan 1967,
- Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967,
- Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976,
- Akta Penggalakan Pelaburan 1986,
- Akta Setem 1949,
- Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990.



- Untuk bertindak sebagai ejen Kerajaan dan memberi perkhidmatan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, duti harta pusaka, duti setem dan apa-apa cukai lain sebagaimana yang dipersetujui antara Kerajaan dengan Lembaga
- Untuk menasihati Kerajaan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan percukaian dan menghubungi Kementerian dan badan berkanun yang sewajarnya mengenai perkara-perkara tersebut
- Untuk turut serta di dalam atau di luar Malaysia berkenaan dengan perkara-perkara yang berhubungan dengan percukaian
- Untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain yang diberi kepada Lembaga oleh mana-mana undang-undang bertulis lain
- Boleh bertindak sebagai ejen pemungutan untuk dan bagi pihak mana-mana badan untuk mendapatkan pinjaman yang kena dibayar balik kepada badan itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

FUNGSI LEMBAGA

KUASA LEMBAGA

Membuat Kontrak

Mempergunakan segala harta Lembaga, alih dan tak alih, dengan cara yang difikirkan suaimanfaat oleh Lembaga termasuklah mendapatkan pinjaman dengan menggadai harta tersebut

Melibatkan diri dalam apa-apa kegiatan, sama ada bersendirian atau bersama-sama dengan organisasi lain, atau agensi antarabangsa, bagi menggalakkan pemahaman percukaian yang lebih baik

Memberi nasihat atau bantuan teknikal, termasuk kemudahan latihan kepada pihak-pihak berkuasa percukaian negara-negara lain

Mengenakan fi atau caj bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Lembaga

Memberi pinjaman kepada pekerja-pekerja Lembaga bagi apa-apa maksud yang diluluskan secara khusus oleh Lembaga

Menyediakan kemudahan rekreasi dan menggalakkan kegiatan rekreasi bagi, dan kegiatan yang berfaedah untuk, kebajikan pekerja Lembaga

Menyediakan latihan untuk pekerja Lembaga dan memberi biasiswa atau selainnya membiayai latihan tersebut

Melakukan apa juga yang bersampingan dengan mana-mana kuasanya

Pentadbir Cukai Terunggul yang Menyumbang Kepada Pembangunan Negara

MISI

Memberikan perkhidmatan percukaian yang cemerlang dengan :

Melaksanakan Sistem Percukaian Yang Berkesan, Adil Dan Saksama

SLOGAN

Berteraskan integriti, kami komited memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk pelanggan

VISI

**Mempertingkatkan pematuhan sukarela
Melaksanakan sistem percukaian berintegrasi dan telus
Meningkatkan keberkesanan operasi melalui inovasi proses dan teknologi maklumat
Memantapkan tenaga kerja kompeten**

OBJEKTIF

Bersama Membangun Negara

DASAR KUALITI

PIAGAM PELANGGAN

LHDN



1 KOMITMEN LHDN

Memberi perkhidmatan yang cekap dan profesional

Penyediaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) untuk Tahun Semasa

Menyediakan prasarana yang efisien untuk pembayar cukai mengemukakan borang nyata cukai pendapatan

Ketersediaan sistem tidak kurang daripada 98%

Bayaran Balik

Penghantaran BNCP melalui:

Tempoh Bayaran Balik:

e-Filing/m-Filing nyata cukai pendapatan

30 hari bekerja dari tarikh penerimaan borang

Melalui Pos atau Serahan Tangan

90 hari bekerja dari tarikh penerimaan borang

Maklum Balas Tindakan

Kaunter Setempat

Pelanggan akan dilayan dalam tempoh 15 minit

Hasil Care Line

Menjawab panggilan semasa :

Bukan waktu puncak dalam 1.5 minit

Waktu puncak dalam 2 minit

Borang Maklum Balas Portal Hasil

Pertanyaan Am

Respon dalam tempoh 7 hari bekerja

Pertanyaan yang memerlukan semakan lanjut

Respon dalam tempoh 21 hari bekerja

Surat, Faks dan Emel

Akuan Penerimaan dikeluarkan dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh penerimaan

Surat Penyelesaian Cukai (SPC)

Pengeluaran SPC

Individu

14 hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen lengkap dan status taksiran yang telah dikemaskini dan tiada tunggakan cukai

Syarikat

14 hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen lengkap dan status taksiran yang telah dikemaskini dan tiada tunggakan cukai

**Perkhidmatan
Duti Setem****Surat Cara Pindah Milik
Harta Tanah**

Penghantaran Borang PDS
15 untuk penilaian 5 hari bekerja

Pengeluaran Notis Taksiran
dari tarikh penilaian
diterima dari Jabatan
Penilaian dan Perkhidmatan
Harta (JPPH) 7 hari bekerja dari tarikh
laporan penilaian diterima

Pengendorsan ke atas
Surat Cara oleh Timbalan
Pemungut Duti Setem 3 hari bekerja

**Selain Surat Cara Pindah
Milik Harta Tanah** 7 hari bekerja

**Audit Perkhidmatan
Penerimaan
Bayaran**

Penyelesaian Kes 4 bulan dari tarikh
lawatan pertama audit
dan mendapat kerjasama
sepenuhnya daripada
pembayar cukai

Layanan Kaunter Pelanggan akan dilayan
dalam tempoh 20 minit

**Pengeluaran Resit
Bayaran Cukai**

Diterima di kaunter bayaran Pada hari yang sama

Diserah tinggal 4 hari bekerja

Salinan Resit Rasmi / Surat
Akuan Terima Bayaran Diproses dalam tempoh 7
hari bekerja dari tarikh
permohonan diterima

Aduan Masalah resit Tindakan diambil dalam
tempoh 7 hari bekerja dari
tarikh permohonan diterima

ByrHasil

Pembukuan bayaran ke
lejar pembayar cukai dalam
tempoh 2 hari bekerja
selepas hari transaksi

2 HAK PEMBAYAR CUKAI

Hak pembayar cukai adalah sentiasa terpelihara

Menerima layanan sewajarnya

Semua pembayar cukai diberi layanan yang sama.

Membuat rayuan atas taksiran yang dibangkitkan oleh LHDNM

Pembayar cukai berhak membuat rayuan kepada LHDNM melalui Borang Q dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis diterima.

Melantik wakil yang berkelayakan untuk menguruskan fail percukaian

Pembayar cukai berhak melantik wakil yang berdaftar untuk berurusan dengan LHDNM.

Mendapat perlindungan privasi dan kerahsiaan informasi pembayar cukai

Sebarang keraguan mengenai pendedahan maklumat pembayar cukai perlu dirujuk kepada LHDNM terlebih dahulu.



3 TANGGUNGJAWAB PEMBAYAR CUKAI

Bagi membolehkan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia memberikan perkhidmatan yang berkesan, anda bertanggungjawab:

Melaporkan pendapatan cukai yang betul dan tepat.

Mendaftar sebagai pembayar cukai
Melaporkan pendapatan sebenar dan menuntut pelepasan/perbelanjaan atau potongan yang layak pada Borang Nyata Cukai Pendapatan

Mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan, dokumen dan maklumat yang lengkap, tepat dan betul dalam tempoh yang ditetapkan.

Kegagalan pengemukaan tanpa alasan yang munasabah boleh menyebabkan denda atau penalti dikenakan.

Menyimpan rekod dan dokumen dengan baik.

Rekod dan dokumen perlu disimpan dalam tempoh minimum 7 tahun bagi tujuan semakan.

Memaklumkan LHDNM dengan segera sebarang perubahan alamat.

Pembayar cukai perlu memaklumkan LHDNM sekiranya terdapat sebarang perubahan alamat dalam tempoh 3 bulan dengan mengemukakan notis bertulis kepada Ketua Pengarah LHDNM.

Membayar cukai dan duti setem dalam tempoh yang ditetapkan.

Kegagalan membuat bayaran boleh menyebabkan kenaikan atau penalti dikenakan. Tindakan undang-undang juga boleh diambil termasuk kebangkrapan, penggulangan syarikat, sekatan perjalanan ke luar negara atau kaveat harta.

Memberi kerjasama dan bersikap telus apabila berurusan dengan LHDNM.

Pembayar cukai perlu mematuhi semua peraturan ditetapkan dan mengikuti arahan yang diberi apabila berurusan dengan LHDNM.

Pembayar cukai hendaklah memastikan maklumat yang diberi adalah sah, benar dan tepat.

Bersopan santun sewaktu berurusan dengan kakitangan.

Mengemaskini maklumat.

Pembayar cukai wajib mengemaskini maklumat melalui saluran yang disediakan seperti e-Kemaskini.

NILAI TERAS

Hasil berpegang kepada prinsip-prinsip moral yang ditetapkan oleh organisasi berdasarkan nilai-nilai yang sesuai dengan lunas undang-undang negara, sistem masyarakat setempat dan peraturan-peraturan tertentu yang ditetapkan untuk mencapai aspirasi organisasi.

H

Hasil Sentiasa Ceria Dan Seronok

A

Bekerja Dalam Satu Pasukan

S

Dengan Profesional

I

Berteraskan Integriti

L

Untuk Mencapai Kecemerlangan

H HAPPY

Budaya *Happy At Work* dapat menaikkan semangat Hasilian dalam meningkatkan produktiviti organisasi Menerapkan dan mengamalkan budaya mesra serta saling hormat menghormati ke arah mewujudkan organisasi penyayang dan harmoni

Managing People dengan etika dan tatasusila yang baik dan sewajarnya

Mewujudkan komitmen secara sukarela untuk bersama-sama mencapai matlamat / KPI Korporat yang telah diterapkan

A TEAMWORK

Kerjasama yang utuh diterapkan dalam diri setiap Hasilian menjadikan setiap perancangan keputusan yang dilaksanakan lebih teratur, menjimatkan masa dan cekap seterusnya menghasilkan produktiviti yang tinggi.

Hasilian akan lebih gemilang jika setiap sesuatu perkara dilaksanakan secara berpasukan

S PROFESSIONALISM

Hasilian mempunyai semangat yang tinggi untuk menghasilkan yang terbaik dalam setiap urusan pentadbiran percukaian ke arah menjana pendapatan negara.

Selain itu, setiap urusan ditadbir dan diuruskan secara profesional dan cekap

I INTEGRITY

Integriti dibudayakan di setiap peringkat pegawai LHDNM selari dengan matlamat untuk melahirkan modal insan yang kompeten, berintegriti dan komited

L EXCELLENCE

Hasilian berusaha untuk menjalankan tanggungjawab dengan cemerlang bagi menghasilkan mutu kerja yang berkualiti dan berprestasi tinggi ke arah pentadbir cukai terunggul yang menyumbang kepada pembangunan negara

KEANGGOTAAN LEMBAGA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA SEHINGGA 31 DISEMBER 2019

PENGERUSI ANGGOTA LEMBAGA



YBHG. TAN SRI AHMAD BADRI BIN MOHD ZAHIR
KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN
PERBENDAHARAAN MALAYSIA
ARAS 10, BLOK TENGAH, PRECINT 2
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

ANGGOTA LEMBAGA



YBHG. DATO' SRI DR. SABIN BIN SAMITAH
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF / KETUA PENGARAH HASIL
DALAM NEGERI
IBU PEJABAT LHDNM
PEJABAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
MENARA HASIL, ARAS 18
PERSIARAN RIMBA PERMAI, CYBER 8
63000 CYBERJAYA, SELANGOR



YBHG. DATUK SERI BORHAN BIN DOLAH
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA
ARAS 13, BLOK C1, KOMPLEKS C
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA



YBHG. TO' PUAN AZIAN BINTI MOHD AZIZ
KETUA BAHAGIAN PENASIHAT
JABATAN PEGUAM NEGARA
ARAS 13, NO. 45
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62100 PUTRAJAYA



YBHG. DATUK SAAT BIN ESA
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
ARAS 8, JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
NO. 1, PERSIARAN PERDANA
62594 PUTRAJAYA



YBHG. TAN SRI DATUK RASHPAL SINGH RANDHAY KNIGHT
CAPITAL SDN. BHD.
UNIT NO 50-06-12
LEVEL 06, WISMA UOA
DAMANSARA 50, JALAN DUNGUN
DAMANSARA HEIGHTS
50490 KUALA LUMPUR



YBHG. DATUK HJ. MD AFENDI BIN DATUK HJ. HAMDAN
RAFFCOMM SDN. BHD.
33B-M-04 BLOCK B, MEZZANINE FLOOR
VILLA PUTRA CONDOMINIUM
JALAN TUN ISMAIL
50450 KUALA LUMPUR

PENGURUSAN EKSEKUTIF

DATO' SRI SABIN SAMITAH
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



DATUK NOOR AZIAN ABDUL HAMID
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Dasar)



DATUK MOHD NIZOM SAIRI
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Pengurusan)

ABDUL MANAP DIM
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Pematuhan)



MOHAMMED NOOR AHMAD
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Operasi Percukaian)



CARTA ORGANISASI

PEJABAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

ANGGOTA LEMBAGA

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF LHDNM

TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF / TIMBALAN KETUA PENGARAH (DASAR)

Jabatan Resolusi Pertikaian

Jabatan Dasar Percukaian

Jabatan Percukaian Antarabangsa

Jabatan Undang-Undang

Jabatan Penyelidikan Percukaian

Pejabat Pengarah Negeri Perak

Pejabat Pengarah Negeri Kelantan / Terengganu

Pejabat Pengarah Negeri Wilayah Persekutuan Putrajaya

JABATAN AUDIT DALAM

TIMBALAN KETUA
PEGAWAI EKSEKUTIF
/ TIMBALAN KETUA PENGARAH
(OPERASI PERCUKAIAN)

Jabatan Operasi Cukai

Jabatan Pungutan Hasil

Jabatan Teknologi
Maklumat

Jabatan Khidmat Korporat

Pejabat Pengarah Negeri
Sabah

Pejabat Pengarah Negeri
Pahang

Pejabat Pengarah Negeri
Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur

TIMBALAN KETUA
PEGAWAI EKSEKUTIF
/ TIMBALAN KETUA PENGARAH
(PEMATUHAN)

Jabatan Pematuhan Cukai

Jabatan Siasatan

Jabatan Perisikan & Profiling

Jabatan Tindakan Khas

Jabatan Operasi Khas

Cawangan Pembayar Cukai Besar

Cawangan Cukai Multinasional

Cawangan Industri Khas

Pejabat Pengarah Negeri
Kedah / Perlis

Pejabat Pengarah Negeri
Negeri

Pejabat Pengarah Negeri
Sembilan / Melaka

TIMBALAN KETUA
PEGAWAI EKSEKUTIF
/ TIMBALAN KETUA PENGARAH
(PENGURUSAN)

Jabatan Pengurusan Insan

Jabatan Kewangan

Jabatan Integriti &
Pengurusan Risiko

Jabatan Logistik Korporat

Akademi Percukaian
Malaysia


Pejabat Pengarah Negeri
Selangor

Pejabat Pengarah Negeri
Sarawak

Pejabat Pengarah Negeri
Johor

PENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

Strategi Korporat LHDNM menetapkan program-program utama dalam Program Operasi Percukaian yang menjadi tonggak kepada pencapaian KPI LHDNM dan Pelan Korporat LHDNM 2016 – 2020 demi merealisasikan Visi LHDNM sebagai pentadbir cukai terunggul yang menyumbang kepada pembangunan negara. Dalam memastikan pelaksanaan program dengan telus dan berakauntabiliti, maka tadbir urus korporat adalah penting untuk memberi jaminan kepada pemegang taruh bahawa LHDNM merupakan sebuah pentadbir cukai yang mengamalkan tadbir urus yang baik dan berintegriti tinggi.



1.0 KEANGGOTAAN LEMBAGA

Anggota Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) beriltizam mengekalkan serta memastikan pemakaian piawaian yang tertinggi dalam tadbir urus korporat di LHDNM. Lembaga Pengarah membentangkan penyata mengenai tadbir urus korporat bagi tahun berakhir 31 Disember 2019. Penyata ini menjelaskan pematuhan amalan terbaik dan proses-proses yang telah dilaksanakan oleh LHDNM.

1.1 KOMPOSISI KEANGGOTAAN

Subseksyen 6 (1) Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533) menetapkan Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota seperti berikut:

- A Ketua Setiausaha Perbendaharaan yang hendaklah menjadi Pengerusi
- B Ketua Peguam Negara atau wakilnya
- C Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau wakilnya
- D Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM
- E Tidak melebihi dua orang wakil kerajaan yang dilantik oleh Menteri Kewangan.
- F Tidak melebihi daripada tiga orang wakil swasta yang berkedudukan atau berpengalaman dalam perkara kewangan, komersial, percukaian atau perundangan yang dilantik oleh Menteri Kewangan.

bertanggungjawab terhadap pentadbiran operasi harian. Kedua-dua peranan dilaksanakan dengan berkesan sejajar dengan strategi dan dasar serta menyediakan pengawasan, bimbingan, nasihat serta kepimpinan kepada pengurusan kanan.

1.3 MESYUARAT LEMBAGA - MLHDNM

Sepanjang tahun 2019, sembilan Mesyuarat Lembaga telah diadakan seperti berikut:

1	MLHDNM Bil. 1/2019	25 Januari 2019
2	MLHDNM Bil. 2/2019 (Khas)	22 Februari 2019
3	MLHDNM Bil. 3/2019	21 Mac 2019
4	MLHDNM Bil. 4/2019	16 Mei 2019
5	MLHDNM Bil. 5/2019	09 Ogos 2019
6	MLHDNM Bil. 6/2019	01 Oktober 2019
7	MLHDNM Bil. 7/2019 (Khas)	08 November 2019
8	MLHDNM Bil. 8/2019	19 November 2019
9	MLHDNM Bil. 9/2019 (Khas)	05 Disember 2019

1.4 JAWATANKUASA LEMBAGA

Bagi tujuan melaksanakan fungsi-fungsi Lembaga, beberapa jawatankuasa utama ditubuhkan berdasarkan peruntukan statutori seksyen 12 Akta 533 yang mana keahlian setiap jawatankuasa dilantik oleh Pengerusi Lembaga daripada kalangan barisan Anggota Lembaga. Jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

- A Jawatankuasa Audit Lembaga
- B Jawatankuasa Kewangan
- C Jawatankuasa Pelaburan
- D Jawatankuasa Pengurusan Insanan Saraan 1
- E Jawatankuasa Perolehan A dan B
- F Jawatankuasa Tatatertib 1
- G Jawatankuasa Rayuan Tatatertib

Setiap jawatankuasa tersebut berfungsi untuk bertindak ke atas isu-isu yang kompleks, spesifik dan khusus. Syor dan cadangan tindakan yang dibuat oleh Jawatankuasa Lembaga, diangkat terus ke Mesyuarat Lembaga untuk membuat keputusan. Pertanggungjawaban secara

kolektif ini merupakan amalan efektif dalam memartabatkan tadbir urus korporat.


Tiga elemen penting yang memastikan tadbir urus cemerlang di LHDNM adalah melalui strategi berikut:



2.0 PENGURUSAN INTEGRITI

2.1 INISIATIF INTEGRITI LHDNM

Bagi memperkasakan pengurusan integriti di LHDNM, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan sejak tahun 2005. Antara inisiatif integriti LHDNM adalah seperti berikut.



INISIATIF INTEGRITI LHDNM



2.1.1 Keberkesanan Inisiatif Integriti LHDNM


Keberkesanan inisiatif integriti yang telah dilaksanakan dapat diukur melalui prestasi berikut:

- 1 Prestasi kutipan cukai yang tinggi setiap tahun mengikut sasaran yang ditetapkan oleh kerajaan
- 2 Budaya kerja yang menepati standard ISO9001:2015 dan ISMS ISO/IEC27001:3013
- 3 Dasar Antirasuah LHDN menerusi inisiatif Pelan Antirasuah LHDNM dan pemantauan oleh Jawatankuasa Antirasuah LHDNM
- 4 Dasar Pemberian Maklumat LHDNM memantapkan Pengurusan Aduan Integriti Pegawai LHDNM bagi memastikan pegawai yang berkualiti dan berintegriti
- 5 LHDNM berisiko "RENDAH" - Penarafan Risiko Rasuah Agensi, SPRM
- 6 Kepelbagaian perkhidmatan elektronik memudahkan dan mempercepatkan urusan pelanggan, menghalang salah laku pegawai serta campur tangan pihak ketiga
- 7 Ketelusan tatacara kerja melalui perkongsian maklumat di Laman Web Rasmi LHDNM

2.2 PELAN ANTIRASUAH LHDNM

Pelan Antirasuah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (PeARL) adalah satu dokumen utama LHDNM yang menggariskan tindakan bersepadu dalam memerangi rasuah di samping bertindak sebagai satu pelan antirasuah menyeluruh yang merangka strategi untuk mengurus risiko berkaitan rasuah di LHDNM. PeARL telah dilancarkan pada 1 November 2019 sempena sambutan Hari Inovasi dan Integriti LHDNM tahun 2019. Pelancaran PeARL telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Haji Abu Kassim Bin Mohamed, Ketua Pengarah, Pusat Govern Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC). Komposisi utama PeARL adalah Kerangka, Bidang Keutamaan, Strategi dan Objektif yang mengandungi sejumlah 76 inisiatif bagi membanteras gejala rasuah di LHDNM.


KERANGKA PeARL



BIDANG KEUTAMAAN PeARL

STRATEGI PeARL





2.3 RUMUSAN

Pelaksanaan inisiatif PeARL akan bermula pada 1 Januari 2020 melibatkan Jabatan/ Negeri/ Cawangan/ Cawangan Siasatan. Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko dipertanggungjawabkan untuk memantau libat urus dari Jabatan/ Negeri/ Cawangan/ Cawangan Siasatan.

PeARL dibangunkan menerusi perekayasaan 4 strategik, 11 objektif strategi dan pelaksanaan 76 inisiatif bagi mentransformasikan LHDNM ke arah organisasi yang berintegriti, bersih, dihormati dan bebas rasuah.

Keberkesanan pelaksanaan inisiatif PeARL dipantau dan dikaji secara berkala. Maklum balas, nasihat dan panduan diberi secara berterusan supaya selari dengan cabaran, perubahan serta keperluan Strategik Korporat LHDNM. PeARL diperkukuhkan oleh prinsip tadbir urus menerusi Jawatankuasa Antirasuah LHDNM bagi membentuk budaya dan sistem yang berteraskan tadbir urus dan integriti sebagai suatu mekanisme untuk mengesan, mengenal pasti dan menilai tahap kecenderungan risiko rasuah di Jabatan/ Negeri/ Cawangan/ Cawangan Siasatan.

3.0 PELAKSANAAN PENGURUSAN RISIKO KORPORAT

LHDNM sebagai sebuah pentadbir cukai terdedah kepada risiko strategik, risiko kewangan, risiko operasi dan risiko pematuhan yang boleh menyebabkan objektif organisasi gagal dicapai. Struktur tadbir urus Pengurusan Risiko memastikan keberkesanan amalan pengurusan risiko melalui pengawasan, pemantauan dan pelaksanaan pengurusan risiko selaras dengan prinsip ISO 31000:2018.

3.1 STRUKTUR TADBIR URUS PENGURUSAN RISIKO LHDNM

Pelaksanaan pengurusan risiko korporat di LHDNM mematuhi struktur tadbir urus pengurusan risiko dimana penyelarasan dan pemantauan dilaksanakan oleh Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko dalam aspek Konsultasi dan Komunikasi dengan pemilik risiko dan pemilik proses dalam proses pendaftaran risiko dan mitigasi risiko. Proses pelaporan kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko untuk membentangkan risiko utama yang memerlukan tindakan kawalan segera. Laporan kepada Pengurusan Atasan sebagai pemakluman dan penetapan dasar dalam pengurusan risiko manakala laporan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga memberi

jaminan bahawa risiko tahap kritikal telah dikenal pasti dan tindakan kawalan risiko dalam tindakan pemilik proses atau pemilik risiko.

STRUKTUR TADBIR URUS PENGURUSAN RISIKO LHDNM



3.2 FUNGSI UTAMA PENGURUSAN RISIKO

Pengurusan risiko dilaksanakan secara berterusan melalui pemantauan, kawalan risiko dan tindakan pemulihan risiko. Pengurusan risiko LHDNM berada dalam tindakan kawalan yang teratur dan pelaksanaan pengurusan risiko adalah selaras dengan prinsip ISO 31000:2018. Pengurusan risiko di LHDNM dilaksanakan melalui tiga fungsi utama seperti berikut:



- Melaksanakan pengurusan risiko organisasi selaras dengan prinsip ISO 31000:2018.
- Mengenal pasti risiko yang boleh menjejaskan pencapaian objektif LHDNM serta memastikan tindakan kawalan risiko diambil untuk mengurangkan kebarangkalian dan impak risiko.



- Memastikan kesinambungan dalam sistem penyampaian perkhidmatan LHDNM yang merupakan barisan utama Kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan.
- Melaksanakan PKP seperti yang termaktub di dalam ISO22301:2019 Business Continuity Management Systems (BCMS) dan Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU Tahun 2010.



- Melaksanakan Pengurusan Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan di LHDNM selaras dengan pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.
- Menjamin keselamatan dan kesihatan pekerja dan pelawat daripada kemalangan dan penyakit pekerjaan yang berbangkit daripada aktiviti yang dijalankan.

3.2.1 PENGURUSAN RISIKO KORPORAT

Membantu organisasi menguruskan risiko yang berkaitan dengan kawalan/ ketidaktentuan dan risiko peluang/ prestasi yang wujud dalam aktiviti utama LHDNM.

AKTIVITI UTAMA PENGURUSAN RISIKO KORPORAT



3.2.2 PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN

Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan / Business Continuity Management (BCM) membantu LHDNM menguruskan secara holistik berkaitan risiko dalam fungsi kritikal LHDNM dan impak ancaman risiko untuk memastikan perkhidmatan organisasi dapat diteruskan walaupun berlaku gangguan, bencana atau pandemik.

1. PENGURUSAN PROJEK BCM

- Kajian dan semakan semula dijalankan keatas Polisi BCM, Pelan Tindakan Kecemasan, Pelan Komunikasi Krisis, Pelan Pemulihan Bencana IT dan lain-lain adalah dikemaskini selaras dengan keperluan surat arahan MAMPU 2010, ISO22301:2019 BCMS dan amalan terbaik antarabangsa
- Projek Pensijilan ISO22301:2019

2. ANALISIS IMPAK PERKHIDMATAN (BIA) & PENILAIAN RISIKO (RA)

- Kajian BIA ke atas Jabatan, PPN, cawangan, CSI bagi fungsi kritikal perkhidmatan
- Kenal pasti impak ancaman ke atas perkhidmatan, premis, kakitangan dan sistem. Membuat penganalisan dan pengelasan risiko utama dan kenal pasti kawalan risiko.

3. PROGRAM BCM

- Pemerkasaan kompetensi RCO tentang BCM.
- Kesedaran BCM melalui poster/artikel infografik dan kuiz digital secara atas talian.
- Latihan dan bengkel BCM kepada Jabatan/ Cawangan

4. SIMULASI BCM

- Pemantauan pengujian pelan untuk mengukur keupayaan mencapai Recovery Time Objective (RTO) yang ditetapkan.
 - Pelan Pemulihan Bencana ICT atau Disaster Recovery ICT (DR ICT)
 - Pelan Pemulihan Bencana Hasil Care Line (DR HCL)
 - Pelan Pemulihan Bencana Document Management System (DR DMS)
- Memantau Latihan Pelan Tindakan Kecemasan/Kebakaran organisasi

6. PELAPORAN BCM

- Pemantauan insiden serta memberi panduan berkaitan kesinambungan perkhidmatan dan pemuliharaan semasa kejadian
- Pelaporan dan pemakluman BCM kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko.

5. STRATEGI DAN PELAN BCM

- Memastikan sistem dan perkhidmatan kritikal semasa bencana dapat dipulihkan dan diteruskan dengan efisien
- Membangunkan pelan berkaitan BCM sebagai panduan dalam pemulihan bencana/krisis
- Program kerjasama dengan agensi luar seperti MetMalaysia, CyberSecurity Malaysia, MKN, NADMA & lain-lain

AKTIVITI UTAMA PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN



3.2.3 PENGURUSAN KESELAMATAN, KESIHATAN DAN PERSEKITARAN PEKERJAAN

Pengurusan Keselamatan, Kesihatan Dan Persekitaran Pekerjaan (OSHE) dilaksanakan selaras dengan pemantauan dan pengurusan risiko di LHDNM. Pelaksanaan aktiviti OSHE sepanjang tahun 2019 adalah seperti berikut:

- 1** Bengkel Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi memupuk kesedaran ke atas kepentingan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Meningkatkan kefahaman dan membri latihan yang berterusan kepada pegawai-pegawai tentang KKP. Peserta bengkel dihadiri oleh Admin Care Officer (ACO) Setiausaha Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Negeri/Cawangan/Cawangan Siasatan
- 2** Pemeriksaan lawatan dan taklimat ke Jabatan/Negeri/Cawangan/Cawangan Siasatan/Pusat Khidmat Hasil untuk memberi kesedaran dan menyampaikan kepentingan aspek KKP bagi memastikan pegawai sentiasa menitikberatkan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan
- 3** Pelaksanaan *Occupational Safety and Health Workplace Assesment (OSHWA)* bagi mengukur penanda aras tahap pematuhan terhadap pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan bagi Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994
- 4** Pelaporan aspek KKP
 - Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan LHDNM
 - Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran, Menara Hasil Cyberjaya
 - Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Kempen Penjimatan Tenaga Menara Hasil Cyberjaya

3.4 RUMUSAN

Objektif pengurusan risiko di LHDNM adalah:

- Memudahkan Pengurusan Atasan di dalam membuat keputusan strategik.
- Mengenal pasti risiko dalam aktiviti teras yang boleh menggugat pencapaian objektif LHDNM.
- Meminimumkan impak gangguan / bencana ke atas penyampaian perkhidmatan LHDNM dan memastikan kesinambungan perkhidmatan LHDNM berterusan ketika dilanda krisis.
- Melindungi dan mempertingkatkan imej serta reputasi LHDNM sebagai pentadbir cukai terunggul.

Sebagai sebuah agensi yang diamanahkan oleh kerajaan untuk mentadbir dan mengurus hasil cukai negara, peranan dan fungsi pengurusan risiko di LHDNM adalah penting. LHDNM perlu sentiasa bersiap siaga dalam mengurus risiko kerana LHDNM juga merupakan saluran

kewangan utama kerajaan dan negara. Pengurusan risiko yang cekap perlu sentiasa berterusan bagi LHDNM kerana segala urus tadbir negara dan program bantuan kerajaan kepada rakyat amat bergantung dengan hasil kutipan dari LHDNM di mana pengurusan percukaian yang cekap dapat mengurangkan bebanan pembayar cukai.


4.0 KAWALAN DALAMAN

LHDNM bertanggung jawab secara keseluruhannya untuk memastikan pengurusan kawalan dalaman yang mencukupi dan berkesan dalam mengurus risiko yang wujud dan seterusnya memacu kecemerlangan tadbir urus korporat LHDNM. Ini bertepatan dengan visi LHDNM untuk terus relevan menjadi Pentadbir Cukai Terunggul.

4.1 RANGKA KERJA KAWALAN DALAMAN

Rangka Kerja kawalan dalaman LHDNM yang utama adalah berdasarkan Committee of

Sponsoring Organisations of the Treadway Commission (COSO) iaitu penanda aras antarabangsa yang diiktiraf dalam pengurusan risiko dan kawalan dalaman. Lima (5) komponen utama COSO yang diadaptasikan di LHDNM adalah:



Kawalan dalaman adalah polisi dan prosedur yang diwujudkan untuk mengurus lima (5) perkara utama seperti berikut:



Tiga (3) jenis kaedah kawalan dalaman yang utama adalah: Pengesanan (*Detective*), Pencegahan (*Preventive*) dan Pembetulan (*Corrective*).

Barisan Pertahanan (*Lines of Defense*) dalam pengurusan kawalan dalaman yang berkesan dalam melaksanakan operasi harian LHDNM adalah seperti berikut:



Kelima-lima barisan pertahanan ini perlu berfungsi dengan sempurna dan saling melengkapi dalam memastikan keberkesanan kawalan dalaman LHDNM.

4.2 JAMINAN MENGENAI KAWALAN DALAMAN

Sistem kawalan dalaman diwujudkan untuk mengurus risiko dan bukannya untuk menghapus semua risiko. Justeru, sistem kawalan dalaman hanya dapat memberi jaminan keberkesanan yang munasabah dan bukannya secara mutlak.

Keberkesanan *Rings of Governance* LHDNM adalah suatu proses berintegrasi dan berterusan serta dikawal selia oleh:

- Lembaga Pengarah LHDNM
- Jawatankuasa Audit Lembaga (JKAL)
- Jabatan Audit Negara Malaysia/Juruaudit Luar
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia
- Jabatan Audit Dalam LHDNM dan Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko LHDNM

Jabatan Audit Dalam (JAD) menjalankan fungsi menilai semua polisi dan peraturan serta kawalan yang diwujudkan oleh pihak pengurusan bagi memastikan aktiviti-aktiviti

yang dijalankan diuruskan dengan sempurna dan berkesan pada kos yang munasabah. Tugas dan tanggung jawab JAD dan Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko (JIPR) memberi laporan secara bebas kepada JKAL di dalam memberi jaminan bahawa pengurusan kawalan dalaman LHDNM adalah berkesan dan mencukupi. Laporan akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Fungsi dan kuasa Jawatankuasa Audit Lembaga (JKAL) ke atas kawalan dalaman LHDNM telah dinyatakan dengan jelas di dalam Terma Rujukan JKAL seperti berikut:

- 1 Menyemak dan mengkaji kesempurnaan serta keutuhan sistem kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan organisasi
- 2 Mempertimbangkan keberkesanan sistem kawalan dalaman LHDNM, termasuk keselamatan teknologi maklumat dan kawalan
- 3 Mengkaji semula kecukupan dan keberkesanan kawalan dalaman untuk menjamin kecekapan operasi LHDNM

JKAL juga membantu Lembaga menilai keberkesanan kawalan dalaman melalui :

- Pembentangan Laporan JKAL oleh Pengerusi JKAL kepada Lembaga Pengarah dua kali setahun.
- Perakuan Profil Risiko Korporat LHDNM
- Perakuan Penyata Kewangan LHDNM



5.0 KESIMPULAN TADBIR URUS KORPORAT

Fungsi Pengurusan Integriti, Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam yang berkesan melalui tindakan yang bertanggungjawab, telus, berakauntabiliti dan berhemat telah memastikan tadbir urus yang cemerlang di LHDNM. Keberkesanan tadbir urus tersebut meningkatkan keyakinan pemegang taruh terhadap kecekapan LHDNM dalam melaksanakan dasar yang telah dimandatkan oleh kerajaan. LHDNM sentiasa berusaha gigih untuk mengekalkan akauntabiliti dalam sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan seterusnya menjadi agensi kerajaan yang utama dalam kutipan hasil untuk negara.



PENCAPAIAN LHDNM 2019

1. KUTIPAN CUKAI LANGSUNG BERBANDING HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

Petunjuk	2019	2018	2017
Kutipan Kasar (RM Bilion)	145.110	137.034	123.312
Tabung Bayaran Balik Cukai (TBBC)	10.734	7.000	7.300
Hasil Persekutuan (RM Bilion)	*263.300	*232.883	*220.406
Peratusan Kutipan Kasar Atas Hasil Persekutuan	55.12%	58.85%	55.95%

* Berdasarkan Tinjauan Fiskal-Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan.

2. KUTIPAN CUKAI LANGSUNG BERSIH BERBANDING UNJURAN DISEMAK KERAJAAN

Petunjuk	2019	2018	2017
Kutipan Bersih (RM Bilion)	134.376	130.034	116.312
Unjuran Disemak Kerajaan (RM Bilion)	*135.639	*130.035	*116.024
Peratusan Kutipan Bersih Atas Unjuran Disemak	99.07%	100.00%	100.25%

* Berdasarkan Tinjauan Fiskal-Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan.

3. PUNGUTAN CUKAI LANGSUNG MENGIKUT KOMPONEN

Komponen	2019	2018	2017
Cukai Langsung	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
Syarikat	70,980.64	70,088.85	68,801.94
Petroleum	20,782.89	20,081.66	11,760.92
Individu	41,850.22	35,990.18	31,901.57
Koperasi	189.04	170.91	74.48
Duti Setem	6,212.83	5,937.10	5,670.32
Cukai Pegangan	3,060.90	3,117.10	3,266.38
CKHT	1,799.81	1,467.13	1,697.98
IOFC	181.86	140.07	75.37
Lain - lain*	51.99	40.81	62.56
JUMLAH	145,110.17	137,033.81	123,311.52

* Lain-lain merangkumi bayaran Seksyen 124 ACP 1967, bayaran mahkamah, faedah bank, hasil guaman, pendaftaran perniagaan dan bayaran perkhidmatan Seksyen 138B ACP 1967.

4. PRESTASI AKAUN BELUM TERIMA

Akaun Belum Terima (ABT) – Sehingga 31 Disember 2019, sebanyak 524,750 kes tunggakan cukai berjaya diselesaikan. Pencapaian bagi tindakan pengurangan kes tunggakan cukai ini telah mengurangkan baki ABT sebanyak 79.83% yang melibatkan amaun RM6.025 bilion

5. PRESTASI PEMBAYARAN BALIK LEBIHAN BAYARAN

		2019	2018	2017
*Selain Syarikat	Bilangan Kes	2,203,462	1,951,232	1,858,049
	Amaun (RM Juta)	6,434	3,845	3,502
Syarikat	Bilangan Kes	221,523	114,349	146,324
	Amaun (RM Juta)	22,300	4,002	4,072

* Selain Syarikat termasuk Bayaran Balik Duti Setem

6. PUNGUTAN MELALUI PCB BERBANDING PUNGUTAN HASIL

	2019	2018	2017
Pungutan Melalui PCB (RM Juta)	30,303.57	26,260.72	23,274.98
Pungutan Hasil (RM Juta)	145,110.17	137,033.80	123,311.52
Peratus Sumbangan	20.89%	19.16%	18.87%

7. PUNGUTAN PCB MENGIKUT KAEDAH PEMBAYARAN (RM JUTA)

	2019	2018	2017
Kaunter Bayaran LHDNM			
Jumlah	14,814.57	15,220.20	15,435.95
CIMB Bank Berhad	0	16.10	238.83
Public Bank Berhad	177.85	265.51	454.80
Pos Malaysia	0.66	0.95	3.08
e-PCB, e-Data PCB & eCP39	1,292.51	0	0
Jumlah	1,471.02	282.56	696.71
Perbankan Internet			
CIMB Bank Berhad	1,990.50	2,451.42	1,327.72
Public Bank Berhad	596.04	561.70	450.19
RHB Bank Berhad	1,065.00	959.38	806.82
Alliance Bank Berhad	372.80	300.28	220.48
Maybank Berhad	3,092.30	2,245.07	1,618.42
EON Bank Berhad	398.86	332.25	250.61
OCBC Bank Berhad	628.13	500.18	374.47
Citibank	1,430.59	1,179.04	1,069.59
HSBC Bank	574.79	486.24	371.22
AmBank	266.99	216.23	131.34
Bank Islam	18.88	11.71	7.87
Pos Malaysia	0	0.02	0.05
AFFIN Bank	18.04	16.79	2.65
Agrobank	0.21	0.18	0.08
e-PCB, e-Data PCB & eCP39	3,570.71	1,497.47	510.81
Jumlah	14,023.84	10,757.96	7,142.31
Jumlah Besar	30,309.43	26,260.72	23,274.98

9. TINDAKAN LARANGAN MENINGGALKAN NEGARA SEHINGGA 31 DISEMBER 2019

Jenis	Daftar					
	Kes daftar sehingga 31.12.2018	Amaun (RM Juta)	Daftar Tahun 2019	Amaun Daftar (RM Juta)	Jumlah Kes	Jumlah Amaun (RM Juta)
Sek 104	12,878	670.71	48,859	1,467.91	61,737	2,138.62
Sek 22	11,498	193.73	4,882	99.90	16,380	293.63

Jenis	Batal					
	Kes Batal sehingga 31.12.2018	Amaun (RM Juta)	Batal Tahun 2019	Amaun Batal (RM Juta)	Jumlah Kes	Jumlah Amaun (RM Juta)
Sek 104	2,523	154.92	5,284	124.18	7,807	279.10
Sek 22	10,859	176.99	571	16.70	11,430	193.69

* Bilangan kes dan amaun berkuatkuasa sehingga 31 Disember 2019 (termasuk kes didaftarkan sebelum tahun 2019).

10. KEMUDAHAN PEMBAYARAN CUKAI

Tahun	Kaunter Bayaran* dan Melalui Mel (RM Juta)	Kaunter Bank (RM Juta)	Perbankan Internet (RM Juta)	Lain-lain** (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
2019	46,816.29	22,468.90	75,824.98		145,110.17
2018	47,791.14	24,280.70	64,961.96	-	137,033.80
2017	49,906.67	29,143.20	44,261.64	-	123,311.51

* Kaunter bayaran di Pusat Bayaran Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu.

** Meliputi duti setem, duti harta pesaka, IOFC, pendaftaran perniagaan dan lain-lain.

11. PERBANKAN INTERNET

Tahun	2019	2018	2017
Bilangan Pembayar Cukai	5,761,840	4,079,638	2,755,275
Amaun Dipungut (RM Juta)	75,824.97	64,961.96	44,261.64

12. ANGGARAN CUKAI SYARIKAT (BORANG CP204) DAN BAYARAN ANSURAN INDIVIDU (BORANG CP500)

Tahun	2019	2018	2017
Bilangan Borang CP204 Diterima	206,595	200,428	196,881
Anggaran Cukai Borang CP204* (RM Juta)	53,289.20	48,557.35	45,695.26
Bilangan Borang CP500 Dikeluarkan	363,271	359,576	339,832
Bayaran Ansuran Borang CP500** (RM Juta)	4,066.80	3,540.01	3,096.59

* Anggaran cukai yang dinyatakan dalam CP204 (bagi kategori syarikat, koperasi dan badan amanah) adalah sebelum apa-apa pindaan dan bayaran dibuat. Data diperolehi mengikut larian pada bulan Januari.

** Bayaran ansuran CP500 (bagi kategori selain syarikat) adalah sebelum apa-apa pindaan dan bayaran dibuat.



TERAS STRATEGIK



1

TERAS STRATEGIK

Pentadbir Sistem Percukaian
Yang Diyakini Rakyat
Fokus Pelanggan

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) komited untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti, menepati kehendak semasa dan tulus. Sistem teknologi maklumat dimanfaatkan secara meluas dan inovatif sebagai pemangkin dalam penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. LHDNM mensasarkan peningkatan perkhidmatan dalam talian menjelang 2020 selaras dengan penggunaan internet sebagai saluran penyampaian perkhidmatan utama. Penambahan rangkaian perkhidmatan layan diri yang menyeluruh dan automatik dapat menjimatkan masa pembayar cukai berurusan dengan LHDNM seterusnya mengurangkan kos pematuhan. Keselamatan sistem maklumat dan fasiliti adalah kritikal dalam memastikan kerahsiaan maklumat pembayar cukai diberi keutamaan. LHDNM mengambil langkah keselamatan sewajarnya untuk melindungi sistem maklumat dan fasiliti daripada sebarang ancaman pencerobohan dan kebocoran maklumat. LHDNM turut menekankan nilai integriti yang tinggi ke atas semua Hasilian. Pelan Integriti LHDNM berteraskan nilai bijak, benar, amanah, telus, adil dan bersyukur bertujuan untuk memelihara reputasi dan imej korporat seterusnya dapat menambah keyakinan pembayar cukai terhadap LHDNM.



1.1 KEADILAN SISTEM PERCUKAIAN

Untuk memastikan keadilan sistem percukaaian, LHDNM sentiasa memantapkan dan mengemas kini undang-undang percukaaian antarabangsa serta garis panduan yang berkaitan dengannya supaya selaras dengan perkembangan serta keperluan semasa. Antaranya ialah *Advance Pricing Arrangement Guidelines/Rules*, *Transfer Pricing Rules and Guidelines* dan *Earning Stripping Rules (ESR)* yang telah siap dipinda dan sedang dalam semakan akhir serta dijangka akan dilaksanakan pada 2020. Sementara itu *Country-by-Country Reporting (CbCR) Rules and Guidelines* juga telah siap sepenuhnya dan dimuat naik ke laman sesawang LHDNM pada Januari 2019.

1.2 PERKHIDMATAN KEPADA PELANGGAN

LHDNM telah mengambil inisiatif memendekkan proses pengisian borang dan pengemukaan borang cukai supaya lengkap, tepat, cepat dan mengurangkan masalah yang dihadapi oleh pembayar cukai. Pengenalan kepada EzHASiL secara elektronik menawarkan pelbagai kemudahan dalam talian supaya pembayar cukai mengendalikan sendiri urusan

percukaaian mereka. Pembayar cukai juga boleh menyemak sendiri butir peribadi, transaksi, kedudukan baki cukai semasa, bayaran balik melalui e-Lejar. Kemudahan lain yang disediakan di bawah EzHASiL ini ialah : LHDNM telah memperkenalkan MyTax iaitu sistem bersepadu yang menggabungkan aplikasi e-Filing, e-Daftar dan e-Borang yang dibuat secara berasingan sebelum ini, sekali gus akan memudahkan pembayar cukai. LHDNM memandang serius untuk memantapkan tadbir urus kewangan kerajaan mendepani transformasi sistem percukaaian negara. LHDNM sentiasa bersedia menambah baik sistem cukai sama ada dari segi tenaga kerja dan sistem dalam talian.

LHDNM komited untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dengan misi menyediakan kemudahan berkaitan percukaaian yang cemerlang supaya sentiasa relevan dengan perubahan dan teknologi semasa. Dalam erti kata lain, LHDNM sentiasa berusaha mengelakkan kelompangan atau ketirisan dalam sistem percukaaian negara, sekali gus dapat meningkatkan kutipan cukai pendapatan dan akhirnya membawa manfaat kepada pembangunan.

Jadual 1 : Aplikasi EzHasil yang disediakan oleh LHDNM

APLIKASI / SISTEM	FUNGSI
e-Filing	Sistem yang membolehkan pembayar cukai membuat pengisian dan menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) dan borang anggaran secara dalam talian.
ByrHasil	Aplikasi elektronik untuk pembayaran cukai pendapatan menggunakan FPX sebagai Gateway.
e-Daftar	Aplikasi permohonan pendaftaran fail cukai pendapatan untuk pembayar cukai baharu.
e-PCB	Sistem yang dibangunkan untuk kegunaan majikan yang TIDAK mempunyai sistem penggajian (payroll) berkomputer bagi membuat pengiraan dan pembayaran Potongan Cukai Bulanan (PCB) secara dalam talian.
e-Data PCB	Sistem yang dibangunkan untuk kegunaan majikan yang mempunyai sistem penggajian (payroll) berkomputer bagi membuat pengiraan dan pembayaran Potongan Cukai Bulanan (PCB) secara dalam talian.
Kalkulator PCB	<p>Aplikasi yang membantu pengiraan amaun PCB yang tepat dan boleh digunakan oleh semua pembayar cukai.</p> <p>Perbezaan dengan sistem PCB yang lain adalah pengiraan amaun PCB yang diperolehi daripada aplikasi ini akan digunakan sebagai panduan kepada pengguna yang masih menghantar Borang CP39 secara manual. Pekerja juga boleh menyemak akan ketepatan amaun PCB yang dipotong oleh majikan.</p>
e-Data Praisi	Sistem yang dibangunkan untuk membolehkan majikan data pendapatan pekerja dan data tersebut akan dimasukkan ke dalam e-Borang. Sekiranya data tersebut telah memenuhi spesifikasi yang ditetapkan, majikan boleh terus memuat naik data ke LHDNM.
e-Filing CKHT / WHT	Sistem yang membolehkan pembayar cukai membuat pengisian secara dalam talian.
e-Kemaskini	<p>e-Kemaskini Profil Diri :</p> <p>Aplikasi ini membolehkan pembayar cukai individu mengemaskini maklumat perhubungan secara dalam talian.</p> <p>e-Kemaskini Maklumat Pelepasan :</p> <p>Aplikasi ini membolehkan pembayar cukai individu memasukkan tuntutan pelepasan dan rebat yang ingin dituntut dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan</p> <p>e-Kemaskini Syarikat :</p> <p>Aplikasi ini membolehkan pembayar cukai syarikat mengemaskini maklumat perhubungan secara dalam talian.</p>
e-Residence	Sistem permohonan Sijil Taraf Mastautin (STM) secara dalam talian sebagai pengesahan bahawa pembayar cukai adalah bermastautin di Malaysia bagi tujuan percukaian. Memandangkan Malaysia telah mempunyai rangkaian Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK) dengan beberapa Negara Pejanji, dengan adanya STM ini, pembayar cukai yang bermastautin di Malaysia layak menuntut manfaat di bawah PPPDK, dan bagi mengelak dikenakan cukai dua kali bagi pendapatan yang sama.
e-SPC	Sistem permohonan surat penyelesaian cukai (SPC) oleh majikan secara elektronik. Majikan boleh menghantar borang mengenai pemberitahuan pemberhentian kerja melalui borang CP22A / CP22B dan borang pemberitahuan bagi pekerja yang hendak meninggalkan negara ini melalui borang CP21.
Stamp Assessment and Payment System (STAMPS)	Sistem taksiran dan pembayaran duti setem yang dibangunkan bagi membolehkan proses penyeteman dibuat secara dalam talian. Duti setem secara Mesin Franking dan Setem Hasil akan digantikan dengan cetakan resit/sijil setem yang dijana oleh sistem ini.
Tax Agent e-Filing (TAeF)	Sistem ini membolehkan ejen cukai membuat pengisian dan penghantaran borang nyata cukai pendapatan pelanggan mereka secara dalam talian.

LHDNM sentiasa menitikberatkan perkhidmatan barisan hadapan dengan memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan. Penambahbaikan sistem khidmat pelanggan telah dibuat dengan membangunkan Smart Management And Reliable Tax System (SMART) bagi menggantikan Customer Relation Management (CRM). Sistem ini memperkasakan perkhidmatan kaunter, panggilan keluar dan masuk secara berpusat serta Borang Maklum Balas Pelanggan (CFF), di samping memperkenalkan Hasil Chat serta membangunkan Hasil Knowledge Center (HKC).

1.3 REPUTASI & IMEJ KORPORAT

Dalam aspek penyelidikan, LHDNM melalui Jabatan Penyelidikan Percukaian (JPP) telah menandatangani empat (4) dokumen kerjasama dengan universiti tempatan untuk menjalankan kajian secara kolaborasi.

Matlamat utama pelaksanaan kajian kolaborasi antara LHDNM dengan institusi penyelidikan ini ialah untuk menghasilkan sebuah kajian yang berkualiti dan bebas dari sebarang pengaruh pihak yang berkepentingan. Gabungan sinergi antara pihak yang mempunyai kepakaran dalam bidang percukaian (LHDNM) dan penyelidikan (Universiti) dapat memberi perspektif yang berbeza kepada pihak pengurusan LHDNM dalam mencorak sistem percukaian serta tadbir urus yang inklusif. Di samping itu, kolaborasi ini dapat membuka peluang perkongsian ilmu dan pengalaman kepada pegawai di JPP selain pendedahan kepada kaedah kajian yang lebih dinamik.

Perjanjian kajian kolaborasi tersebut dimeterai dengan empat universiti terkemuka secara berasingan dalam tahun 2019 dan tajuk kajian adalah seperti di bawah:

1. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) – Collaborative Research On Tax Gap in Malaysia
2. Universiti Teknologi MARA (UiTM) – The Perception of The Taxpayers Towards

The Quality of The Inland Revenue Board Services: Ways to Strengthen The Malaysian Tax Administration

3. Universiti Malaya (UM) – Tax Compliance Costs of The Malaysian SME And Sole Proprietors
4. Universiti Utara Malaysia (UUM) – Perceived Determinants of Tax Non-Compliance of High Net Worth Individuals In Malaysia

Kajian yang dilaksanakan secara kolaborasi dengan badan bebas ini juga penting sebagai nilai tambah kepada reputasi dan imej LHDNM di persada dunia. LHDNM akan diaudit oleh *The International Monetary Fund* (IMF) melalui *Tax Administration Diagnostic Assessment Tool* (TADAT). TADAT ini bertujuan mengukur tahap kematangan sistem pentadbiran percukaian supaya mengikut piawaian amalan terbaik antarabangsa. Seterusnya, ia dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam sistem pentadbiran cukai, membuat reformasi percukaian, pemantauan dan menilai semula selang dua atau tiga tahun berikutnya untuk menilai keberkesanan penambahbaikan yang telah dilaksanakan. Kajian yang dilakukan oleh penyelidik dari institusi penyelidikan yang diiktiraf sama ada dalam dan luar negara ini juga akan memberi merit kepada LHDNM apabila diaudit oleh International Bureau of Fiscal Documentation (IBFD) melalui Tax-Ray yang menyediakan penilaian yang komprehensif berkenaan kekuatan dan kelemahan pentadbiran cukai. Penilaian ini merangkumi bidang utama berikut:

- Persekitaran
- Sistem cukai
- Mandat/Misi dan visi
- Ciri-ciri organisasi pentadbiran cukai
- Operasi cukai (1): Pendaftaran, filing, penaksiran
- Operasi cukai (2): Audit, penyiasatan penipuan
- Operasi cukai (3): Pungutan, rayuan, perkhidmatan

Laporan Tax-Ray ini akan digunakan sebagai penanda aras penilaian sendiri, penambahbaikan selama bertahun-tahun ke atas indikator terpilih atau sebagai perbandingan dengan pentadbir cukai yang lain.

a. Pengurusan Aduan

Pengurusan aduan adalah penting bagi meyakinkan pembayar cukai terhadap perkhidmatan yang diberi. Aduan akan direkodkan secara berpusat dalam SMART. Aduan diterima daripada pembayar cukai melalui pelbagai medium iaitu secara sendiri, emel, telefon, Borang Maklum Balas Pelanggan, media cetak dan media sosial. Ia juga disalurkan melalui Biro Pengaduan Awam (BPA), Kementerian Kewangan Malaysia, agensi-agensi dan saluran-saluran lain. Berikut adalah tindakan yang dilaksanakan oleh LHDNM dalam mengurus sesuatu aduan :

- Menggariskan langkah-langkah dalam menguruskan aduan LHDNM dan maklum balas pembayar cukai;
- Memastikan tindakan diambil dengan cekap dan berkesan serta memenuhi kehendak pembayar cukai; dan
- Menyeragamkan tatacara pengurusan aduan

b. LHDNM juga telah mewujudkan Jawatankuasa Tetap Pengurusan Aduan (JKTPA) yang terdiri daripada dua (2) peringkat iaitu :

- i. Peringkat Ibu Pejabat
- ii. Peringkat Jabatan / Cawangan

Jawatankuasa di peringkat ibu pejabat dianggotai oleh:

- Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan)
- Pengarah Jabatan Khidmat Korporat
- Pengarah Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia

Pengarah jabatan-jabatan tertentu / berkaitan

- Jawatankuasa di peringkat jabatan / cawangan dianggotai oleh:
- Pengarah jabatan / cawangan selaku pengerusi jawatankuasa
- Pengurus Unit Khidmat Pelanggan jabatan / cawangan
- *Customer Care Officer*
- Lain-lain pegawai

Jawatankuasa ini perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun. Minit mesyuarat di peringkat cawangan akan disalurkan ke ibu pejabat bagi tujuan semakan dan pelaporan prestasi cawangan serta membantu cawangan sekiranya terdapat isu yang memerlukan pindaan dasar.

Jadual 2 :
Statistik Aduan Diterima Sepanjang Tahun 2019

Jenis Maklum Balas Pelanggan	2019												Jumlah Kumulatif
	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	
Aduan	8	5	12	11	5	7	55	17	13	24	15	13	185

1.4 PENDIDIKAN DAN KESEDARAN CUKAI

1.4.1 Program Pendidikan Cukai

Saban tahun, LHDNM sentiasa berusaha merealisasikan segala cadangan dan idea yang dirasakan bertepatan dalam usaha untuk menyediakan perkhidmatan percukaian terbaik kepada semua pelanggan yang terdiri daripada pelbagai kategori masyarakat. Inisiatif serta komitmen yang berterusan dilihat mampu membawa impak yang dikehendaki, di samping bergerak seiringan dengan arus pemodenan terkini.

Bagi tahun 2019, penekanan diberikan kepada program-program kepada kumpulan sasar yang terpilih.

Taklimat Berfokus

Selaras dengan misi untuk memberikan perkhidmatan percukaian yang cemerlang, LHDNM melalui Jabatan Khidmat Korporat telah menganjurkan taklimat dan bengkel berfokus Nasihat Sokongan Peniaga – NSP seperti yang termaktub dalam Arahan Operasi Bil. 1/2019. Setiap cawangan diberi sasaran untuk melaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) program taklimat setiap bulan kepada kumpulan berfokus iaitu perniagaan industri kecil dan sederhana serta majikan terpilih. Pelaksanaan adalah berdasarkan Garis Panduan Taklimat/Bengkel Berfokus NSP.

Berikut merupakan program-program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019:

Jadual 3 : Program Kolaborasi Yang Telah Dilaksanakan Sepanjang Tahun 2019

BIL	PROGRAM	GOLONGAN SASARAN	KETERANGAN
1.	Program Sahabat HASIL	Pelajar semester akhir fakulti perakaunan, perniagaan institusi pengajian tinggi (IPT)	<p>Pelajar terlibat akan dibawa melawat cawangan LHDNM terpilih dan diberi penerangan mengenai percukaian.</p> <p>Bagi tahun 2019, sebanyak 12 sesi diadakan melibatkan 735 orang pelajar terdiri daripada IPT berikut :</p> <ul style="list-style-type: none">- Petra Christian University, Surabaya Indonesia- Universiti Multimedia Melaka- Kolej Teknologi Darul Naim- Universiti Putra Malaysia- UiTM Shah Alam- Politeknik Muadzam Shah- Kolej Antarabangsa Unifield, Nilai
2.	Program BIZREV - Kolaborasi bersama MyPerintis	Para belia dan peniaga SME	<ul style="list-style-type: none">- Konsep road tour telah diadakan sebanyak 8 lokasi pada tahun 2019 dengan penglibatan seramai 1,010 orang peserta- Lokasi yang terlibat ialah Kuala Lumpur, Sendayan Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Ipoh, Alor Setar, Johor Bahru, Kota Kinabalu dan Kuching- Antara agensi yang terlibat ialah Pos Malaysia, CIMB, Swingvy dan UNIFI

3.	Program My Money & Me - Kolaborasi bersama Malaysian Financial Planning Council (MFPC)	Usahawan kecil, para belia dan peniaga	<ul style="list-style-type: none"> - Antara agensi yang terlibat ialah LHDNM, KWSP, AKPK, PERKESO dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia - Seminar berkonsepkan pengurusan kewangan - Sebanyak 7 lokasi telah dijalankan melibatkan 1,500 peserta - Lokasi yang terlibat ialah Johor Bahru, Port Dickson, Kuching, Melaka, Kota Bharu, Dataran Maybank KL dan LHDNM Cawangan Petaling Jaya
4.	Bengkel Tanggungjawab Majikan - Kolaborasi bersama KWSP	Para majikan yang berdaftar dengan KWSP	<ul style="list-style-type: none"> - Konsep Road tour dijalankan pada tahun 2019. - Sebanyak 35 taklimat telah dilaksanakan bersama LHDNM di seluruh Malaysia melibatkan seramai 1,050 peserta
5.	Program Kolaborasi Bersama CTIM : a) "Half-day Talk" Kerjasama dengan The Chinese Chamber of Commerce & Industry (CCCI)	Pembayar cukai berbangsa Cina	<ul style="list-style-type: none"> - Program yang diadakan sempena Special Voluntary Disclosure Programme (SVDP) - Taklimat disampaikan dalam Bahasa Cina - Berlangsung di 7 lokasi iaitu : <ul style="list-style-type: none"> ✓ CCCI Melaka ✓ CCCI Kuantan ✓ CCCI Kuala Terengganu ✓ CCCI Klang ✓ CCCI Kota Bharu ✓ CCCI Johor Bahru ✓ CCCI Jerantut
	b) Seminar SVDP: Let's Chat 2019		<ul style="list-style-type: none"> - Berlangsung di 2 lokasi iaitu : <ul style="list-style-type: none"> ✓ Pulau Pinang ✓ Kuala Lumpur - Melibatkan 650 peserta
6.	Program Kolaborasi Bersama YYC Advisors (Accounting Firm) - Program 'Tax Education In Chinese Language'	Pembayar cukai berbangsa Cina	<ul style="list-style-type: none"> - Taklimat disampaikan dalam Bahasa Cina - Berlangsung di 4 lokasi iaitu : <ul style="list-style-type: none"> ✓ Kuala Lumpur ✓ Johor Bahru ✓ Pulau Pinang ✓ Segamat - Melibatkan 590 orang peserta
7.	Program bersama Maktab Koperasi Malaysia (MKM)	Ahli koperasi seluruh Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> - Taklimat berkaitan percukaian koperasi - Diadakan di 14 lokasi seluruh Malaysia. Antaranya Petaling Jaya, Bangi, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. - Disampaikan oleh penceramah dari Cawangan Pembayar Cukai Besar - Melibatkan 2,010 orang peserta
8.	Program Kolaborasi Bersama Association of Inland Revenue Alumni (AIRA)	Bekas pegawai LHDNM	<ul style="list-style-type: none"> - Taklimat berkaitan SVDP - Berlangsung di 4 lokasi iaitu di : <ul style="list-style-type: none"> ✓ LHDNM Jalan Duta ✓ LHDNM Caw Bukit Mertajam ✓ Akademi Percukaian Malaysia, Kuching ✓ LHDNM Kota Kinabalu - Melibatkan 370 orang peserta

9.	Bengkel dan Taklimat Bersama Persatuan Usahawan Internet Malaysia (PUIM)	Usahawan Internet	<ul style="list-style-type: none"> - 2 kali taklimat percukaian pada tahun 2019. - Melibatkan 400 orang peserta
10.	Seminar Percukaian Anjuran Persatuan Percukaian dan Ejen Cukai	Pengamal dan pembayar cukai	<ul style="list-style-type: none"> - Sebanyak 73 seminar telah diadakan - Antara persatuan dan ejen cukai yang terlibat ialah : <ul style="list-style-type: none"> ✓ MATA ✓ MIA ✓ MEF ✓ CTIM ✓ FMM ✓ EY ✓ Deloitte ✓ PWC ✓ TRATAX ✓ KPMG - Diadakan di 23 lokasi seluruh Malaysia - Melibatkan 8,760 orang peserta
11.	Program Tunjuk Ajarku Sifu (Saya Majikan Bijak) 2.0	Wakil majikan di seluruh Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> - Rentetan daripada Program Tunjuk Ajarku Sifu (Saya Majikan Bijak) yang mula diadakan pada tahun 2018 - Berlangsung di 4 lokasi pada tahun 2019 iaitu : <ul style="list-style-type: none"> ✓ LHDNM Caw Kluang ✓ LHDNM Kuala Terengganu ✓ Akademi Percukaian Malaysia, Kuching ✓ LHDNM Cheras - Melibatkan 1500 orang peserta
12.	Program TOT (Training of Trainers)	Pegawai LHDNM	<ul style="list-style-type: none"> - Taklimat berkaitan majikan - Melibatkan 80 orang pegawai LHDNM dari unit majikan cawangan
13.	Program 'Taxplorace' (Kesedaran Cukai)	Pelajar IPT	<ul style="list-style-type: none"> - Memberi kesedaran cukai kepada pelajar-pelajar IPT (bakal pembayar cukai) - Berbentuk permainan berkumpulan seperti Search Word, Puzzle dan Pengiraan Cukai - Diadakan di 3 lokasi iaitu : <ul style="list-style-type: none"> ✓ UiTM Puncak Alam ✓ UiTM Dungun ✓ Universiti Utara Malaysia (UUM) - Melibatkan 150 orang pelajar

Berikut merupakan ringkasan aktiviti pendidikan cukai yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Khidmat Korporat di bawah kendalian Bahagian Pendidikan Cukai sepanjang tahun 2019:

Jadual 4 : Ringkasan Aktiviti Pendidikan Cukai Yang Telah Dilaksanakan Sepanjang Tahun 2019

Tahun	Peserta Hadir Taklimat	Peserta Hadir Taklimat Kolaborasi	Bilangan Agensi Kolaborasi	Program Bakal Pembayar Cukai	Kidzania	Edaran Bahan Pendidikan Cukai
2017	190,707	23,870	20	15,551	14,937	78,042
2018	163,645	25,657	97	4,676	15,501	63,955
2019	179,685	38,372	108	7,226	14,865	63,955

1.4.2 Program Kesedaran Cukai

Selain daripada pendidikan, program kesedaran cukai juga telah dijalankan secara konsisten dalam memastikan segala hebahan terkini berhubung aktiviti serta mesej percukaian dapat disampaikan dengan baik dan berkesan.

Berikut merupakan ringkasan kepada program kesedaran cukai yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Khidmat Korporat melalui Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia:

Jadual 5 : Ringkasan Aktiviti Kesedaran Cukai Yang Telah Dilaksanakan Sepanjang Tahun 2019

Tahun	Pengunjung Kaunter HCG & UTC	Program TV & Radio	Wawancara	Klinik Cukai	Artikel	Jumlah-Kaunter UTC	Pembukaan Kaunter Luar
2017	3,571,989	21	8	13	11	10	1,389
2018	3,413,906	16	5	13	6	10	4,553
2019	3,504,972	20	14	15	25	12	2,996

*HCG – Hasil Care Group

*UTC – Urban Transformation Centre

Program kesedaran cukai juga melibatkan program Jom Klik Hasil. Antara objektifnya adalah memberi khidmat nasihat berkenaan hal-hal percukaian kepada pembayar cukai melalui pembukaan kaunter perkhidmatan dan penyampaian taklimat percukaian di luar premis pejabat LHDNM.

Program Jom KLIK HASiL di peringkat LHDNM melibatkan aktiviti seperti berikut:

- Skop Perkhidmatan Penerimaan Borang Nyata (BN) yang merujuk kepada Program Memfail BN setiap tahun dan/atau Pekeliling Operasi Sistem e-Filing;
- Kaunter Perkhidmatan e-Filing (Dalam Premis LHDNM);
- Kaunter Perkhidmatan e-Filing (Luar Premis LHDNM);

- Taklimat Pendidikan Cukai (Dalam Premis LHDNM);
- Taklimat Pendidikan Cukai (Luar Premis LHDNM);
- Hebahan Kenyataan Media / Akhbar dan Temubual di Televisyen / Radio;
- Perkhidmatan Elektronik ezHASiL;

1.4.3 Penganjuran bagi menyampaikan maklumat terkini

- a. Penganjuran National Tax Conference (NTC)

Program tahunan National Tax Conference (NTC) 2019 anjuran bersama Akademi Percukaian Malaysia dan Chartered Tax Institute of Malaysia telah diadakan untuk kali ke 19 pada 5 dan 6 Ogos 2019 bertempat di

Kuala Lumpur Convention Center. Bertemakan Economic Prosperity and Taxation, NTC 2019 telah dihadiri seramai 2,555 peserta. Sebanyak tujuh topik diketengahkan melibatkan seramai enam wakil LHDNM dan 15 wakil badan profesional dan pakar industri sebagai pembentang dan moderator. Mengambil kira kesan ekonomi digital kepada persekitaran percukaian negara pada ketika itu, penganjur turut menjemput wakil *Organisation for Economic Development and Cooperation (OECD)* bagi memberikan perkongsian berhubung perkembangan terkini inisiatif kerjasama OECD dalam menangani isu tersebut. Dengan berpegang kepada asas bahawa ekonomi dan cukai tidak boleh dipisahkan, tradisi diteruskan dengan mengengahkan isu ekonomi semasa bagi manfaat pengamal cukai yang hadir.

b. Penganjuran Seminar Percukaian Kebangsaan (SPK)

Penganjuran SPK ini merupakan program tahunan yang berprestij bagi LHDNM. Penganjurannya telah dirasmikan pada 15 Oktober 2019 di Manhattan Ballroom, Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur. SPK ini adalah kesinambungan daripada pembentangan Belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan Malaysia di Parlimen setiap tahun. Kumpulan sasaran ialah ejen cukai, pengamal percukaian, ahli akademik, majikan serta orang awam. SPK ini merupakan salah satu daripada pelbagai program tahunan pendidikan cukai yang menyediakan platform untuk memberi pendedahan dan maklumat terkini tentang isu pindaan undang-undang percukaian yang diumumkan semasa pembentangan belanjawan 2020.

c. Penganjuran Persidangan Tahunan Teknikal ke-40 Commonwealth Associate of Tax Administrators (CATA)

CATA ditubuhkan pada tahun 1978 yang dianggotai oleh 46 negara Komawel merupakan sebuah pertubuhan percukaian antarabangsa. Ia membantu negara anggota

melalui persidangan, program latihan, penerbitan dan perkongsian pengetahuan bagi membangunkan pentadbiran cukai yang berkesan menggalakkan pembangunan mampan serta tadbir urus yang efisien. Negara anggota diberi peluang menjadi tuan rumah kepada persidangan ini secara bergilir. Pada tahun 2019, Malaysia sekali lagi diberi penghormatan untuk menganjurkannya bagi kali yang ketiga. Persidangan kali ini bertemakan "*Addressing the Shadow Economy and Digitalisation in Securing Revenue for Sustainable Development*".

Persidangan ini telah dianjurkan dengan jayanya pada 11 hingga 14 November 2019 di The Wembley-A St. Giles Hotel, Pulau Pinang. Persidangan ini telah dihadiri oleh 161 perwakilan dari 21 negara anggota Komanwel, syarikat dan pertubuhan antarabangsa iaitu *Inter-American Center for Tax Administrations (CIAT)*; *Organisation for Economic Development and Cooperation (OECD)*; *International Bureau of Fiscal Documentation (IBFD)*; *International Monetary Fund (IMF)*; *Asia-Oceania Tax Consultant Association (AOTCA)*; *Pacific Islands Tax Administrators Association (PITAA)*; *Ernst & Young, United Kingdom*; *Nigeria Governors Forum*; *Invenio Business Solutions dan Axcelasia Inc.* Turut mengambil bahagian dalam persidangan ini ialah Kementerian Kewangan Malaysia, Jawatankuasa Reformasi Cukai dan Alumni of Inland Revenue Association (AIRA); serta institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara.

Persidangan ini telah berjaya memberi pendedahan kepada peserta mengenai maklumat penting terkini sistem percukaian yang diamalkan di negara lain di samping mewujudkan jaringan kerjasama antara pentadbir cukai. Selain itu, ia memberi peluang kepada Malaysia mengukur tahap kejayaan berbanding dengan negara ahli yang lain dan seterusnya dapat mengenal pasti amalan terbaik yang boleh dilaksanakan bagi menambah baik sistem pentadbiran percukaian sedia ada.

2

TERAS STRATEGIK

Sistem dan Prosedur Kerja Yang Cepak dan Berkesan – Kecemerlangan Operasi

LHDNM akan sentiasa menambah baik piawaian perkhidmatan bagi memastikan keberkesanan dan kecekapan prestasi perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan. Strategi LHDNM ialah membangunkan dan memantapkan sistem teknologi maklumat dan komunikasi, meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kos, menambah baik prosedur kerja dan membudayakan pengurusan risiko dalam proses kerja. Kadar pematuhan dapat dipertingkatkan dengan adanya kemudahan capaian kepada maklumat yang cepat, tepat dan boleh diperolehi pada bila – bila masa. Pemantapan aplikasi sistem percukaian dibuat supaya ia boleh dicapai dari pelbagai lokasi dan peranti elektronik mudah alih. Penggunaan alat analisis data dan penambahan automasi dibuat untuk menambah baik proses kerja sedia ada. Ini menyumbang kepada keberkesanan kos dalaman dengan pengagihan sumber yang strategik. Prosedur kerja diperkemas secara berterusan bagi mengurangkan kerenah birokrasi dan mempercepatkan proses membuat keputusan. Inisiatif – inisiatif yang diambil bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan fungsi sistem teknologi maklumat yang dilaksanakan di bawah teras ini.



2.1. Membangun Dan Memantapkan Sistem

2.1.1 *Smart Management And Reliable Tax System (SMART)*

Pelaksanaan Smart Management And Reliable Tax System (SMART) bertujuan menggantikan *Customer Relation Management (CRM)* yang telah diguna pakai di Kaunter Khidmat Pelanggan/ Kaunter Setempat Cawangan (KST) LHDNM bermula dari tahun 2014 sehingga 31 Mei 2019. Ini merupakan usaha penambahbaikan berterusan sistem penyampaian maklumat dengan menggunakan teknologi terkini serta memantapkan proses operasi sedia ada. Sebelum ini, pelaksanaan CRM hanya dapat digunakan di 14 cawangan di Kaunter Khidmat Pelanggan/KST. Oleh itu, sistem baharu SMART diperkenalkan di KST mulai 16 Mei 2019 yang mempunyai capaian yang lebih luas dan peranan diberikan kepada semua cawangan secara berperingkat termasuk Pusat Khidmat Hasil (PKH), Urban Transformation Centre (UTC) dan Pejabat Satelit mengikut beberapa fasa. Sehingga akhir tahun 2019 LHDNM mempunyai 36 cawangan, 44 PKH, 9 UTC dan 2 Pejabat Satelit.

SMART juga merupakan sistem pengurusan interaksi LHDNM dengan pelanggan. Ia digunakan untuk merekod, mengurus, memantau dan mengagihkan tindakan secara berkesan sehingga kepada pegawai di *back office*. *Back office* ini merujuk kepada unit-unit cawangan yang menggunakan dan mempunyai peranan SMART. Unit ini akan mengendalikan kes yang disalurkan oleh pegawai khidmat pelanggan dan mengagihkan kepada pegawai yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan kes.

Objektif Pembangunan SMART adalah seperti berikut :

- Menyediakan sistem pengurusan kes khidmat pelanggan secara berpusat yang meliputi pelbagai saluran perhubungan pelanggan termasuk telefon, kaunter setempat, e-mel, faks, maklum balas pelanggan dan media sosial LHDNM.

- Meluaskan penggunaan SMART di peringkat *frontliner* di seluruh cawangan LHDNM bagi meningkatkan kecekapan pengurusan kes dan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.
- Meningkatkan keupayaan melalui pelaksanaan kemudahan *Online Self Service Portal* kepada pelanggan bagi memudahkan pelanggan membuat pertanyaan dan permohonan perkhidmatan pelanggan secara dalam talian seterusnya mengurangkan kesesakan pelanggan di kaunter.
- Menambah baik integrasi SMART dengan *back office* bagi meningkatkan kecekapan pemantauan dan penyelesaian kes khidmat pelanggan sebagaimana komitmen LHDNM dalam piagam pelanggan.
- Menjana statistik perkhidmatan yang diberikan oleh *Hasil Care Line (HCL)*, KST, PKH, UTC dan Pejabat Satelit bagi membantu Jabatan Khidmat Korporat dalam merancang pembelajaran cukai yang lebih komprehensif serta berfokus kepada topik-topik yang penting di peringkat ibu pejabat dan cawangan.
- Mendapatkan maklum balas perkhidmatan yang diberikan daripada pembayar cukai melalui *e-survey* untuk panggilan, chat dan lain-lain khidmat pelanggan dengan lebih efektif sebaik sahaja perkhidmatan diberikan.

Perkhidmatan berpusat yang disediakan dan direkodkan secara berpusat adalah :

- a. Panggilan masuk – *Hasil Care Line (HCL)*
 - Panggilan masuk
 - *Chat* dan *Co-browsing*
- b. *Panggilan keluar – Hasil Recovery Call Centre (HRCC)*
- c. Kaunter Khidmat Pelanggan
Kaunter khidmat pelanggan adalah merujuk kepada KST, PKH, UTC dan Pejabat Satelit.
- d. Media Sosial LHDNM
- e. Borang Maklumbalas Pelanggan
 - Pertanyaan
 - Aduan
 - Penghargaan
 - Cadangan

- f. Emel yang dimuat naik ke SMART, bagi kes yang diterima melalui emel *Customer Care Officer (CCO) / Deputy Customer Care Officer (DCCO)* atau lain-lain sumber emel.

Rajah 1 : Integrasi SMART Dengan Sistem Dalaman LHDNM Yang Lain



2.1.2 SISTEM e-CP39

LHDNM telah memperkenalkan produk baharu iaitu e-CP39. Produk baharu ini yang dilengkapi dengan e-Jadual PCB sebagai alternatif kepada e-PCB dan e-Data PCB sedia ada bagi memudahkan majikan menghantar data Potongan Cukai Bulanan (PCB). Sistem e-CP39 ini merupakan satu lagi kaedah untuk memudahkan majikan menghantar data Potongan Cukai Bulanan (PCB) pekerja secara dalam talian selain e-PCB dan e-Data PCB. e-Jadual PCB juga adalah penambahbaikan kepada sistem sokongan sedia ada iaitu sistem dan aplikasi Kalkulator PCB.

- Membudayakan konsep hijau (*go-green*) untuk mencetak borang manual CP39 serta dapat menjimatkan kos mencetak dan tenaga kerja untuk memproses borang tersebut.

Pengguna Sasaran

Sasaran sistem e-CP39 ini ialah majikan yang masih menggunakan kaedah penghantaran dan pembayaran PCB secara manual. Jadual 1 menerangkan perbezaan pengguna sasaran sistem ini dengan sistem e-PCB dan sistem e-Data PCB.

Objektif e-CP39 diperkenalkan adalah :

- Memudahkan majikan menggunakan borang manual CP39 untuk membuat penghantaran Borang CP39 secara dalam talian.
- Memudahkan majikan untuk membuat bayaran PCB di bank ataupun secara dalam talian tanpa perlu hadir ke Pusat Bayaran LHDNM.
- Mempercepatkan masa majikan bagi mengisi, menghantar dan membayar PCB.
- Mempercepatkan proses pembukuan ke lejar pekerja selari dengan bayaran yang telah dibayar oleh majikan.
- Menyahut cabaran kerajaan dalam mempelbagaikan perkhidmatan secara dalam talian kepada masyarakat.



Jadual 1: Pengguna Sasaran Sistem e-CP39

Sistem e-CP39	Sistem e-PCB	Sistem e-Data PCB
Majikan yang masih menggunakan kaedah penghantaran data dan bayaran secara manual	Majikan yang membuat pengiraan PCB menggunakan Kalkulator PCB.	Majikan yang membuat bayaran PCB menggunakan disket/Cakera Padat/Pemacu Pena
Majikan yang TIDAK MEMPUNYAI sistem penggajian berkomputer untuk mengira dan menyemak PCB.		Majikan yang MEMPUNYAI sistem berkomputer untuk mengira dan menyemak PCB

Terdapat dua kategori pengguna Sistem e-CP39 iaitu pengguna berdaftar dan tidak berdaftar seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2.

Jadual 2 : Kategori Pengguna Sistem e-CP39


Pengguna berdaftar	Pengguna tidak berdaftar
Sesuai untuk majikan yang membuat penghantaran dan pembayaran PCB berkala	Sesuai untuk majikan yang tidak kerap membuat penghantaran dan pembayaran PCB
Pengguna perlu mendaftar berserta nombor rujukan cukai majikan (Fail E) yang sah terlebih dahulu sebelum dibenarkan mengakses sistem ini.	
Pengguna tidak perlu mendaftar, sebaliknya boleh terus dibenarkan mengakses sistem e-CP39.	
Semua data yang telah direkodkan akan disimpan di dalam sistem dan boleh digunakan semula bagi penggunaan bulan hadapan.	Maklumat yang dimuat naik tidak akan disimpan di dalam sistem dan pengguna dikehendaki untuk memuat naik semula bagi penggunaan akan datang.

2.1.3 Pembangunan sistem *MySaman*

Sistem *MySaman* yang diusahakan secara bersama oleh Jabatan Undang-undang dan Jabatan Teknologi Maklumat ini bertujuan untuk mempercepatkan proses penyediaan dokumen bagi kes sivil dan jenayah di semua Unit Undang-Undang Cawangan (bahagian pendakwaan dan sivil). Sistem yang mula digunakan pada Julai 2019 ini dibahagikan kepada dua (2) slot iaitu :

2.1.4 Pembangunan Sistem MyTax Syarikat

Kesinambungan daripada MyTax yang telah memanfaatkan pembayar cukai individu sebelum ini, sebarang makluman dan pemberitahuan kepada pembayar cukai syarikat disampaikan secara dalam talian melalui sistem ini. Pembayar cukai syarikat juga dapat menyemak makluman dan pemberitahuan yang telah diterima di dalam digital *mybox*. Sebarang makluman dan pemberitahuan kepada



Rajah 2 : Slot Dalam Sistem MySaman

pembayar cukai syarikat sampai lebih cepat dan tepat kepada pengarah syarikat dan pihak yang diberi kuasa kerana capaian boleh dibuat dengan menggunakan Sijil Digital Organisasi (OeF).

2.1.5 Penambahbaikan sistem STAMPS

Di bawah strategi untuk mengharmonikan prosedur kerja agar setara dengan pentadbiran cukai terbaik, LHDNM melalui Jabatan Operasi Setem dan CKHT telah menambah baik sistem STAMPS dengan memberi penumpuan kepada perkhidmatan kritikal. Ini diterjemahkan dengan menyediakan platform bagi proses penyeteman secara pukal untuk transaksi sekelompok dalam STAMPS yang lebih mudah dan cepat. Pembangunan secara in-house ini telah selesai sepenuhnya pada 31 Disember 2019. Selain itu, e-bayaran melalui STAMPS juga telah diperluaskan fungsinya kepada pengguna individu. Sistem ini juga telah selesai dibangunkan sepenuhnya pada akhir 2019.

2.2 MENAMBAHBAIK PROSES KERJA

2.2.1 Unit Khas Selebriti

LHDNM mengambil langkah proaktif menubuhkan Unit Selebriti pada 1 Januari 2019 bagi membantu golongan selebriti untuk menunaikan tanggungjawab mereka dan

memberi kesedaran tentang pematuhan cukai. Sebelum ini golongan selebriti ini melakukan urusan berkaitan cukai pendapatan di mana-mana cawangan LHDNM di seluruh negara. Inisiatif menyatukan selebriti yang terdiri daripada pelbagai cabang karier ini dilihat sebagai langkah yang tepat memandangkan mereka adalah golongan yang berpengaruh dalam bidang masing-masing dan secara tidak langsung, penyampaian maklumat akan lebih berfokus serta berkesan.

Objektif unit ini ditubuhkan ialah untuk memudahkan golongan ini mendapatkan maklumat mengenai segala urusan percukaian. Kerjaya yang dikategorikan sebagai selebriti ialah penyanyi, pelakon, model, penyampai radio, pengacara, penulis lirik, komposer, juri profesional, penceramah bebas, duta produk, ahli sukan, chef selebriti, selebriti internet, pengarang sambilan dan *'instafamous'*. Unit ini memberikan perkhidmatan percuma berhubung dengan kaedah pembayaran dan khidmat nasihat mengenai pengisytiharan pendapatan dan pengiraan cukai bagi mengelakkan tunggakan cukai sekali gus menjadi beban sekiranya tidak dilangsaikan dalam kadar segera. Unit ini juga bekerjasama dengan persatuan artis seperti Seniman, Karyawan, Astro dan Profima selain syarikat produksi bagi mempromosikan kewujudannya.



3

TERAS STRATEGIK

LHDN Penyumbang Utama Kemakmuran Negara dan Kesejahteraan Rakyat – Pematuhan Sukarela

LHDNM adalah penyumbang utama hasil kerajaan bagi menjana pembangunan negara demi kesejahteraan rakyat. Sejak 2011, hasil kutipan LHDNM adalah melebihi 55% daripada keseluruhan hasil negara. Kedudukan kewangan negara yang kukuh menjamin keupayaan kerajaan mengurus keperluan rakyat dengan baik. Taraf sosioekonomi rakyat yang meliputi kos sara hidup, peluang pekerjaan, kemudahan pendidikan, jaminan keselamatan dan perkhidmatan kesihatan dapat ditingkatkan. Di samping itu, kemudahan infrastruktur yang lebih berkualiti juga dapat disediakan. Justeru itu, kekayaan dan kemakmuran negara dapat dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat. LHDNM komited untuk merealisasikan hasrat kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat. Kesenambungan kutipan hasil yang memberangsangkan perlu dikekalkan melalui pelaksanaan objektif strategik yang telah dirancang iaitu meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela, mengurangkan ketirisan cukai, memantapkan pengurusan hutang cukai dan membesarkan asas cukai. Pematuhan cukai secara sukarela dimaksimumkan dengan program pematuhan yang seimbang dan fokus berasaskan risiko, ketelusan dan sikap pematuhan pembayar cukai. LHDNM mempelbagaikan usaha memudahkan urusan percukaian serta mengurangkan kos pematuhan bagi pembayar cukai yang sentiasa bersedia untuk mematuhi tanggungjawab percukaian mereka.



Dalam usaha menjamin pelaksanaan cukai yang adil kepada semua, tindakan penguatkuasaan yang tegas dikenakan ke atas pembayar cukai yang enggan mematuhi undang-undang percukaian. LHDNM merancang dan mensasarkan aktiviti pematuhan menggunakan pendekatan pengurusan risiko yang mengambil kira punca dan akibat ketidakpatuhan cukai. Pengurusan hutang cukai diperkemas dengan memberi tumpuan kepada pencegahan hutang, mengenal pasti punca yang boleh menyebabkan keberhutangan dan melaksanakan kaedah kutipan hutang yang cekap dan berkesan. Strategi memperluaskan asas cukai adalah penting demi memastikan kelangsungan kutipan hasil yang mampan.

Oleh itu, LHDNM mengambil langkah meningkatkan kesedaran cukai melalui pemerksaan aktiviti pendidikan cukai serta memantapkan perkongsian maklumat melalui jaringan kerjasama dengan agensi lain. LHDNM berusaha gigih bagi mengurangkan ketirisan cukai dalam usaha menyalurkan hasil yang cukup kepada kerajaan supaya dapat diberikan kembali kepada rakyat. Ini amat penting dalam memastikan kelangsungan insentif dan bantuan kepada rakyat, seterusnya menggalakkan pertumbuhan serta penjana ekonomi negara.

3.1 PEMATUHAN CUKAI SECARA SUKARELA

Penguatkuasaan Undang-Undang dan Pematuhan

Usaha memperkasakan aktiviti tindakan khas dan pematuhan dikendalikan oleh Jabatan Tindakan Khas yang menumpukan aktiviti siasatan sivil berfokuskan kepada kes berprofil tinggi, kekayaan luar biasa serta kes perancangan cukai agresif terutama kes GLC, MNE, kes transaksi merentas sempadan dan entiti Labuan bagi meningkatkan hasil kutipan. Melalui tindakan ini, sebanyak 959 kes dapat diselesaikan dengan jumlah kutipan RM2.13 bilion. Jabatan ini telah mengambil inisiatif dan keputusan kes yang dikategorikan dalam siasatan jenayah. Cara ini telah berjaya menyelesaikan sebanyak 45 kes dengan jumlah kutipan RM7.67 bilion. Jabatan Tindakan Khas terus mengekalkan kerjasama menyelesaikan kes isu percukaian industri khas dengan Cawangan Industri Khas (CIK) dan Cawangan Pembayar Cukai Besar (CPCB). Manakala kes isu transaksi rentas sempadan bekerjasama dengan Cawangan Cukai Multinasional (CCM) dan Jabatan Percukaian Antarabangsa (JPCA).

Usaha meningkatkan pematuhan sentiasa dikemaskini dengan memfokuskan kepada kes tindakan pendakwaan di bawah kesalahan seksyen 112, 113, 114 dan lain-lain kesalahan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Selain itu memantapkan kolaborasi bersama Bahagian Pencegahan Pengubalan Wang Haram bagi kes yang berkaitan dengan *Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001* (AMLATFPUAA).

Seterusnya kerjasama turut diadakan antara agensi penguatkuasaan di bawah *National Coordination Committee* (NCC). Perkasaan maklumat analisis kewangan berdasarkan data *Financial Intelligence System* (FINS), *International Transactions Information System* (ITIS) yang melibatkan penggubahan wang haram dan maklumat kewangan dari Bank Negara Malaysia juga dilaksanakan.

3.2 MENGURANGKAN KETIRISAN HASIL

3.2.1 Mengurangkan risiko ketirisan cukai dan memperluaskan asas cukai

Jabatan Perisikan dan Profiling bertanggungjawab merancang program dan aktiviti perisikan serta pengumpulan maklumat/data bersama pihak ketiga iaitu agensi kerajaan dan swasta yang terpilih. Usaha untuk mengekalkan jaringan hubungan dan mempergiatkan aktiviti dengan pihak ketiga ini dilihat penting bagi menghasilkan Kertas Risikan dan Kes Potensi berkualiti untuk tindakan lanjut Jabatan Tindakan Khas dan Jabatan Operasi Khas.

Selain itu, LHDNM telah berjaya menjalinkan kerjasama dan tindakan strategik untuk pencegahan dan pembanterasannya pelarian cukai (*tax evasion*) serta pengelakan cukai (*tax avoidance*) melalui perkongsian maklumat/data ini. Sepanjang tahun 2019 jabatan ini telah berjaya menjalinkan kerjasama strategik bersama 7,057 agensi kerajaan dan swasta sebanyak bagi mengurangkan risiko ketirisan cukai. Hasil perkongsian maklumat dan data pihak ketiga ini, LHDNM berjaya memperluaskan asas cukai sebanyak 278,166 fail pembayar cukai baharu dan 5,840 Fail Q berjaya didaftarkan. Aktiviti pengumpulan maklumat dan data ini dijalankan dengan lebih berfokus kepada sektor ekonomi utama yang menyumbang kepada KDNK seperti pembinaan, pertanian, pemborongan serta peruncitan dan lain-lain. Ia juga menumpukan aktiviti pengumpulan maklumat kepada isu-isu semasa seperti ekonomi bayangan, ekonomi gig dan lain-lain.

Di bawah strategi ini juga, beberapa perjanjian dan usaha sama telah dibuat bersama 5 buah agensi yang terlibat dalam pemberian dan permohonan perkongsian data antara agensi yang dikendalikan oleh Jabatan Operasi Cukai iaitu :

- a. Memorandum Perkongsian Maklumat (MoU) ditandatangani antara LHDNM dan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP) Negeri Sabah;
- b. Permohonan data individu bagi program MySalam;
- c. Penerimaan senarai penerima pinjaman PTPTN untuk semakan pemilikan aset hartanah;
- d. Penerimaan data pendaftaran perniagaan (ROB) daripada SSM pada Oktober 2019;
- e. Penerimaan data maklumat bayaran selain kontrak kepada individu / syarikat daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM);

LHDNM melalui Jabatan Percukaian Antarabangsa sentiasa mengemas kini dasar percukaian antarabangsa supaya seiring dengan amalan terbaik dan mematuhi piawaian antarabangsa dengan mengguna pakai model OECD. Perjanjian Pengelakan Percukaian Dua Kali (PPPDK) sentiasa disemak semula dan diperkemaskan supaya selaras dengan perkembangan percukaian antarabangsa bagi tujuan mengurangkan ketirisan cukai. Modal PPPDK Malaysia yang mengadaptasi *OECD Tax Convention and United Nations Model Double Tax Convention 2017, Multilateral Convention to Implement Tax Treaty Related Measure to Prevent Base Erosion and Profit Shifting* telah dibentangkan dalam Bengkel Pemantapan Perjanjian Pengelakan Percukaian Dua Kali anjuran Kementerian Kewangan.

Selain itu, proses pengumpulan data dan maklumat syarikat MNE serta pembayar cukai Malaysia dijalankan dengan lebih mantap dan kemas. Pengumpulan data tersebut dibuat melalui Borang MNE dengan menjadikan Borang Syarikat Multinasional sebagai sebahagian daripada Borang C; menyediakan sistem portal CbCR yang mengandungi

pendaftaran CbCR dan Pengemukaan modul CbCR; sistem pertukaran maklumat *Exchange Tax Rulings* (ETR) di mana Hasil International Data Exchange Facility (HiDEF) telah digunakan sepenuhnya mulai tahun 2019; menyediakan sistem yang boleh menggunakan maklumat pembayar cukai yang mempunyai akaun *offshore* melalui pembangunan sistem untuk pelaporan CRS dan FATCA dan pembangunan sistem CMS-EOI untuk mentadbir pertukaran maklumat.

3.2.2 Penglibatan LHDNM Sebagai Ahli Tetap Dalam Jawatankuasa Reformasi Cukai

Jawatankuasa Reformasi Cukai (JRC) telah dipengerusikan oleh mantan Ketua Pengarah Eksekutif LHDNM YBhg Tan Sri Hasmah Abdullah. Jawatankuasa ini turut dianggotai oleh tokoh yang mempunyai kepakaran dalam bidang pencukaian dan kewangan, iaitu Dr Verinderjeet Singh, Datuk Chua Tia Guan dan Encik Amardeep Singh.

Jawatankuasa ini dilengkapi dengan penyertaan Setiausaha Bahagian Cukai Kementerian Kewangan dan Timbalannya, Dato Khodijah Abdullah dan Encik Mohd Sakeri Abdul Kadir, bersama Timbalan Setiausaha Bahagian Fiskal dan Ekonomi, Encik Mohd Hassan Ahmad. LHDNM telah diberi penghormatan melalui Jabatan Penyelidikan Percukaian (JPP) menjadi ahli tetap Jawatankuasa Reformasi Cukai (JRC). Objektif utama penubuhan jawatankuasa ini ialah mengenal pasti jurang pencukaian termasuk menangani masalah ketirisan cukai, pengenalpastian dan penerokaan sumber baharu pendapatan cukai, penganalan cukai terhadap ekonomi digital, serta penyemakan keberkesanan insentif cukai mengikut tahap pematuhan syarat yang ditetapkan.

Selain itu, Kerajaan Persekutuan perlu mengambil pendekatan yang lebih holistik dengan mereformasikan sistem pencukaian jika tiada perancangan untuk menaikkan kadar cukai korporat dan individu dalam tempoh terdekat. Jawatankuasa Reformasi Cukai bertindak untuk mengkaji semula sistem

pencukaian secara menyeluruh. Jawatankuasa ini turut ditugaskan untuk memperluaskan dan mempelbagaikan hasil cukai tanpa meletakkan beban tambahan kepada rakyat, serta mencari cara untuk meminimumkan ketirisan cukai. Sebarang cukai baharu perlu dipertimbangkan berdasarkan kecekapan, sifat berkecuali, progresif, dan menggalakkan kemampuan ekonomi jangka panjang serta peningkatan produktiviti. Sekiranya dilaksanakan dengan betul, sebarang langkah pencukaian boleh menjadi lebih bersasar dan progresif. Malah, sebahagian besar langkah-langkah cukai ini telah dijalankan di negara maju dan di negara jiran. Yang penting sekali, langkah-langkah cukai ini tidak akan membebankan golongan berpendapatan rendah.

Selaras dengan hasrat kerajaan mencari formula terbaik memantapkan hasil cukai, JPP mewakili LHDNM telah dijemput sebanyak 22 kali ke sesi perbincangan JRC untuk memberi input dan membentangkan kertas kajian. Kertas kajian yang telah disediakan dan dibentangkan kepada Menteri Kewangan ialah:

- i. *Review of Tax Incentives: Issues and Recommendations*
- ii. *Review of Direct Tax and Indirect Tax: Issues and Recommendations*



Selain daripada itu, JPP turut membentangkan sembilan (9) kertas kajian lain, di samping empat puluh empat (44) cadangan *wishlist* LHDNM. Cadangan *wishlist* ini merangkumi aspek berikut :

Jadual 1 : Cadangan Wishlist LHDNM kepada

Bilangan cadangan	Tajuk Cadangan Wishlist
13	Technology Enabled Options for Taxpayers to Register, Compute, File, and Pay and Plans in the Next 5 Years
20	Proposed Improvements to Tax Administration via Amending the Legislation and via Operation Implementation Related to the Tax Returns, Filing, Payment, Appeals and Access to Data
1	Presumptive Basis of Taxation for Hard To Tax Sectors
1	Plans to Enhance the Capability and Scope of the Dispute Resolution Unit/Division
9	Additional Improvements Proposed to Tax Reform Committee

LHDNM turut juga memberikan maklum balas kepada cadangan yang diutarakan oleh pengamal percukaian, badan professional dan persatuan percukaian seperti Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM), Malaysian Institute of Accountants (MIA), Certified Public Accountant (CPA) dan PricewaterhouseCoopers (PwC). LHDNM juga secara aktif terlibat dengan perbincangan bagi Cadangan Bajet 2020.

LHDNM telah diminta oleh pihak Kementerian Kewangan melaksanakan Program Khas Pengakuan Sukarela atau ringkasnya PKPS, yang diumumkan menerusi Belanjawan 2019 bermula 03 November 2018 dan berakhir pada 30 September 2019 yang lalu.

Program reformasi cukai ini telah memberikan impak positif kepada kerajaan dengan kehadiran 286,428 pembayar cukai yang tampil membuat pengakuan sukarela melibatkan cukai sebenar, cukai tambahan dan penalti sebanyak RM7.877 bilion dan seramai 11,176 pembayar cukai baharu telah Berjaya dibawa masuk ke dalam jaringan cukai.

3.2.3 Isu semasa dan kritikal

Pihak kerajaan telah meminta LHDNM memberi fokus kepada pengenaan cukai terhadap aktiviti ekonomi bayangan atau *'shadow economy'* dan juga ekonomi digital yang dilihat berupaya untuk memperluaskan asas percukaian negara.

Menyentuh tentang ekonomi bayangan, ia adalah *'underground economy'* yang secara perspektifnya akan dikaitkan dengan perniagaan tanpa lesen serta aktiviti perniagaan barangan dan perkhidmatan yang tidak membuat pengisytiharan cukai. LHDNM menggunakan *big data analytics* bagi menjejaki golongan ini.

3.3 MEMANTAPKAN PENGURUSAN HUTANG

Tahun 2019 menyaksikan pelaksanaan yang konsisten ke arah pencapaian strategi untuk mengurangkan peratusan dalam senarai Akaun Belum Terima (ABT). Ini diterjemahkan dengan peningkatan jumlah kes yang berjaya diselesaikan dengan purata peningkatan 10% daripada pencapaian tahun 2018. Sebanyak 37,251 kes saman berkuatkuasa berjaya diselesaikan dengan mencatatkan peratusan prestasi sebanyak 126%. Ini mencatatkan peningkatan sebanyak 406% bagi pencapaian tindakan bagi tahun 2018 dan 2019.

Bagi penghakiman pula, jumlah kes yang berjaya diselesaikan pada tahun 2019 adalah 7,415; melebihi 59% daripada sasaran yang ditetapkan iaitu 4,675 kes. Justeru, pengenalan dan pelaksanaan sistem *MySaman* dilihat amat membantu dalam menyumbang ke arah peningkatan ini. Proses kerja antara bahagian dan unit yang mengendalikan kes sebegini menjadi lebih efisien serta tindakan lebih menyeluruh boleh diambil.

4

TERAS STRATEGIK

Organisasi Yang Dinamik
- Institusi Mampan

Sehingga Disember 2019, LHDNM mempunyai seramai 11,123 orang pegawai yang sedang berkhidmat di seluruh Malaysia. Daripada jumlah ini 296 orang (2.67%) terdiri dari kumpulan pengurusan, 3,908 orang (35.13%) kumpulan eksekutif dan 6,919 orang (62.20%) kumpulan bukan eksekutif. Taburan mengikut jantina dan kumpulan seperti di jadual 1.

Jadual 1: Taburan Pegawai LHDNM Mengikut Jantina dan Kumpulan

Kumpulan	Lelaki	Wanita
Pengurusan	166	130
Eksekutif	1784	2124
Bukan Eksekutif	2950	3969
Jumlah	4900	6223

Justeru itu adalah relevan bagi LHDNM untuk mengetahui sejauh mana pegawai telah berpuas hati terhadap pengurusan, kemudahan dan tahap integriti serta lain-lain aspek yang berkaitan selaras dengan kedudukan LHDNM sebagai sebuah organisasi bertaraf dunia.



Persekitaran kerja mempunyai kesan yang tinggi ke atas komitmen pekerja. Komitmen pekerja yang rendah akan mempengaruhi prestasi kerja dan mendatangkan masalah seperti ketidakhadiran kerja, tekanan, kemalangan di tempat kerja dan seterusnya mengganggu kesejahteraan pekerja. Persekitaran kerja yang kondusif adalah pemangkin kepada produktiviti pekerja. Ia dilihat dapat mewujudkan inovasi yang baik dalam sesebuah organisasi. Oleh itu perubahan aspek persekitaran kerja, terutama melibatkan aspek persekitaran fizikal seperti kecekapan pekerja, hubungan pekerjaan yang baik di tempat kerja, melaksanakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerja, wujudkan budaya kerja yang selamat, pasti akan menjamin komitmen pekerja yang lebih baik. Persekitaran kerja yang baik, peningkatan prestasi dan kesejahteraan pekerja dapat mewujudkan inovasi dalam organisasi.

Dalam konteks ini, LHDNM secara konsisten telah melaksanakan kajian tahap kepuasan berkerja dua (2) kali setahun secara dalam talian melalui Sistem Pengurusan Insan (SPI). Tahap kepuasan ini diukur berdasarkan 13 komponen utama seperti di Jadual 2 yang dilihat sangat berkait rapat dengan

Jadual 2 : Peratusan Tahap Kepuasan Berkerja Mengikut Komponen

Bil.	Komponen	Peratusan Puas Hati (%)
1	Budaya Kerja	95.25
2	Tugas Dan Tanggungjawab	97.56
3	Pengurusan Jab/Bhg/PPN/ Caw/Csi LHDNM	94.15
4	Pengurusan Atasan LHDNM	97.43
5	Latihan	93.36
6	Inovasi Dan Kreativiti	96.92
7	Sumber Maklumat/Informasi	97.34
8	Komunikasi	96.26
9	Penilaian Prestasi	92.22
10	Ganjaran Dan Kemudahan	96.03
11	Persekitaran Kerja	94.25
12	Penghargaan	95.39
13	Integriti	98.92

pembentukan persekitaran dan budaya kerja yang positif dan kondusif dalam tempoh jangka panjang. Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa jumlah purata tahap kepuasan bekerja pegawai LHDNM pada tahun 2019 telah mencapai 96.12%

Pihak Pengurusan LHDNM amat menggalakkan pegawai mengamalkan gaya hidup sihat dan *work-life balance*. Setiap Jabatan/ Negeri / Cawangan digalakkan menganjurkan aktiviti yang bersesuaian bagi memastikan pegawai sentiasa sihat dari sudut fizikal dan emosi bagi menjamin peningkatan produktiviti dalam menjalankan tugas yang telah diamanahkan. Justeru penganjuran Hari Sihat Hasil (HSH) yang merupakan program tahunan LHDNM Objektif pelaksanaan program ini adalah untuk mempromosikan kehidupan yang sihat dari aspek jasmani, mental dan rohani serta bebas daripada sebarang penyakit yang memudaratkan.

Selain itu, LHDNM sentiasa memastikan pegawainya kompeten dalam melaksanakan tugas mereka dengan pendedahan kepada pelbagai kursus, konvensyen, seminar, bengkel, mesyuarat, persidangan antarabangsa dan lawatan rasmi yang dianjurkan dalam dan luar negara. Sepanjang tahun 2019, LHDNM telah menghantar 212 pegawai yang terdiri daripada pihak pengurusan tertinggi serta pegawai LHDNM untuk mengambil bahagian dalam 32 kursus, bengkel, seminar antarabangsa dan 53 mesyuarat dan persidangan antarabangsa di luar negara. Seterusnya, seramai 71 pegawai telah mengikuti 11 lawatan sambil belajar ke luar negara. LHDNM juga menerima delegasi luar negara yang melibatkan 135 pegawai dari pelbagai pentadbir cukai dan pertubuhan antarabangsa berkongsi pengalaman dalam pentadbiran percukaian, penambahbaikan dalam penyampaian maklumat yang berkesan dan prosedur kerja dari negara masing-masing.

Jadual 3 : Jenis Lawatan dan Negara-negara Terlibat Sepanjang Tahun 2019

Jenis Lawatan	Negara yang Dilawati
Kursus/Seminar/Lawatan Kerja	Singapura, Indonesia, Thailand, Filipina, Korea Selatan, Jepun, China, India, Turki, United Kingdom, Perancis, Georgia, Sepanyol, Austria, Switzerland, Australia dan Amerika Syarikat,
Mesyuarat/Persidangan Luar Negara	Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Jepun, Korea Selatan, China, United Kingdom, Perancis, Netherland, Switzerland, Austria, Australia, Kanada, Chile, Morocco, Mauritania dan Cuba
Lawatan Rasmi	Singapura, Thailand, Indonesia, Korea Selatan, United Kingdom, Itali, Jerman, Netherlands dan Amerika Syarikat.

Untuk mengukuhkan lagi pembangunan sumber manusia yang kompeten dan profesional, LHDNM menyediakan mekanisme perkongsian ilmu bagi meningkatkan produktiviti. LHDNM mengambil inisiatif memberi taklimat kepada pegawai tentang pemahaman penggunaan dan aplikasi sesuatu yang baharu dan menyediakan ruang kepada mereka menjadi *resource person* untuk kursus, bengkel dan taklimat dalam dan luar negara. Ia juga menyediakan pegawai yang kompeten dalam pembentangan kertas kerja bagi persidangan dan seminar yang dianjurkan oleh agensi atau organisasi luar.

Jadual 4 : Penganjur Luar Bagi Persidangan / Seminar Melibatkan Pegawai LHDNM Tahun 2019

Agensi/ Penganjur	Persidangan/ Seminar
Cawangan Cukai Multinasional, LHDNM	<i>Transfer Pricing Seminar 2019</i>
Malaysian Institute of Accountants (MIIA)	<i>Transfer Pricing Conference 2019</i>
Malaysian Institute of Accountants (MIIA)	<i>Earning Stripping Rules and Other Restrictions on Tax Deductability of Interest</i>
The Asian Institute of Chartered Bankers (AICB) dan The Compliance Officers' Networking Group (CONG)	<i>Conference on Financial Crime and Terrorism Financing (IFCTF)</i>

ANUGERAH DAN PENCAPAIAN



JULAI 2019



TOP FPX MERCHANT (GOVERNMENT SECTOR)

Tahniah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia atas penerimaan anugerah Top FPX Merchant (Government Sector) di majlis Malaysian e-Payments Excellence Awards 2019, anjuran Payments Network Malaysia (PayNet).

DISEMBER 2019



SKOR GRED A (96.5%) AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994

Tahniah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Ibu Pejabat) atas prestasi cemerlang dengan skor Gred A (96.5%) bagi audit pematuhan terhadap Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 yang telah diadakan pada 3 September 2019 oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia, Kementerian Sumber Manusia.

DISEMBER 2019



SIJIL AUDIT BERSIH

Syabas dan tahniah kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia atas pencapaian membanggakan menerusi penganugerahan Sijil Audit Bersih tanpa sebarang teguran bagi Penyata Kewangan LHDNM dan Kumpulan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 oleh Jabatan Audit Negara. Pencapaian ini berjaya dikekalkan untuk 17 tahun berturut-turut.



BANTUAN

SARA HIDUP

2019

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) merupakan salah satu agensi kerajaan yang telah diberi tanggungjawab untuk menguruskan Bantuan Khas Kerajaan (BKK) secara langsung. Walaupun ia berbeza daripada fungsi utamanya iaitu sebagai ejen kutipan cukai negara, namun kepercayaan kerajaan mengekalkan LHDNM untuk menguruskan BKK sehingga sekarang adalah sebagai indikator kejayaan pengurusan dana yang diperuntukkan. Pelbagai perubahan dan penambahbaikan telah dibuat bagi memastikan ia sejajar dengan objektifnya yang memfokuskan kepada kumpulan sasaran yang telah ditetapkan

Umum mengetahui bahawa LHDNM telah dilantik oleh kerajaan sebagai agensi pelaksana dalam memproses dan membuat verifikasi permohonan Bantuan Sara Hidup (BSH). BSH yang mula diumumkan dalam Bajet 2012 adalah sebagai salah satu inisiatif kerajaan untuk membantu meringankan kos sara hidup rakyat.

Bagi tahun 2019, peruntukan sebanyak RM5 bilion telah memanfaatkan 4.1 juta penerima isi rumah dalam memastikan objektif pelaksanaannya tercapai iaitu menjamin kebajikan dan kualiti hidup rakyat. Pembayaran BSH Fasa Pertama adalah menggunakan maklumat permohonan bagi Tahun 2018 serta dibayar mulai 28 Januari 2019. Manakala pendaftaran baru pula mula dibuka pada 1 Februari 2019 sehingga 17 Mac 2019. Berikut merupakan data dan statistik yang berkaitan dengan BSH Tahun 2019 :

1. STATISTIK
PERMOHONAN BAHARU & KEMAS KINI

PERKARA	JUMLAH PERMOHONAN	STATUS PERMOHONAN	
		LULUS	TIDAK LULUS
BSH 2019	4,559,627	3,627,193	932,434

LAPORAN PERMOHONAN BANTUAN SARA HIDUP (BSH) 2019 MENGIKUT NEGERI

NEGERI	JUMLAH KESELURUHAN PENERIMA (LULUS)	BSH 2019 MENGIKUT KATEGORI			LULUS TAMB. ANAK	TIDAK LULUS
		RM1,000	RM750	RM500		
MALAYSIA	3,627,193	2,910,804	492,514	223,875	3,225,329	932,434
JOHOR	407,157	323,038	58,000	26,119	308,878	135,465
KEDAH	333,335	267,283	47,249	18,803	313,876	67,239
KELANTAN	269,096	222,815	34,631	11,650	309,920	53,120
MELAKA	112,805	84,958	18,504	9,343	86,057	29,938
NGR. SEMBILAN	144,244	111,545	21,834	10,865	102,924	40,914
PAHANG	204,753	163,006	29,361	12,386	199,128	52,172
PERAK	377,692	307,716	48,341	21,635	267,712	77,837
PERLIS	42,553	33,949	6,303	2,301	35,833	8,414
PULAU PINANG	206,493	162,122	29,738	14,633	127,165	47,337
SABAH	330,869	291,847	25,623	13,399	435,556	76,619
SARAWAK	415,499	355,798	40,846	18,855	378,319	82,455
SELANGOR	448,071	328,336	79,136	40,599	353,621	167,890
TERENGGANU	175,267	137,808	27,822	9,637	211,690	38,368
W.P. KUALA LUMPUR	147,877	113,412	22,422	12,043	80,835	50,033
W.P. LABUAN	8,955	6,306	1,717	932	10,357	2,458
W.P. PUTRAJAYA	2,527	865	987	675	3,458	2,175



PEMBAYARAN RM100 KEPADA KATEGORI BUJANG PADA 28 MAC 2019

PERKARA	JUMLAH PERMOHONAN
BSH 2019 (KATEGORI BUJANG – DATA BSH 2018)	3,047,430

LAPORAN PENERIMA KATEGORI BUJANG BANTUAN SARA HIDUP (BSH) 2019 MENGIKUT NEGERI

NEGERI	JUMLAH KESELURUHAN PENERIMA
MALAYSIA	3,047,430
JOHOR	359,361
KEDAH	244,240
KELANTAN	231,455
MELAKA	90,932
NEGERI SEMBILAN	114,459
PAHANG	169,062
PERAK	288,378
PERLIS	28,422
PULAU PINANG	152,278
SABAH	311,139
SARAWAK	307,413
SELANGOR	436,515
TERENGGANU	157,021
W.P. KUALA LUMPUR	144,404
W.P. LABUAN	8,005
W.P. PUTRAJAYA	4,346

PERMOHONAN RAYUAN

PERKARA	JUMLAH PERMOHONAN	STATUS PERMOHONAN	
		LULUS	TIDAK LULUS
BSH 2019	256,928	187,217	69,711

LAPORAN PERMOHONAN RAYUAN BANTUAN SARA HIDUP (BSH) 2019 MENGIKUT NEGERI

NEGERI	JUMLAH KESELURUHAN PENERIMA (LULUS)	BSH 2019 MENGIKUT KATEGORI			LULUS TAMB. ANAK	TIDAK LULUS
		RM1,000	RM750	RM500		
MALAYSIA	187,217	119,041	45,028	23,148	12,697	69,711
JOHOR	23,756	14,385	6,349	3,022	1,199	4,561
KEDAH	14,695	9,243	3,685	1,767	771	4,061
KELANTAN	11,842	7,957	2,792	1,093	184	246
MELAKA	6,161	3,378	1,747	1,036	433	438
NGR. SEMBILAN	8,047	4,619	2,236	1,192	770	10,889
PAHANG	11,142	7,093	2,773	1,276	675	6,667
PERAK	15,570	9,518	3,942	2,110	1,396	3,073
PERLIS	1,672	978	484	210	47	4,895
PULAU PINANG	7,971	4,225	2,428	1,318	627	4,576
SABAH	21,890	17,763	2,600	1,527	2,232	2,724
SARAWAK	17,823	13,562	2,782	1,479	1,200	283
SELANGOR	30,143	16,942	8,635	4,566	2,338	12,887
TERENGGANU	7,756	4,916	1,924	916	272	3,415
W.P. KUALA LUMPUR	7,858	4,086	2,377	1,395	493	5,219
W.P. LABUAN	517	298	128	91	40	2,511
W.P. PUTRAJAYA	374	78	146	150	20	3,266

PEMBAYARAN BANTUAN SARA HIDUP (BSH) 2019


BSH	KATEGORI PENERIMA	PENDAPATAN ISI RUMAH (RM)
2019	Isi Rumah	0 – 2,000
		2,001 – 3,000
		3,001 – 4,000
		Tambahan amaun bantuan bagi anak



DIREKTORI LHDNM

SENARAI PPN, CAWANGAN, PKH & UTC TAHUN 2019





LEGEND :

- APM** AKADEMI PERCUKAIAN MALAYSIA
- HCL** HASIL CARE LINE
- HRCC** HASIL RECOVERY CALL CENTRE
- PKH** PUSAT KHIDMAT HASIL
- BPRM** BAHAGIAN PENGURUSAN REKOD DAN MAKLUMAT
- UTC** URBAN TRANSFORMATION CENTRE



PENYATA KEWANGAN







**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan dan Penyata Keseluruhan Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 7 hingga 32, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Perseendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juraudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Anggota Lembaga, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Lembaga Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533). Anggota Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan, Anggota Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan,

merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Lembaga.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Lembaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533), saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 6 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

- a. Saya ingin menarik perhatian terhadap perkara berikut:
- i. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia hendaklah menyelesaikan segera proses perletakhakkan tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan selaras seksyen 4 Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533) dan seksyen 415 (1) Kanun Tanah Negara 1965. Tanah tersebut sedang digunakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi tujuan operasi.
 - ii. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia perlu membuat peruntukan Manfaat Pekerja jangka panjang di Nota 18 dalam penyata kewangan yang mengambil kira semua pekerja yang layak selaras standard perakaunan.
- b. Sijil ini dibuat untuk Anggota Lembaga berdasarkan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
15 DISEMBER 2020



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

KANDUNGAN

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA	
PENYATA Pengerusi dan Seorang Anggota Lembaga	1
PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA	2
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN	3
PENYATA KESELURUHAN PENDAPATAN	4
PENYATA PERUBAHAN EKUITI	5
PENYATA ALIRAN TUNAI	6
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN	7 - 32

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

**PENYATA PENERUSI DAN SEORANG ANGGOTA LEMBAGA
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**


Kami, **TAN SRI AHMAD BADRI BIN MOHD ZAHIR** dan **DATUK DR. YACOB BIN MUSTAFA** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Lembaga **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Keseluruhan Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA** pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



TAN SRI AHMAD BADRI BIN MOHD ZAHIR
PENERUSI LEMBAGA
11 Mac 2020

SELANGOR



DATUK DR. YACOB BIN MUSTAFA
ANGGOTA LEMBAGA
11 Mac 2020

SELANGOR


LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Saya, **MOHAMMAD NAZRI BIN ISMAIL**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Keseluruhan Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas,
di Selangor
Pada 10 Mac 2020

)
)
)
)
)


MOHAMMAD NAZRI BIN ISMAIL

Di hadapan saya,


PESURUHJAYA SUMPAN



NORSYAMIMI BINTI BUKHARI
Peguam Hasil
Jabatan Undang-Undang
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2019

	Nota	KUMPULAN		LHDNM	
		2019 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM
ASET BUKAN SEMASA					
Hartanah, Loji dan Peralatan	3	1,693,808,957	1,635,761,885	1,693,808,957	1,635,761,885
Aset Tidak Ketara	4	18,846,031	5,335,783	18,846,031	5,335,783
Kerja Dalam Kemajuan	5	15,472,086	123,770,355	15,472,086	123,770,355
Pelaburan Anak Syarikat	6	-	-	1,000,000	1,000,000
Pembiayaan Anak Syarikat	7	-	-	29,836,357	27,897,482
Pelaburan Sedia Dijual	8	72,822,729	57,740,462	-	-
Pembiayaan Pekerja	9	1,193,187	1,138,683	1,193,187	1,138,683
		1,802,142,990	1,823,747,168	1,760,156,618	1,794,904,188
ASET SEMASA					
Pembiayaan Pekerja	9	969,982	1,171,066	969,982	1,171,066
Wang Cagaran dan Prabayar	10	5,326,823	3,811,232	5,326,823	3,811,232
Bayaran Pendahuluan	11	1,042,614	831,808	1,042,614	831,808
Pelbagai Penghutang	12	1,002,947	150,293,544	1,002,947	150,293,544
Faedah Terakru Pelaburan		483,737	673,163	232,759	509,565
Tunai dan Kesetaraan Tunai	13	1,085,929,165	319,684,218	1,056,843,062	285,020,328
		1,094,755,268	476,465,031	1,065,418,187	441,637,543
JUMLAH ASET		2,896,898,258	2,300,212,199	2,825,574,805	2,236,541,731
EKUITI					
Kumpulan Wang Amanah	14	5,284,717	5,132,168	5,284,717	5,132,168
Kumpulan Wang Pelaburan	15	19,341,795	19,341,795	19,341,795	19,341,795
Kumpulan Wang Pinjaman	16	18,000,000	18,000,000	18,000,000	18,000,000
Lebihan Terkumpul		1,707,360,215	1,333,360,013	1,638,178,178	1,269,720,620
		1,749,986,727	1,375,833,976	1,680,804,690	1,312,194,583
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Kumpulan Wang Pembangunan	17	800,939,468	604,929,400	800,939,468	604,929,400
Manfaat Pekerja	18	139,550,787	131,940,575	139,550,787	131,940,575
Pinjaman Berjangka	19	100,674,338	117,218,656	100,674,338	117,218,656
		1,041,164,593	854,088,631	1,041,164,593	854,088,631
LIABILITI SEMASA					
Pelbagai Pemiutang	20	84,942,432	62,144,220	82,801,016	62,113,145
Pinjaman Berjangka	19	16,544,318	2,794,318	16,544,318	2,794,318
Pajakan Kewangan	21	-	2,184,518	-	2,184,518
Deposit	22	4,093,388	3,084,136	4,093,388	3,084,136
Peruntukan Yuran Audit		166,800	82,400	166,800	82,400
		105,746,938	70,289,592	103,605,522	70,258,517
JUMLAH LIABILITI		1,146,911,531	924,378,223	1,144,770,115	924,347,148
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		2,896,898,258	2,300,212,199	2,825,574,805	2,236,541,731

Nota-nota di muka surat 7 hingga 32 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENYATA KESELURUHAN PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	Nota	KUMPULAN		LHDNM	
		2019 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM
Hasil	23	2,754,401,629	2,458,999,390	2,754,401,629	2,458,999,390
Pendapatan Operasi Lain	24	13,804,355	4,788,311	12,636,107	6,592,702
Kos Pekerja	25	(1,644,104,260)	(1,614,301,143)	(1,644,104,260)	(1,614,301,143)
Susut Nilai / Rosot Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	3	(70,834,936)	(65,479,999)	(70,834,936)	(65,479,999)
Susut Nilai / Rosot Nilai Aset Tidak Ketara	4	(4,624,547)	(4,884,488)	(4,624,547)	(4,884,488)
Perbelanjaan Operasi Lain	26	(696,296,581)	(689,896,406)	(696,032,088)	(687,619,243)
Lebih Daripada Operasi		352,345,660	89,225,665	351,441,905	93,307,219
Kos Kewangan		(5,192,248)	(14,732,179)	(5,192,248)	(5,564,179)
Pendapatan Dari Pelaburan dan Pinjaman		26,846,790	25,146,289	22,207,901	22,176,989
Lebih Pendapatan Tahun Semasa / Jumlah Lebihan Keseluruhan Tahun Semasa		374,000,202	99,639,775	368,457,558	109,920,029

Nota-nota di muka surat 7 hingga 32 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	Kumpulan Wang Amanah RM	Kumpulan Wang Pelaburan RM	Kumpulan Wang Pinjaman RM	Lebih/ (Kurangan) Terkumpul RM	Jumlah RM
KUMPULAN					
Baki pada 1 Jan 2019	5,132,168	19,341,795	18,000,000	1,333,360,013	1,375,833,976
Lebihan	152,549	-	-	374,000,202	374,152,751
Baki pada 31 Dis 2019	5,284,717	19,341,795	18,000,000	1,707,360,215	1,749,986,727

LHDNM					
Baki pada 1 Jan 2019	5,132,168	19,341,795	18,000,000	1,269,720,620	1,312,194,583
Lebihan	152,549	-	-	368,457,558	368,610,107
Baki pada 31 Dis 2019	5,284,717	19,341,795	18,000,000	1,638,178,178	1,680,804,690

	Kumpulan Wang Amanah RM	Kumpulan Wang Pelaburan RM	Kumpulan Wang Pinjaman RM	Lebih/ (Kurangan) Terkumpul RM	Jumlah RM
KUMPULAN					
Baki pada 1 Jan 2018	4,595,924	19,341,795	18,000,000	1,233,720,238	1,275,657,957
Lebihan	536,244	-	-	99,639,775	100,176,019
Baki pada 31 Dis 2018	5,132,168	19,341,795	18,000,000	1,333,360,013	1,375,833,976

LHDNM					
Baki pada 1 Jan 2018	4,595,924	19,341,795	18,000,000	1,159,800,591	1,201,738,310
Lebihan	536,244	-	-	109,920,029	110,456,273
Baki pada 31 Dis 2018	5,132,168	19,341,795	18,000,000	1,269,720,620	1,312,194,583

Nota-nota di muka surat 7 hingga 32 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

Nota	KUMPULAN		LHDNM		
	2019 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM	
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI					
Terimaan Dari Kerajaan Persekutuan dan Pendapatan Lain	27	2,922,484,412	2,594,295,312	2,918,181,836	2,594,274,085
Bayaran Kepada Pembekal dan Pekerja	28	(2,343,139,906)	(2,435,875,566)	(2,344,985,754)	(2,433,997,494)
TUNAI BERSIH DITERIMA DALAM AKTIVITI OPERASI		579,344,506	158,419,746	573,196,082	160,276,591
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN					
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan termasuk Kerja Dalam Kemajuan dan Aset Tidak Ketara		(28,833,296)	(23,348,061)	(28,833,296)	(23,348,061)
Terimaan Daripada Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan		189,538	193,975	189,538	193,975
Pendapatan Dari Pelaburan dan Pinjaman		22,735,685	25,019,628	22,484,707	22,542,068
Pembelian Pelaburan Sedia Dijual		(11,977,189)	(57,793,074)	-	-
Pinjaman/ (Terimaan) Kepada Pekerja		146,580	(99,724)	146,580	(99,724)
TUNAI BERSIH DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI PELABURAN		(17,738,682)	(56,027,256)	(6,012,471)	(711,742)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN					
Kumpulan Wang Pembangunan		214,544,298	(17,585,287)	214,544,298	(17,585,287)
Kumpulan Wang Amanah		265,909	642,622	265,909	642,622
Pinjaman Berjangka		(2,794,318)	(2,794,319)	(2,794,318)	(2,794,319)
Pajakan Kewangan		(2,184,518)	(2,784,089)	(2,184,518)	(2,784,089)
Kos Kewangan Dibayar		(5,192,248)	(14,732,179)	(5,192,248)	(5,564,179)
TUNAI BERSIH DITERIMA/ DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI PEMBIAYAAN		204,639,123	(37,253,252)	204,639,123	(28,085,252)
Pertambahan/ (Pengurangan) Bersih Tunai		766,244,947	65,139,238	771,822,734	131,479,597
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun		319,684,218	254,544,980	285,020,328	153,540,731
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun		1,085,929,165	319,684,218	1,056,843,062	285,020,328
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 31 DISEMBER					
Simpanan Tetap dan Pelaburan Jangka Pendek		1,054,194,096	271,375,277	1,035,707,859	238,965,642
Wang Tunai dan Baki Bank		31,735,069	48,308,941	21,135,203	46,054,686
		1,085,929,165	319,684,218	1,056,843,062	285,020,328

Nota-nota di muka surat 7 hingga 32 merupakan sebahagian asas Penyata Kewangan ini.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

1. MAKLUMAT KORPORAT

1.1 Akta Berkaitan dan Fungsi

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah ditubuhkan pada 1 Mac 1996 di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533).

LHDNM adalah ejen kepada Kerajaan yang memberi perkhidmatan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, duti harta pesaka, duti setem dan cukai-cukai lain.

1.2 Pembentangan dan Pengesahan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 telah dibentangkan dan disahkan oleh Anggota Lembaga LHDNM pada 11 Mac 2020.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA

2.1 Asas Penyediaan

a) Penyataan Pematuhan

Asas penyediaan Penyata Kewangan LHDNM Kumpulan (termasuk YLHDNM) adalah selaras dengan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

Penyata Kewangan Yayasan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (YLHDNM) telah disediakan dengan mematuhi Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan Akta Syarikat 2016.

b) Asas Penyatuan

Penyediaan penyatuan penyata kewangan bagi kumpulan telah mengambil kira semua pelarasan MFRS kepada MPERS.

c) Asas Pengukuran

Penyediaan Penyata Kewangan LHDNM menerima pakai asas kelaziman kos sejarah kecuali dinyatakan sebaliknya di dalam dasar-dasar perakaunan yang penting. Manakala bagi penyediaan Penyata Kewangan YLHDNM telah disediakan menggunakan asas kos kecuali instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

d) Mata Wang Fungsian dan Pembentangan

Penyata Kewangan LHDNM dilaporkan dalam Mata Wang Fungsian Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana LHDNM beroperasi. Semua maklumat kewangan dinyatakan dibentangkan dalam RM dan dibundarkan kepada ringgit yang terhampir kecuali dinyatakan sebaliknya.

e) Penggunaan Anggaran dan Pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan selaras dengan MPERS memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran serta andaian yang mempengaruhi pemakaian polisi perakaunan serta pelaporan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Nilai sebenar mungkin berbeza berbanding dengan anggaran.

Anggaran dan andaian disemak atas dasar berterusan. Semakan anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh hadapan yang berkenaan.

2.2 Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, Loji dan Peralatan dengan kos pembelian RM2,000 seunit dan ke atas akan dipermodalkan. Walau bagaimanapun permaidani, langsir dan seumpamanya tanpa mengambil kira kos perolehan tidak akan dipermodalkan.

Sesuatu Hartanah, Loji dan Peralatan dengan kos di bawah RM2,000 di caj kepada Penyata Keseluruhan Pendapatan dalam tahun kewangan ianya dibelanjakan.

Hartanah, Loji dan Peralatan diakaunkan pada kos selepas ditolak susut nilai terkumpul dan penjejasan (rosot nilai) terkumpul. Pengiktirafan awal bagi kos Hartanah, Loji dan Peralatan adalah termasuk harga belian dan kos yang berkaitan secara langsung untuk membawa Hartanah, Loji dan Peralatan ke lokasi dan kos yang diperlukan bagi memastikan Hartanah, Loji dan Peralatan dapat digunakan seperti yang diharapkan oleh pihak pengurusan.

Kos selepas perolehan adalah termasuk dalam nilai pembawa aset atau diiktiraf sebagai aset yang berasingan mengikut kesesuaian, sekiranya aset tersebut mempunyai manfaat ekonomi masa akan datang kepada LHDNM dan kos tersebut dapat diukur secara pasti.

Semua perbelanjaan baik pulih, dan penyelenggaraan di caj kepada penyata pendapatan dalam tahun kewangan ianya berlaku.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan aset ditentukan dengan membandingkan hasil jualan bersih dan nilai dibawa bagi Hartanah, Loji dan Peralatan tersebut dan diiktiraf dalam Penyata Keseluruhan Pendapatan.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

Susut Nilai

Semua Hartanah, Loji dan Peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usia penggunaan pada kadar berikut:

Tanah Pajakan	Berdasarkan Tempoh Pajakan
Bangunan	2%
Perabot & Lengkapan	20%
Kenderaan	20%
Komputer	33.33%

Aset sewaan disusutnilaikan berdasarkan tempoh sewaan dan usia penggunaannya mana yang lebih awal melainkan LHDNM mendapat pengesahan pemilikan aset berkenaan.

Tanah Milik Bebas yang mempunyai nilai penggunaan tanpa had tidak disusut nilai. Kerja Dalam Kemajuan tidak disusut nilai memandangkan aset ini masih dalam tempoh pembangunan.

Kerja Dalam Kemajuan dinyatakan pada kos dan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan setelah sijil akuan siap atau sijil akuan penerimaan diterima oleh LHDNM.

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, nilai baki bersih dan usia penggunaan aset akan disemak dan diselaraskan jika bersesuaian dan aset perlu disemak sama ada terdapat petunjuk rosot nilai.

2.3 Aset Tidak Ketara

Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan tidak akan dipermodalkan dan dicajkan kepada Penyata Keseluruhan Pendapatan, kecuali kos yang merupakan sebahagian daripada kos aset berkenaan.

LHDNM tidak mengiktiraf muhibah, paten, harta intelek, lesen perisian, senarai pelanggan dan seantaranya hasil daripada penghasilan dalaman yang tidak dapat dikenal pasti daripada kos pembangunan keseluruhannya.

Aset Tidak Ketara dinyatakan pada kos. Selepas pengiktirafan awal, Aset Tidak Ketara hendaklah dibawa pada kos selepas ditolak pelunasan terkumpul dan penjejasan nilai terkumpul.

Perisian komputer yang diperoleh akan dipermodalkan dan dilunaskan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran tempoh penggunaan yang dijangka pada kadar 33.33%. Nilai sisa aset dan tempoh usia akan dikaji semula serta pembetulan akan dibuat jika perlu, pada akhir tempoh pelaporan.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

2.4 Rosot Nilai Aset

Aset yang tertakluk kepada rosot nilai akan disemak untuk rosot nilai apabila berlaku peristiwa atau perubahan pada keadaan yang menunjukkan nilai dibawa berkemungkinan tidak akan diperoleh.

Rosot nilai diiktiraf apabila nilai dibawa aset melebihi nilai diperoleh. Nilai diperoleh adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama aset ditolak kos jualan atau nilai penggunaan. Rosot nilai akan di caj di Penyata Keseluruhan Pendapatan.

2.5 Pelaburan Dalam Anak Syarikat (Subsidiari)

Pelaburan dalam anak syarikat diukur dalam Penyata Kedudukan Kewangan dinyatakan pada nilai kos setelah mengambil kira sebarang kerugian penjejasan nilai.

Nilai bawaan akan disemak dan diselaraskan sekiranya terdapat petunjuk penurunan nilai pada tahun berkenaan. Kerugian kemerosotan nilai akan di caj kepada penyata pendapatan dalam tahun kewangan ianya berlaku.

Butiran Anak Syarikat adalah seperti berikut:

Nama Anak Syarikat	Aktiviti Utama	Tahun Kewangan	Kepentingan Pemilikan Efektif
Yayasan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia	Penganjuran aktiviti kebajikan kepada pegawai LHDNM dan keluarga serta masyarakat setempat.	31 Disember	100%

2.6 Pembiayaan Anak Syarikat

Pembiayaan anak syarikat dinyatakan pada nilai saksama. Nilai saksama yang dianggarkan adalah berdasarkan kadar diskaun jangkaan aliran tunai pada masa hadapan. Bagi tujuan ini, nilai semasa kadar pasaran pembiayaan digunakan dengan mengambil kira risiko kredit dan tempoh kematangan yang serupa.

2.7 Pembiayaan Pekerja

Pinjaman pekerja dinyatakan pada kos. Anggaran ke atas hutang ragu dibuat berdasarkan ke atas semakan amaun tertunggak pada akhir tahun kewangan. Hutang lapuk dihapus kira pada tempoh ia dikenal pasti.

2.8 Aset Kewangan

Aset Kewangan diiktiraf di dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila, dan hanya apabila Kumpulan dan YLHDNM menjadi pihak kepada peruntukan berkontrak bagi instrumen kewangan tersebut. Selepas

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

pengiktirafan asal, aset kewangan dinyatakan pada nilai saksama selepas ditambah kos transaksi yang berkaitan.

Aset kewangan Kumpulan dan YLHDNM diklasifikasikan kepada tiga kategori dan dasar perakaunan untuk setiap kategori adalah seperti berikut:

a) Pinjaman Dan Penghutang

Pinjaman dan penghutang adalah aset kewangan bukan derivatif yang mempunyai pembayaran tetap atau pembayaran yang tidak tersiar harga di dalam pasaran aktif. Selepas pengiktirafan asal, pinjaman dan penghutang dinyatakan pada nilai kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi melalui proses pelunasan.

Pinjaman dan penghutang diklasifikasikan sebagai aset semasa kecuali pinjaman dan penghutang di mana tarikh matang adalah melebihi 12 bulan selepas tarikh laporan yang diklasifikasikan sebagai aset bukan semasa.

Penghutang adalah dinyatakan pada kos setelah ditolak dengan peruntukan hutang ragu.

b) Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Keuntungan Atau Kerugian

Bagi mana-mana derivatif terbenam yang tidak boleh dinilai dengan yakin secara berasingan sama ada pada tarikh pengambilalihan atau pada tarikh akhir tempoh laporan yang berikutnya, keseluruhan instrumen tersebut ditetapkan pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi, Walau bagaimanapun, jika keseluruhan instrumen tidak boleh dinilai dengan yakin, instrumen tersebut dinyatakan pada nilai kos selepas ditolak rosot nilai.

c) Aset Kewangan Sedia Dijual

Aset Kewangan Sedia Dijual adalah aset kewangan yang ditetapkan sebagai sedia untuk dijual atau tidak diklasifikasikan dalam mana-mana kategori aset kewangan lain. Selepas pengiktirafan asal, Aset Kewangan Sedia Dijual dinyatakan pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian daripada perubahan nilai saksama aset kewangan tersebut diiktiraf melalui untung atau rugi, kecuali kerugian rosot nilai, kerugian dan keuntungan pertukaran mata wang asing atas instrumen kewangan dan faedah yang dikira di bawah kaedah faedah berkesan.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti di mana nilai saksama tidak boleh dinilai dengan yakin dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak kerugian rosot nilai.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

2.9 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyediaan aliran tunai adalah menggunakan kaedah langsung. Untuk tujuan Penyata Aliran Tunai, Tunai dan Kesetaraan Tunai terdiri daripada tunai di tangan, tunai di bank dan deposit yang ditempatkan di institusi kewangan yang mempunyai kecairan yang tinggi yang tidak tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang ketara. Kesetaraan tunai adalah terdiri daripada deposit dengan bank, pelaburan jangka pendek dan pelaburan kecairan tinggi dalam tempoh matang kematangan asal sehingga setahun.

2.10 Manfaat Pekerja

Tanggungjawab akan diiktiraf bagi amaun yang dijangka perlu dibayar di bawah jangka masa pendek sekiranya LHDNM mempunyai obligasi perundangan atau obligasi yang konstruktif untuk menyelesaikan tanggungjawab sebagai gantian kepada perkhidmatan lepas yang diberikan kepada pekerja dan tanggungjawab tersebut boleh diukur secara saksama.

Manfaat pekerja / faedah persaraan pekerja terdiri daripada berikut:

a) Manfaat Jangka Pendek

Gaji dan upah, elaun, imbuhan tahunan dan faedah bukan kewangan seperti cuti rehat tahunan, cuti bersalin, cuti sakit dan sebagainya diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Keseluruhan Pendapatan bagi tempoh di mana perkhidmatan diberikan oleh pekerja LHDNM.

b) Pelan Caruman Tetap

Caruman dibuat kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) adalah bagi pekerja yang layak di carum.

LHDNM juga mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi pekerja yang memilih Skim Saraan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia atau kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) bagi pekerja yang memilih Skim Saraan Malaysia.

Caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Keseluruhan Pendapatan bagi tahun di mana perkhidmatan diberikan oleh pekerja kecuali bagi caruman imbuhan tahunan diiktiraf pada tahun ia diterima.

c) Manfaat Jangka Panjang

Peruntukan manfaat jangka panjang bagi Sagu Hati Tamat Perkhidmatan (STP) pesara diiktiraf secara tahunan berdasarkan kepada pengiraan dan anggaran semasa dan tiada dana khas bagi tujuan ini.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

2.11 Pinjaman Berjangka

Pinjaman berjangka dinyatakan pada kos.

2.12 Pajakan Kewangan

Pajakan yang mana LHDNM menanggung risiko dan menerima ganjaran atas pemilikan aset dikelaskan sebagai pajakan kewangan.

Hartanah, loji dan peralatan yang dimiliki melalui pajakan kewangan akan dipermodalkan, dinyatakan pada nilai setara dengan nilai terendah nilai saksama dan nilai semasa pembayaran pajakan minima pada permulaan pajakan, ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai. Obligasi sepadan berkaitan dengan bayaran prinsipal diakaunkan sebagai liabiliti dan caj pembiayaan dikenakan ke atas penyata pendapatan sepanjang tempoh pelan pajakan.

2.13 Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos iaitu pada nilai setara yang dijangka akan dibayar pada masa hadapan bagi barangan dan perkhidmatan yang diterima.

2.14 Peruntukan Liabiliti

Peruntukan tanggungan diiktiraf apabila LHDNM mempunyai kewajipan kini hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan tersebut dan anggaran yang munasabah boleh dibuat bagi jumlah tersebut. Peruntukan akan dikaji semula pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Dimana kesan nilai masa wang adalah ketara. Jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka perlu untuk dijelaskan kewajipan tersebut.

2.15 Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan utama merupakan Fi Agensi yang diterima berdasarkan Perjanjian Agensi antara LHDNM dan Kerajaan Malaysia untuk membiayai perbelanjaan operasi dan modal. Pendapatan tersebut dan pendapatan lain diambil kira atas dasar akruan kecuali pendapatan keuntungan daripada simpanan Skim Al-Mudharabah, Skim Perlindungan Insurans Syarikat Takaful dan pelupusan hartanah, loji dan peralatan diiktiraf apabila keuntungan diterima.

Pengiraan anggaran Fi Agensi boleh terima daripada Kerajaan adalah berdasarkan kepada jumlah anggaran kutipan kasar hasil cukai diperoleh dalam sesuatu tahun. Fi Agensi diakrukan dalam tahun di mana pendapatan diiktiraf dan akan dilaraskan semula berdasarkan kutipan sebenar hasil cukai diterima oleh Kerajaan.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

Hasil dan pendapatan diiktiraf pada tahap di mana terdapat kebarangkalian besar bahawa faedah ekonomi masa hadapan akan dialirkan masuk dan boleh dinilai dengan yakin. Hasil dan pendapatan dinyatakan pada nilai saksama bagi pertimbangan yang diterima atau akan diterima.

2.16 Pengiktirafan Pemberian Khas Kerajaan Persekutuan

a) Pemberian Khas Kerajaan

Pemberian Khas Kerajaan adalah pendapatan pada tahun diterima oleh LHDNM bagi menampung pelaksanaan Bayaran Khas dan Program Khas Kerajaan dan perbelanjaan operasi tahun semasa.

b) Kumpulan Wang Pembangunan

Pembiayaan perbelanjaan modal diklasifikasikan sebagai pendapatan tertunda dan akan dikreditkan/dicajkan ke Penyata Keseluruhan Pendapatan sepadan dengan perbelanjaan tunai dan caj susut nilai harta modal tersebut.

c) Kumpulan Wang Pinjaman, Kenderaan, Komputer, Amanah dan Pelaburan

Tiada Geran Kerajaan Persekutuan yang diterima untuk tujuan pembiayaan kumpulan wang berkenaan dalam tahun kewangan semasa.

2.17 Pertukaran Mata Wang Asing

Perkara-perkara dalam Penyata Keseluruhan Pendapatan dinyatakan mengikut kadar pertukaran pada tarikh urus niaga. Perbezaan pertukaran diambil kira dalam Penyata Keseluruhan Pendapatan.

2.18 Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Polisi pengurusan risiko kewangan LHDNM adalah untuk memastikan LHDNM mempunyai sumber kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan fungsi-fungsi LHDNM seperti yang diperuntukkan oleh seksyen 11 Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995.

Berikut adalah risiko kewangan utama yang dihadapi oleh LHDNM dan ketetapan yang berkaitan aktiviti operasi dan modal:

a) Risiko Kadar Faedah

LHDNM akan mendapatkan pinjaman pada asas kadar tetap untuk mengurangkan kenaikan kadar faedah dan seterusnya mengurangkan risiko kadar faedah.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

b) Risiko Kredit

Risiko kredit adalah dikawal melalui prosedur kelulusan kredit, had dan pemantauan. Semakin dalaman ke atas kredit akan dilakukan sekiranya risiko tersebut adalah material.

c) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Pengurusan risiko kecairan secara berhati-hati melibatkan pengekalan tunai dan kesediaan dana yang mencukupi bagi memenuhi anggaran komitmen daripada perbelanjaan operasi dan liabiliti kewangan.

d) Risiko Harga Ekuiti

Pelaburan dalam ekuiti tersiar adalah terdedah kepada risiko harga pasaran disebabkan ketidakpastian nilai masa hadapan tersebut. Pengurusan risiko harga ekuiti bagi Yayasan LHDNM adalah melalui pemantauan ke atas prestasi pencapaian pulangan yang diperolehi oleh setiap Pengurus Dana. Laporan berkaitan portfolio ekuiti diedar secara berkala kepada ahli Lembaga Pemegang Amanah bagi mendapatkan persetujuan dan kelulusan.

e) Risiko Tukaran Mata Wang Asing

Risiko Tukaran Mata Wang Asing ialah risiko yang melibatkan perubahan ke atas nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan bagi instrumen kewangan disebabkan oleh perubahan dalam kadar tukaran mata Wang asing.

2.19 Pajakan Operasi

Pajakan harta di mana bahagian yang signifikan daripada risiko dan ganjaran pemilikan masih kekal di atas pemilik aset dikelaskan sebagai pajakan operasi. Bayaran yang dibuat bagi perbelanjaan ini dicajkan ke Penyata Keseluruhan Pendapatan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

2.20 Tanggungan Luar Jangka

LHDNM tidak mengiktiraf tanggungan luar jangka tetapi menyatakan kewujudannya di dalam penyata kewangan. Tanggungan luar jangka merupakan jangkaan obligasi disebabkan peristiwa lalu dan kewujudannya boleh disahkan. Ianya tidak dijangka akan menyebabkan aliran keluar sumber bagi menyelesaikan obligasi tersebut.

Tanggungan luar jangka wujud bagi kes-kes yang jarang berlaku di mana liabiliti tidak diiktiraf kerana ianya tidak dapat diukur secara munasabah.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	<u>Tanah</u>	<u>Bangunan</u>	<u>Kenderaan</u>	<u>Perabot & Lengkapan</u>	<u>Komputer</u>	<u>Jumlah</u>
	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
KUMPULAN / LHDNM						
<u>Kos</u>						
Baki pada 1 Jan 2019	226,915,888	1,545,684,385	54,339,868	70,126,516	245,648,656	2,142,715,313
Penambahan	-	-	200,804	10,436,996	2,588,266	13,226,066
Pelupusan	-	-	(1,923,048)	(139,856)	(535,682)	(2,598,586)
Pindahan Daripada Kerja Dalam Kemajuan	-	106,209,066	-	7,770,036	1,676,570	115,655,672
Pelarasan Tahun Semasa	-	(26)	-	143,576	(41,860)	101,690
Baki pada 31 Dis 2019	226,915,888	1,651,893,425	52,617,624	88,337,268	249,335,950	2,269,100,155
<u>Susut Nilai Berkumpul</u>						
Baki pada 1 Jan 2019	45,582,628	144,597,344	42,841,680	59,724,950	214,206,826	506,953,428
Caj bagi Tahun Semasa	1,784,139	33,120,542	4,879,841	12,490,215	18,560,198	70,834,935
Pelupusan	-	-	(1,923,031)	(139,807)	(535,564)	(2,598,402)
Pelarasan Tahun Semasa	-	(26)	(65,455)	208,568	(41,850)	101,237
Baki pada 31 Dis 2019	47,366,767	177,717,860	45,733,035	72,283,926	232,189,610	575,291,198
<u>Nilai Buku Bersih</u>						
Pada 31 Dis 2019	179,549,121	1,474,175,565	6,884,589	16,053,442	17,146,340	1,693,808,957
<u>Kos</u>						
Baki pada 1 Jan 2018	226,915,888	1,550,243,575	57,779,429	61,374,770	318,361,361	2,214,675,023
Penambahan	-	-	-	6,396,068	19,408,204	25,804,272
Pelupusan	-	-	(3,439,561)	(1,866,258)	(5,454,910)	(10,760,729)
Pindahan Daripada Kerja Dalam Kemajuan	-	-	-	1,150,146	173,910	1,324,056
Pelarasan Tahun Semasa	-	(4,559,190)	-	3,097,140	1,462,050	-
Pindahan - Aset Tidak Ketara	-	-	-	(25,350)	(88,301,959)	(88,327,309)
Baki pada 31 Dis 2018	226,915,888	1,545,684,385	54,339,868	70,126,516	245,648,656	2,142,715,313
<u>Susut Nilai Berkumpul</u>						
Baki pada 1 Jan 2018	43,675,124	113,683,630	40,530,280	52,115,022	285,536,072	535,540,128
Caj bagi Tahun Semasa	1,907,504	30,913,714	5,685,473	9,410,189	17,563,119	65,479,999
Pelupusan	-	-	(3,439,528)	(1,854,499)	(5,452,792)	(10,746,819)
Pelarasan Tahun Semasa	-	-	65,455	79,585	(91,146)	53,894
Pindahan - Aset Tidak Ketara	-	-	-	(25,347)	(83,348,427)	(83,373,774)
Baki pada 31 Dis 2018	45,582,628	144,597,344	42,841,680	59,724,950	214,206,826	506,953,428
<u>Nilai Buku Bersih</u>						
Pada 31 Dis 2018	181,333,260	1,401,087,041	11,498,188	10,401,566	31,441,830	1,635,761,885

Nota :

Termasuk di dalam Hartanah, Loji dan Peralatan adalah tanah di atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dengan nilai buku bersih berjumlah RM70,567,047 (2018; RM70,582,099). LHDNM dalam proses melaksanakan perletakhakkan bagi tanah PTP tersebut.

Nilai bersih Hartanah adalah seperti berikut:

	2019	2018
	RM	RM
Tanah Milik Bebas	76,083,623	76,083,623
Tanah Pajakan	103,465,498	105,249,637
JUMLAH KUMPULAN / LHDNM	179,549,121	181,333,260

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

Nilai bersih Hartanah, Loji dan Peralatan yang dimiliki melalui Pajak Kewangan adalah seperti berikut:

	2019 RM	2018 RM
Tanah	8,205,821	8,976,873
Bangunan	89,462,743	91,329,791
Perabot & Lengkapan	42,993	444,287
	<hr/> 97,711,557	<hr/> 100,750,951
Kenderaan	7,342,573	11,317,615
JUMLAH KUMPULAN / LHDNM	<hr/> 105,054,130	<hr/> 112,068,566

4. ASET TIDAK KETARA

KUMPULAN / LHDNM	Lesen RM	Perisian RM	Jumlah RM
<u>Kos</u>			
Baki pada 1 Jan 2019	69,145,201	38,581,590	107,726,791
Penambahan	2,114,231	447,370	2,561,601
Pindahan Daripada Kerja Dalam Kemajuan	60,800	15,512,394	15,573,194
Baki pada 31 Dis 2019	<hr/> 71,320,232	<hr/> 54,541,354	<hr/> 125,861,586
<u>Pelunasan Berkumpulan</u>			
Baki pada 1 Jan 2019	68,812,312	33,578,696	102,391,008
Caj bagi Tahun Semasa	765,850	3,858,697	4,624,547
Baki pada 31 Dis 2019	<hr/> 69,578,162	<hr/> 37,437,393	<hr/> 107,015,555
<u>Nilai Buku Bersih</u>			
Pada 31 Dis 2019	<hr/> 1,742,070	<hr/> 17,103,961	<hr/> 18,846,031
<u>Kos</u>			
Baki pada 1 Jan 2018	6,931,691	10,637,446	17,569,137
Penambahan	14,474	1,772,181	1,786,655
Pindahan Daripada Kerja Dalam Kemajuan	-	43,690	43,690
Pengelasan semula	62,199,036	26,128,273	88,327,309
Baki pada 31 Dis 2018	<hr/> 69,145,201	<hr/> 38,581,590	<hr/> 107,726,791
<u>Pelunasan Berkumpulan</u>			
Baki pada 1 Jan 2018	8,449,996	5,682,750	14,132,746
Caj bagi Tahun Semasa	901,400	3,983,088	4,884,488
Pengelasan Semula	59,460,916	23,912,858	83,373,774
Baki pada 31 Dis 2018	<hr/> 68,812,312	<hr/> 33,578,696	<hr/> 102,391,008
<u>Nilai Buku Bersih</u>			
Pada 31 Dis 2018	<hr/> 332,889	<hr/> 5,002,894	<hr/> 5,335,783

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

5. KERJA DALAM KEMAJUAN

Kerja Dalam Kemajuan adalah termasuk projek pengkomputeran dan bangunan yang dikontrakkan dalam tahun semasa dan sebelumnya yang masih tidak dipermodalkan memandangkan projek-projek tersebut masih belum selesai atau belum mendapat Sijil Siap Kerja dalam tahun semasa.

KUMPULAN / LHDNM	Kumpulan Wang Mengurus RM	Kumpulan Wang Pembangunan RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Jan 2019	116,121,940	7,648,415	123,770,355
Penambahan	66,673,137	2,347,800	69,020,937
Pindahan Ke Hartanah, Loji dan Peralatan	(107,904,037)	(7,648,415)	(115,552,452)
Pindahan Ke Aset Tidak Ketara	(15,573,194)	-	(15,573,194)
Pindahan Ke Penyata Pendapatan ¹	(43,845,760)	(2,347,800)	(46,193,560)
Baki Pada 31 Dis 2019	15,472,086	-	15,472,086
Baki pada 1 Jan 2018	44,471,804	14,366,415	58,838,219
Penambahan	83,142,658	7,540,530	90,683,188
Pindahan Ke Hartanah, Loji dan Peralatan	(1,324,056)	-	(1,324,056)
Pindahan Ke Aset Tidak Ketara	(43,690)	-	(43,690)
Pindahan Ke Penyata Pendapatan ¹	(10,124,776)	(14,258,530)	(24,383,306)
Baki Pada 31 Dis 2018	116,121,940	7,648,415	123,770,355

¹ Sebahagian daripada Kerja Dalam Kemajuan telah diselaraskan kepada Penyata Pendapatan berdasarkan jenis perbelanjaan apabila didapati ianya tidak layak dipermodalkan sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan.

6. PELABURAN ANAK SYARIKAT

6.1 LHDNM telah menubuhkan anak syarikat di bawah Akta Syarikat 2016 dengan nama Yayasan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (YLHDNM) dan telah diperbadankan pada 6 Oktober 2017. Penubuhan YLHDNM ini bertujuan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang dapat memberi manfaat dan kebajikan kepada pegawai-pegawai LHDNM serta keluarga dan masyarakat setempat seperti pendidikan, kesihatan, penyelidikan, alam sekitar, sosial dan sukan. Penyata Kewangan YLHDNM tidak tertakluk kepada pengauditan Jabatan Audit Negara.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

6.2 Bagi membolehkan YLHDNM ini dikenali sebagai Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ), LHDNM bersetuju untuk menyalurkan sebanyak RM1,000,000 tunai sebagai dana YLHDNM.

	KUMPULAN		LHDNM	
	2019 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM
Pelaburan Dalam Anak Syarikat	1,000,000	1,000,000	1,000,000	1,000,000
Tolak:				
Peruntukan Rosot Nilai Pelaburan	-	-	-	-
JUMLAH	1,000,000	1,000,000	1,000,000	1,000,000
Tolak:				
Pelarasan Penyatuan Urus Niaga Antara Syarikat	1,000,000	1,000,000	-	-
JUMLAH	-	-	1,000,000	1,000,000

7. PEMBIAYAAN ANAK SYARIKAT

	KUMPULAN		LHDNM	
	2019 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM
Pembiayaan Tanpa Faedah	27,897,482	26,084,602	27,897,482	26,084,602
Tambah:				
Faedah Nilai Saksama	1,938,875	1,812,880	1,938,875	1,812,880
Jumlah	29,836,357	27,897,482	29,836,357	27,897,482
Tolak:				
Pelarasan Penyatuan Urus Niaga Antara Syarikat	29,836,357	27,897,482	-	-
JUMLAH	-	-	29,836,357	27,897,482

LHDNM telah memberi pinjaman tanpa faedah sebanyak RM100,000,000 kepada YLHDNM dan dijangka akan dibayar balik pada akhir tahun ke-20. Kos pinjaman dinyatakan berdasarkan purata *Based Lending Rate* (BLR) pada kadar 6.95%.

8. PELABURAN SEDIA DIJUAL

Pelaburan sedia dijual adalah urus niaga YLHDNM. Tiada sebarang transaksi di peringkat LHDNM

	2019	2018
	RM	RM
Pada Nilai Saksama		
Dana Ekuiti Di Malaysia	53,647,015	42,640,472
Dana Ekuiti Di Luar Malaysia	19,175,714	15,099,990
JUMLAH KUMPULAN	72,822,729	57,740,462

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

9. PEMBIAYAAN PEKERJA

KUMPULAN / LHDNM	Pinjaman Kenderaan	Pinjaman Komputer	Pinjaman Pengajian	Jumlah
	RM	RM	RM	RM
Baki Pada 1 Jan 2019	171,291	1,969,838	205,627	2,346,756
Tambah:				
Pemberian Pinjaman	-	1,038,500	-	1,038,500
	<u>171,291</u>	<u>3,008,338</u>	<u>205,627</u>	<u>3,385,256</u>
Tolak:				
Bayaran Balik Pinjaman	129,481	1,029,170	3,697	1,162,348
Baki Pinjaman Dihapus Kira	-	-	49,798	49,798
Baki Pada 31 Dis 2019	<u>41,810</u>	<u>1,979,168</u>	<u>152,132</u>	<u>2,173,110</u>
Tolak :				
Peruntukan Hutang Ragu	4,973	4,968	-	9,941
	<u>36,837</u>	<u>1,974,200</u>	<u>152,132</u>	<u>2,163,169</u>

Penyesuaian Peruntukan Hutang Ragu adalah seperti berikut:

Baki Pada 1 Jan 2019	32,039	4,968	-	37,007
Tolak:				
Peruntukan Dipulihkan	27,066	-	-	27,066
Baki Pada 31 Dis 2019	<u>4,973</u>	<u>4,968</u>	<u>-</u>	<u>9,941</u>

Baki Pada 1 Jan 2018	272,271	1,758,984	322,976	2,354,231
Tambah:				
Pemberian Pinjaman	-	1,163,100	-	1,163,100
	<u>272,271</u>	<u>2,922,084</u>	<u>322,976</u>	<u>3,517,331</u>
Tolak:				
Bayaran Balik Pinjaman	100,980	952,246	10,150	1,063,376
Baki Pinjaman Dihapus Kira	-	-	107,199	107,199
Baki Pada 31 Dis 2018	<u>171,291</u>	<u>1,969,838</u>	<u>205,627</u>	<u>2,346,756</u>
Tolak :				
Peruntukan Hutang Ragu	32,039	4,968	-	37,007
	<u>139,252</u>	<u>1,964,870</u>	<u>205,627</u>	<u>2,309,749</u>

Penyesuaian Peruntukan Hutang Ragu adalah seperti berikut :

Baki Pada 1 Jan 2018	47,714	4,968	-	52,682
Tolak:				
Peruntukan Dipulihkan	15,675	-	-	15,675
Baki Pada 31 Dis 2018	<u>32,039</u>	<u>4,968</u>	<u>-</u>	<u>37,007</u>

Pembiayaan Pekerja ditunjukkan di dalam:

	2019	2018
	RM	RM
Aset Semasa (Jumlah akan diterima dalam tempoh 12 bulan)	969,982	1,171,066
Aset Bukan Semasa	1,193,187	1,138,683
JUMLAH KUMPULAN / LHDNM	<u>2,163,169</u>	<u>2,309,749</u>

Pembiayaan Pekerja adalah seperti berikut:

Jenis	Tempoh Bayaran Balik Tahun	Bayaran Perkhidmatan % / Tahun
Kenderaan (Motosalikal)	5	4% (baki berkurangan)
Komputer	4	4% (baki berkurangan)
Pengajian	5	-
Pinjaman Tanpa Faedah	1	-

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

10. WANG CAGARAN DAN PRABAYAR

	2019	2018
	RM	RM
Cagaran Air	66,475	66,475
Cagaran Elektrik	771,797	771,797
Cagaran Sewa Bangunan	1,224,794	214,792
Cagaran Lain	14,704	10,553
Prabayar Bekalan dan Perkhidmatan	278,032	220,836
Prabayar Premium Insurans Kesihatan	2,971,021	2,526,779
JUMLAH KUMPULAN / LHDNM	<u>5,326,823</u>	<u>3,811,232</u>

11. BAYARAN PENDAHULUAN

KUMPULAN / LHDNM	Emolumen ¹	Pekerja ²	Pelbagai ³	Jumlah
	RM	RM	RM	RM
Baki pada 1 Jan 2019	59,100	319,652	453,056	831,808
Pemberian Pendahuluan	99,802	440,730	19,546,167	20,086,699
	<u>158,902</u>	<u>760,382</u>	<u>19,999,223</u>	<u>20,918,507</u>
Tolak:				
Bayaran Balik Pendahuluan	87,321	675,261	19,113,311	19,875,893
Baki pada 31 Dis 2019	<u>71,581</u>	<u>85,121</u>	<u>885,912</u>	<u>1,042,614</u>
Baki pada 1 Jan 2018	4,283	212,820	670,417	887,520
Pemberian Pendahuluan	109,201	450,866	46,780,346	47,340,413
	<u>113,484</u>	<u>663,686</u>	<u>47,450,763</u>	<u>48,227,933</u>
Tolak:				
Bayaran Balik Pendahuluan	54,384	344,034	46,997,707	47,396,125
Baki pada 31 Dis 2018	<u>59,100</u>	<u>319,652</u>	<u>453,056</u>	<u>831,808</u>

¹ Bayaran Pendahuluan Emolumen adalah bagi bayaran balik melalui potongan gaji pekerja.

² Bayaran Pendahuluan Pekerja adalah bagi pendahuluan tugas rasmi pekerja.

³ Bayaran Pendahuluan Pelbagai adalah bagi aktiviti LHDNM yang menggunakan tunai serta pendahuluan bayaran insurans kesihatan pekerja LHDNM yang akan dibayar balik melalui potongan gaji.

12. PELBAGAI PENGHUTANG

	2019	2018
	RM	RM
Penghutang Pekerja ¹	74,750	146,034
Penghutang Perniagaan ²	928,197	147,510
Penghutang Perkhidmatan ³	-	150,000,000
JUMLAH KUMPULAN / LHDNM	<u>1,002,947</u>	<u>150,293,544</u>

¹ Penghutang Pekerja adalah baki pinjaman/pendahuluan yang belum dilunaskan oleh pekerja.

² Penghutang Perniagaan hasil sewaan, caj penceramah korporat dan lain-lain hasil terakru.

³ Penghutang Perkhidmatan adalah Pemberian Khas belum terima daripada Kerajaan Persekutuan.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

13. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	KUMPULAN		LHDNM	
	2019 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM
Simpanan Tetap	896,462,069	102,901,060	896,462,069	102,901,060
Perjanjian Belian Balik (Repo)	157,732,027	168,474,217	139,245,790	136,064,582
	<u>1,054,194,096</u>	<u>271,375,277</u>	<u>1,035,707,859</u>	<u>238,965,642</u>
Tunai dan Baki Bank	31,735,069	48,308,941	21,135,203	46,054,686
JUMLAH	<u>1,085,929,165</u>	<u>319,684,218</u>	<u>1,056,843,062</u>	<u>285,020,328</u>

Kadar keuntungan efektif bagi pelaburan LHDNM adalah pada kadar antara 2.80% sehingga 3.80% setahun (2018:3.50% sehingga 4.00% setahun) dengan tempoh matang dalam peletakan sehingga 12 bulan.

Kadar keuntungan dan kematangan pelaburan deposit simpanan tetap bagi YLHDNM adalah pada kadar antara 3.00% sehingga 3.52% dan dengan tempoh matang dalam peletakan sehingga 3 bulan.

	KUMPULAN		LHDNM	
	2019 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM
Wang Tunai Di Bank	31,635,599	48,210,396	21,035,733	45,956,141
Wang Tunai Di Tangan	99,470	98,545	99,470	98,545
JUMLAH	<u>31,735,069</u>	<u>48,308,941</u>	<u>21,135,203</u>	<u>46,054,686</u>

14. KUMPULAN WANG AMANAH

Kumpulan Wang Amanah LHDNM adalah merangkumi 2 perkara berikut:

- 14.1 Kumpulan Wang Amanah Akademi Percukaian Malaysia telah ditubuhkan pada 1 Januari 1998 bagi mengakaunkan segala pendapatan dan perbelanjaan berkaitan kebajikan peserta kursus, aktiviti latihan, penyelidikan dan penerbitan yang dijalankan oleh Akademi Percukaian Malaysia.
- 14.2 Tabung Ihsan LHDNM ditubuhkan dan berkuat kuasa pada 1 Januari 2015. Ianya bertujuan untuk mengurus bantuan ihsan kepada pekerja LHDNM, waris serta pihak luar, sumbangan serta bantuan kepada rumah kebajikan, bantuan mangsa banjir dan lain-lain program kebajikan sebagai menyokong fungsi LHDNM dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat kepada pekerja dan masyarakat secara umumnya.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

KUMPULAN / LHDNM	2019			2018		
	Akademi Percukaian Malaysia RM	Tabung Ihsan RM	Jumlah RM	Akademi Percukaian Malaysia RM	Tabung Ihsan RM	Jumlah RM
<u>Pendapatan</u>						
Hasil Dari Sumber Dalam	193,672	424,570	618,242	57,421	668,291	725,712
Hasil Dari Organisasi Luar	792,702	164,875	957,577	678,135	88,324	766,459
Faedah Simpanan Tetap	75,826	77,682	153,508	67,922	-	67,922
	1,062,200	667,127	1,729,327	803,478	756,615	1,560,093
<u>Tolak: Perbelanjaan</u>						
Perbelanjaan Tunai	1,442,503	20,915	1,463,418	876,881	40,590	917,471
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	112,216	1,144	113,360	105,218	1,160	106,378
	1,554,719	22,059	1,576,778	982,099	41,750	1,023,849
Lebihan / Kurangan Semasa	(492,519)	645,068	152,549	(178,621)	714,865	536,244
Lebihan Terkumpul dari Tahun Lepas	3,073,291	2,058,877	5,132,168	3,251,912	1,344,012	4,595,924
Lebihan Terkumpul Dibawa Ke Hadapan	2,580,772	2,703,945	5,284,717	3,073,291	2,058,877	5,132,168

15. KUMPULAN WANG PELABURAN

- 15.1 Kumpulan Wang Pelaburan sebanyak RM18,000,000 adalah merupakan dana pembiayaan yang diberikan oleh Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat bertarikh 21 Mac 1997 ketika LHDNM dilembagakan. Dana ini adalah bagi tujuan pelaburan untuk menjana pendapatan tambahan LHDNM.
- 15.2 LHDNM diberi kuasa di bawah Seksyen 28, Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri 1995 untuk membuat pelaburan. Walau bagaimanapun, ianya terhad di dalam bentuk Simpanan Tetap, *Bankers Acceptance* dan *Repurchase Agreement* di bank dan institusi kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 dan diluluskan oleh Kementerian Kewangan.
- 15.3 Mulai tahun 2016, Jawatankuasa Pelaburan telah bersetuju supaya pulangan daripada dana Kumpulan Wang Pelaburan dilaburkan semula bersekali dengan dana asal menjadikan jumlah Kumpulan Wang Pelaburan adalah sebanyak RM19,341,795.
- 15.4 Walau bagaimanapun, pada tahun 2017 dana ini telah dipindahkan kepada Yayasan LHDNM sebagai pinjaman.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

16. KUMPULAN WANG PINJAMAN

Kumpulan Wang Pinjaman telah diwujudkan pada 21 Mac 1997 dengan penyaluran dana kepada LHDNM untuk memberi kemudahan pembiayaan kepada pekerja bagi pinjaman kenderaan, komputer dan pengajian.

	Kenderaan RM	Komputer RM	Pengajian RM	Jumlah RM
Had Pembiayaan Yang Diluluskan	14,000,000	3,000,000	1,000,000	18,000,000

KUMPULAN / LHDNM				
Baki pada 1 Januari 2019	13,828,709	1,030,162	794,373	15,653,244
Tambah:				
Bayaran Balik Pinjaman Oleh Pekerja	129,481	1,029,170	3,697	1,162,348
Baki Pinjaman.Dihapus Kira	-	-	49,798	49,798
	<u>13,958,190</u>	<u>2,059,332</u>	<u>847,868</u>	<u>16,865,390</u>
Tolak:				
Pemberian Pinjaman Kepada Pekerja	-	1,038,500	-	1,038,500
Baki pada 31 Disember 2019	13,958,190	1,020,832	847,868	15,826,890
Baki pada 1 Januari 2018	13,727,729	1,241,016	677,024	15,645,769
Tambah:				
Bayaran Balik Pinjaman Oleh Pekerja	100,980	952,246	10,150	1,063,376
Baki Pinjaman Dihapus Kira	-	-	107,199	107,199
	<u>13,828,709</u>	<u>2,193,262</u>	<u>794,373</u>	<u>16,816,344</u>
Tolak:				
Pemberian Pinjaman Kepada Pekerja	-	1,163,100	-	1,163,100
Baki pada 31 Disember 2018	13,828,709	1,030,162	794,373	15,653,244

17. KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

17.1 Kumpulan Wang Pembangunan adalah terdiri daripada pemberian Kerajaan Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia (RMK) sehingga 31 Disember 2014 dan lain-lain peruntukan untuk membiayai projek-projek pembangunan.

17.2 Pada tahun 2019, LHDNM telah diberi peruntukan khas sebanyak RM218,210,600 secara *one-off* untuk membiayai projek pembangunan ICT.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

KUMPULAN / LHDNM	Kumpulan Wang Pembangunan (KWP) RM	2019		2018	
		Khas (KHAS) RM	Jumlah RM	Kumpulan Wang Pembangunan (KWP) RM	Jumlah RM
Baki Pada 1 Januari	604,929,400	-	604,929,400	646,445,605	646,445,605
Terimaan Tunai Daripada Kerajaan Persekutuan	-	218,210,600	218,210,600	-	-
	604,929,400	218,210,600	823,140,000	646,445,605	646,445,605
Tolak					
Perbelanjaan Tunai/ Dilunaskan Susut Nilai / Rosot Nilai Hartanah, Loji, Peralatan dan Aset Tidak Ketara	3,443,502	222,800	3,666,302	17,585,287	17,585,287
	18,534,230	-	18,534,230	23,930,918	23,930,918
	21,977,732	222,800	22,200,532	41,516,205	41,516,205
Baki Pada 31 Disember	582,951,668	217,987,800	800,939,468	604,929,400	604,929,400

18. MANFAAT PEKERJA

KUMPULAN / LHDNM	2019 RM	2018 RM
Baki Pada 1 Januari	131,940,575	221,079,425
Tambah:		
Peruntukan Tahun Semasa	131,407,492	129,403,885
Pelarasan Tahun Semasa	-	30,498
	263,348,067	350,513,808
Tolak:		
Pembayaran Tahun Semasa	118,877,244	218,573,233
Pelarasan Tahun Semasa	4,920,036	-
Baki Pada 31 Disember	139,550,787	131,940,575

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

19. PINJAMAN BERJANGKA

KUMPULAN / LHDNM	2019 RM	2018 RM
Pinjaman Berjangka ditunjukkan dalam :		
Liabiliti Semasa		
Dalam Setahun	16,544,318	2,794,318
Liabiliti Bukan Semasa		
1 Hingga 5 Tahun	73,174,338	75,968,656
Selepas 5 Tahun	27,500,000	41,250,000
	100,674,338	117,218,656
Nilai Semasa Pinjaman Berjangka	117,218,656	120,012,974

LHDNM telah memperoleh pinjaman daripada CIMB Bank bagi membiayai perolehan kenderaan dan bangunan pejabat pada tahun 2017. Bayaran balik pembiayaan bangunan pejabat untuk 2 tahun pertama adalah pada atas kadar faedah sahaja. Pinjaman bagi pembiayaan bangunan pejabat berjumlah RM110,000,000 dicagarkan ke atas Menara CDO, Kuantan.

Berikut adalah butiran pinjaman LHDNM dengan CIMB Bank:

Perihal Pinjaman	Amaun Pinjaman RM	Bayaran Perkhidmatan % (EPR)	Tempoh Pinjaman
Kenderaan 2017	585,984	4.00	58 bulan
Kenderaan 2017	12,939,421	4.00	60 Bulan
Menara Hasil Cawangan Kuantan	110,000,000	4.15	120 Bulan

20. PEMIUTANG PERKHIDMATAN DAN PELBAGAI PEMIUTANG

	KUMPULAN		LHDNM	
	2019 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM
Pemiutang Perkhidmatan ¹	36,624,026	46,423,711	36,624,026	46,423,711
Bekalan dan Perkhidmatan	48,318,406	15,720,509	46,176,990	15,689,434
JUMLAH	84,942,432	62,144,220	82,801,016	62,113,145

¹ Pemiutang Perkhidmatan adalah Fi Agensi terlebih terima daripada Kerajaan Persekutuan.

21. PAJAKAN KEWANGAN

LHDNM memperoleh pinjaman secara pajakan kewangan berjumlah RM14,597,863 bagi perolehan kenderaan dalam tahun 2014. Bayaran balik pinjaman telah selesai sepenuhnya pada Oktober 2019.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

22. DEPOSIT

	2019	2018
	RM	RM
Wang Tahanan	2,877,512	1,638,841
Wang Cagaran	17,408	18,558
Deposit Pelbagai ¹	1,198,468	1,426,737
JUMLAH KUMPULAN / LHDNM	<u>4,093,388</u>	<u>3,084,136</u>

¹ Deposit pelbagai terdiri daripada wang cagaran lain, bon pelaksanaan, deposit pelupusan dan deposit pelbagai

23. HASIL

Hasil utama LHDNM adalah Fi Agensi yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan atas perkhidmatannya seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 10 Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, 1995. Hasil terdiri daripada pendapatan dari sumber-sumber seperti berikut:

	2019	2018
	RM	RM
Fi Agensi	2,684,381,626	2,055,270,726
Pemberian Khas Kerajaan Persekutuan	40,000,000	358,012,790
Pemberian Wang Dilunaskan:		
Kumpulan Wang Pembangunan	22,200,532	41,516,205
Kumpulan Wang Amanah	1,576,778	1,023,849
Terimaan Balik Bayaran Tahun-Tahun Lalu	2,733,396	1,067,752
Denda dan Hukuman	512,260	27,192
Jualan Dokumen Bercetak	1,242,899	683,587
Rebat Skim Perlindungan Insurans	48,346	140,784
Pendapatan Lain	1,705,792	1,256,505
JUMLAH KUMPULAN / LHDNM	<u>2,754,401,629</u>	<u>2,458,999,390</u>

24. PENDAPATAN OPERASI LAIN

Pendapatan operasi lain terdiri daripada:

	KUMPULAN		LHDNM	
	2019	2018	2019	2018
	RM	RM	RM	RM
Jualan Barang-Barang Stor	2,810	4,030	2,810	4,030
Untung Pelupusan Hartanah, Loji, Peralatan dan Aset Tidak Ketara	189,348	179,941	189,348	179,941
Pendapatan Lain	3,809,239	361,474	2,640,991	2,165,865
Terimaan Bukan Tunai (Dalam Bentuk Aset)	9,802,958	4,242,866	9,802,958	4,242,866
JUMLAH	<u>13,804,355</u>	<u>4,788,311</u>	<u>12,636,107</u>	<u>6,592,702</u>

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

25. KOS PEKERJA

Kos pekerja terdiri daripada:

	2019	2018
	RM	RM
Gaji dan Upahan	990,188,795	974,101,318
Elaun Tetap	146,064,693	144,085,632
Sumbangan Berkanun Untuk Pekerja	259,056,463	254,101,152
Elaun Lebih Masa	8,123,542	6,577,203
Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain	240,670,767	235,435,838
JUMLAH KUMPULAN / LHDNM	1,644,104,260	1,614,301,143

26. PERBELANJAAN OPERASI LAIN

	KUMPULAN		LHDNM	
	2019	2018	2019	2018
	RM	RM	RM	RM
Perbelanjaan dan Sara Hidup	22,559,555	22,326,988	22,559,555	22,326,988
Pengangkutan Barang-Barang	1,142,170	937,640	1,142,170	937,640
Perhubungan dan Utiliti	77,190,102	85,227,784	77,190,102	85,227,784
Sewaan	86,468,530	92,807,865	86,468,530	92,807,865
Bekalan Bahan Mentah dan Bahan Untuk Penyenggaraan	1,518,673	1,700,226	1,518,673	1,700,226
Bekalan dan Bahan-bahan Lain	18,411,375	11,743,186	18,411,375	11,743,186
Penyenggaraan dan Pembaikan Kecil	95,957,608	73,050,668	95,957,608	73,050,668
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti	140,309,044	141,253,100	140,309,044	141,253,100
Yuran Audit	91,400	89,400	84,400	82,400
Perkhidmatan Klinik dan Perubatan	29,900,098	27,652,013	29,900,098	27,652,013
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	170,693,056	163,913,585	170,693,056	163,913,585
Bayaran-bayaran Lain	46,925,250	50,691,193	46,667,757	48,421,030
Perbelanjaan Wang Dilunaskan:				
Kumpulan Wang Pembangunan	3,666,302	17,585,287	3,666,302	17,585,287
Kumpulan Wang Amanah	1,463,418	917,471	1,463,418	917,471
JUMLAH	696,296,581	689,896,406	696,032,088	687,619,243

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

27. TERIMAAN FI AGENSI, PEMBERIAN KHAS KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN PENDAPATAN LAIN

	KUMPULAN		LHDNM	
	2019 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM
Fi Agensi Tahun Semasa	2,684,381,626	2,035,994,551	2,684,381,626	2,035,994,551
Fi Agensi Tahun Hadapan	36,624,026	46,423,711	36,624,026	46,423,711
Pemberian Khas Kerajaan Persekutuan Tahun Semasa	40,000,000	208,012,790	40,000,000	208,012,790
Teriman Balik Bayaran Tahun-Tahun Lalu	2,733,396	615,950	2,733,396	615,950
Denda dan Hukuman	512,260	27,192	512,260	27,192
Jualan Dokumen Bercetak	1,242,899	683,587	1,242,899	683,587
Rebat Skim Perlindungan Insurans	48,346	140,784	48,346	140,784
Pendapatan Lain	7,048,842	1,729,534	2,407,908	1,708,307
Jualan Barang-Barang Stor	2,810	4,030	2,810	4,030
Terimaan Deposit	1,009,252	531,323	1,009,252	531,323
Penghutang Perniagaan	149,131,933	300,131,860	149,219,313	300,131,860
JUMLAH	2,922,484,412	2,594,295,312	2,918,181,836	2,594,274,085

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

28. BAYARAN KEPADA PEMBEKAL DAN PEKERJA

	KUMPULAN		LHDNM	
	2019 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM
Kos Pekerja	1,644,104,260	1,614,301,143	1,644,104,260	1,614,301,143
Perbelanjaan Operasi Lain	564,595,005	588,713,118	564,330,512	586,835,046
Wang Cagaran Dan Prabayar	1,515,591	249,501	1,515,591	249,501
Bayaran Pendahuluan	210,806	55,712	210,806	55,712
Penghutang Pekerja	(71,284)	41,095	(71,284)	41,095
Bayaran Cukai CBP	-	181,043	-	181,043
Pelbagai Pemiutang	13,908,284	13,760,721	16,018,625	13,760,721
Manfaat Pekerja	118,877,244	218,573,233	118,877,244	218,573,233
JUMLAH	2,343,139,906	2,435,875,566	2,344,985,754	2,433,997,494

29. PENGLIBATAN MODAL

KUMPULAN / LHDNM	2019 RM	2018 RM
Diluluskan	429,310,600	381,572,200
Dikontrakkan ¹	67,881,849	78,639,684

¹ Baki bayaran kontrak sehingga 31 Disember

30. KOMITMEN PAJAKAN OPERASI

Pembayaran pajakan di bawah pajakan operasi tidak boleh dibatalkan adalah seperti berikut:

	2019 RM	2018 RM
Kurang Dari Setahun	246,930,015	270,496,841
1 Hingga 5 Tahun	221,514,709	213,701,488
JUMLAH KUMPULAN / LHDNM	468,444,724	484,198,329

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

31. INSTRUMEN KEWANGAN

KUMPULAN / LHDNM	Jumlah Nilai Bawaan	Dalam Setahun	1 Hingga 5 Tahun	Kadar Faedah Efektif %
	RM'000	RM'000	RM'000	
2019				
Aset Kewangan				
Pembiayaan Pekerja	2,163	970	1,193	4.00
Simpanan Tetap dan Perjanjian Belian Balik (Repo)	1,054,194	1,054,194	-	2.80 – 3.80
Tunai Di Bank dan Di Tangan	31,735	31,735	-	
	1,088,092	1,086,899	1,193	
Liabiliti Kewangan				
Pinjaman Berjangka	117,219	16,544	100,675	4.00 – 4.15
Pajakan Kewangan	-	-	-	
	117,219	16,544	100,675	
2018				
Aset Kewangan				
Pembiayaan Pekerja	2,310	1,171	1,139	4.00
Simpanan Tetap dan Pelaburan Jangka Pendek	271,375	271,375	-	3.00 – 4.00
Tunai Di Bank dan Di Tangan	48,309	48,309	-	
	321,994	320,855	1,139	
Liabiliti Kewangan				
Pinjaman Berjangka	120,013	2,794	117,219	4.00 – 4.15
Pajakan Kewangan	2,185	2,185	-	5.00 – 6.85
	122,198	4,979	117,219	

31.1. Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah di mana instrumen kewangan akan berubah akibat daripada perubahan kadar faedah di pasaran dan kadar faedah efektif berdasarkan kedudukan aset kewangan dan liabiliti kewangan seperti berikut:

31.2. Risiko Kredit

Risiko kredit maksimum berkaitan dengan aset kewangan yang dikenal pasti adalah nilai bawaan yang dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. LHDNM tidak mempunyai penumpuan khas terhadap risiko kredit dengan mana-mana pihak.

31.3. Nilai Saksama

Nilai bawaan bagi semua aset kewangan dan liabiliti kewangan LHDNM pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan adalah dianggarkan pada nilai saksama.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

31.4. Risiko Harga Ekuiti

Pelaburan dalam ekuiti tersiar adalah terdedah kepada risiko harga pasaran disebabkan ketidaktentuan nilai masa hadapan tersebut. Pengurusan risiko harga ekuiti bagi YLHDNM adalah melalui pemantauan ke atas prestasi pencapaian pulangan yang diperoleh oleh setiap Pengurus Dana. Laporan berkaitan portfolio ekuiti dipantau oleh ahli Lembaga Pemegang Amanah bagi mendapatkan persetujuan dan kelulusan.

31.5. Risiko Tukaran Mata Wang Asing

Risiko tukaran mata wang asing ialah risiko yang melibatkan perubahan ke atas nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan bagi instrumen kewangan disebabkan oleh perubahan dalam kadar tukaran mata wang asing.

32. CUKAI PENDAPATAN

Merujuk kepada kuasa Menteri pada seksyen 127 (3) (b) Akta Cukai Pendapatan 1967, LHDNM telah diberikan pengecualian daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan semua pendapatan (kecuali pendapatan dividen) bagi tempoh mulai tahun taksiran 1997 sehingga ke tahun-tahun taksiran berikutnya. Perintah pengecualian ini adalah merujuk kepada P.U.(A) 171/2000 [Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (Bil. 20) 2000].

Bagi pendapatan dividen, LHDNM turut dikecualikan cukai berdasarkan pendapatan dividen di bawah sistem satu peringkat [perenggan 21B, Jadual 6 Pengecualian Cukai, Akta Cukai Pendapatan 1967].

Aktiviti YLHDNM adalah tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.

33. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2015 (Akta 533) menetapkan Anggota Lembaga hendaklah terdiri daripada Sembilan (9) individu termasuk Pengerusi (Ketua Setiausaha Perbendaharaan) dan Ketua Pegawai Eksekutif. Jumlah manfaat Anggota Lembaga sepanjang tahun kewangan seperti berikut:

	KUMPULAN		LHDNM	
	2019 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM
Jumlah Elaun / Manfaat Ahli Lembaga	1,105,106	1,065,051	1,101,206	1,060,851

34. MAKLUMAT AM

Bilangan pekerja (status tetap, kontrak dan sambilan) pada akhir tahun kewangan 2019 adalah seramai 13,231 orang berbanding dengan 13,404 orang pada tahun 2018.



LAPORAN PRESTASI

KEWANGAN 2019

PENDAPATAN

Jumlah Pendapatan LHDNM bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 adalah berjumlah RM2,789.25 juta sepertimana berikut:

KOMPONEN PENDAPATAN	2019 RM Juta	2018 RM Juta	Beza RM Juta	%
Fi Agensi	2,684.38	2,055.27	629.11	30.61
Pemberian Kerajaan	63.78	400.55	(336.77)	(84.08)
Pendapatan Lain	41.09	31.95	9.14	28.61
Jumlah	2,789.25	2,487.77	301.48	12.12

Fi Agensi

Hasil utama LHDNM adalah Fi Agensi yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan atas perkhidmatannya seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 10 Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995. Pengiraan Fi Agensi adalah berdasarkan kepada jumlah sebenar kutipan kasar hasil cukai diperolehi dalam sesuatu tahun. Jumlah Fi Agensi yang diterima dalam tahun 2019 berjumlah RM2,684.38 juta (2018: RM2,055.27 juta) iaitu sebanyak 96.24% daripada keseluruhan pendapatan LHDNM.

Pemberian Kerajaan

Dalam tahun semasa, LHDNM telah menerima geran pemberian kerajaan sebanyak RM40.00 juta (2018: RM358.01 juta yang meliputi peruntukan BSH sebanyak RM30.00 juta dan Pemberian Khas sebanyak RM328.01 juta). Geran dilunaskan pada tahun 2019 adalah sebanyak RM23.78 juta (2018: RM42.54 juta) iaitu bagi Pemberian Wang Pembangunan (RM22.20 juta) dan Pemberian Wang Amanah (RM1.58 juta).


Pendapatan Lain

Selain daripada Fi Agensi dan Pemberian Kerajaan, pendapatan LHDNM turut disumbangkan oleh sumber pendapatan lain seperti faedah pelaburan dan pinjaman RM22.21 juta (2018: RM22.18 juta) dan pendapatan lain seperti sewaan, bayaran balik tahun-tahun lalu, denda dan hukuman serta untung rugi jualan aset yang

berjumlah RM18.88 juta (2018: RM9.77 juta).

Secara keseluruhannya, pendapatan LHDNM pada tahun 2019 telah meningkat sebanyak 12.12% berikutan daripada penambahan dalam terimaan fi agensi sebanyak RM629.11 juta (30.61%) berbanding tahun 2018.

CARTA 1: PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017




PERBELANJAAN

Jumlah keseluruhan perbelanjaan LHDNM bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 adalah berjumlah RM2,420.79 juta (2018: RM2,377.85 juta). Kos pekerja merupakan komponen perbelanjaan terbesar LHDNM iaitu sebanyak RM1,644.10 juta (2018: RM1,614.30 juta) diikuti oleh perbelanjaan operasi yang lain sebanyak RM696.03 juta (2018: RM687.63 juta). Selain itu, kos susut nilai/rosot nilai Hartanah, Loji dan Peralatan serta Aset Tidak Ketara adalah sebanyak RM75.47 juta (2018: RM70.36 juta) manakala komponen kos kewangan berjumlah RM5.19 juta (2018 : RM5.56 juta). Komponen perbelanjaan adalah sepertimana berikut;

JADUAL 2: KOMPONEN PERBELANJAAN

KOMPONEN PERBELANJAAN	2019 RM Juta	2018 RM Juta	Beza RM Juta	%
Kos Pekerja	1,644.10	1,614.30	29.80	1.85
Perbelanjaan Operasi Lain	696.03	687.63	8.40	1.22
Kos Kewangan	5.19	5.56	(0.37)	(6.66)
Susut Nilai/ Rosot Nilai Hartanah, Loji Dan Peralatan	70.84	65.48	5.36	8.19
Susut Nilai/ Rosot Nilai Aset Tidak Ketara	4.63	4.88	(0.25)	(5.12)
Jumlah	2,420.79	2,377.85	42.94	1.81

CARTA 2: PERBELANJAAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019



Analisa Perbelanjaan

LHDNM membelanjakan 67.92% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan bagi membiayai kos pekerja tetap, kontrak dan sambilan yang merupakan sumber terpenting kepada pencapaian prestasi KPI LHDNM. Secara keseluruhan kos pekerja menunjukkan peningkatan sebanyak 1.85% berbanding tahun 2018 kesan daripada kenaikan gaji tahunan 2019. Komponen terbesar dalam Perbelanjaan Operasi Lain adalah Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap yang merangkumi bayaran Saguhati Tamat Perkhidmatan (STP), Gantian Cuti Rehat (GCR) dan Pemberian LHDNM.

JADUAL 3: PERBANDINGAN PERBELANJAAN LHDNM BAGI TAHUN 2019 DAN TAHUN 2018

BIL.	KOMPONEN PERBELANJAAN	JADUAL 3 (RM juta)	NOTA 26 PENYATA KEWANGAN (RM juta)
1	Perkhidmatan dan Hospitaliti	170.29	
	Terdiri daripada: a) Perkhidmatan dan Hospitaliti; b) Perkhidmatan Klinik dan Perubatan; dan c) Yuran Audit		140.31 29.90 0.08
	Bekalan dan Bahan-bahan Lain	19.93	
	Terdiri daripada: a) Bekalan dan Bahan-bahan Lain; dan b) Bekalan dan Bahan Mentah		18.41 1.52
2	Perbelanjaan Lain	51.86	
	Terdiri daripada: a) Bayaran-bayaran Lain; dan b) Kos Kewangan		46.67 5.19
	Kos kewangan termasuk di dalam item Perbelanjaan Lain pada Jadual 3.		

Perbandingan Perbelanjaan


Secara keseluruhan, perbelanjaan LHDNM telah meningkat sebanyak RM42.94 juta (1.81%) berbanding pada tahun sebelum. Penyumbang terbesar kepada peningkatan perbelanjaan ini adalah Kos Pekerja iaitu sebanyak RM29.80 juta (1.85%) yang disebabkan oleh kenaikan gaji tahunan pegawai.

Penyenggaraan dan Pembaikan juga menunjukkan peningkatan ketara sebanyak RM22.91 juta (31.36%) yang disebabkan oleh kerja-kerja pengubahsuaian pejabat serta penyelenggaraan peralatan komputer yang telah dilaksanakan pada tahun 2019.

Walau bagaimanapun, perbelanjaan sewaan menurun sebanyak RM6.34 juta (6.83%) disebabkan oleh penamatan kontrak Perkhidmatan Sistem Komunikasi LHDNM merangkumi skop integrasi sistem dan lain-lain perkhidmatan serta menyelenggara perkakasan dan perisian di Hasil Care Line dan Hasil Recovery Call Centre. Selain itu, penurunan perbelanjaan sewa juga disebabkan oleh penamatan sewaan bangunan pejabat di Cawangan Teluk Intan dan dan Cawangan Kluang.

Perangkaan Kewangan Yang Penting	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)
Pendapatan	1,992.29	2,550.54	2,487.77	2,789.25
Perbelanjaan	1,957.16	2,455.55	2,377.85	2,420.79
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan	35.13	94.99	109.92	368.46
Lebihan Terkumpul	1,184.01	1,159.80	1,269.72	1,638.18
Aset Bukan Semasa	1,605.37	1,769.80	1,794.90	1,760.16
Aset Semasa	400.94	459.35	441.64	1,065.42
Liabiliti Bukan Semasa	761.41	989.72	854.09	1,041.16
Liabiliti Semasa	19.94	37.69	70.26	103.61

**CARTA 3 : PRESTASI KOMPONEN PENYATA KEDUDUDUKAN KEWANGAN
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2019**



RUMUSAN KOMPONEN PENYATA KEDUDUDUKAN KEWANGAN LHDNM


Peningkatan komponen Aset Semasa sebanyak RM623.78 juta (141.24%) antaranya disebabkan oleh peningkatan Tunai dan Kesetaraan Tunai yang mencatatkan peningkatan sebanyak RM771.82 juta (270.80%) berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini juga disebabkan oleh pelaburan bagi simpanan tetap konvensional ke atas terimaan baki fi tahun 2019 yang diterima pada 27 Disember 2019.

Peningkatan dalam komponen Liabiliti Semasa pula disumbangkan oleh komponen Pinjaman Berjangka yang meningkat sebanyak RM13.75 juta (491.07%) disebabkan oleh tempoh bayaran balik pembiayaan bangunan pejabat Menara Hasil Kuantan pada kadar faedah untuk 2 tahun pertama tamat pada tahun 2019.

Liabiliti Bukan Semasa mencatatkan peningkatan sebanyak RM187.07 juta (21.90%) disebabkan oleh peningkatan Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM196.01 juta

(32.40%) setelah penerimaan Peruntukan Khas Perbelanjaan Sistem Pengkomputeran bagi tahun 2019. Selain itu, peningkatan jumlah bayaran Saguhati Tamat Perkhidmatan yang diperuntukan pada tahun 2019 berbanding tahun 2018 juga turut menyumbang dalam peningkatan Liabiliti Bukan Semasa.

CARTA 4: PRESTASI KOMPONEN PENYATA KESELURUHAN PENDAPATAN BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2019



RUMUSAN KOMPONEN PENYATA KESELURUHAN PENDAPATAN LHDNM

Pendapatan LHDNM merupakan sumber paling penting dalam merancang perbelanjaan semasa dan bukan semasa LHDNM. Pendapatan LHDNM merupakan Pembolehubah Tidak Bersandar (Independent Variable) di mana terimaan hasil akan mempengaruhi corak perbelanjaan semasa dan perancangan perbelanjaan jangka panjang LHDNM. Peningkatan perbelanjaan sebanyak 1.81% bagi tahun 2019 berbanding tahun sebelumnya adalah selaras dengan peningkatan pendapatan bagi tahun 2019.


PRESTASI PERBELANJAAN OPERASI MENGIKUT PROGRAM DAN AKTIVITI

Peruntukan LHDNM diagih dan dibelanjakan mengikut 6 program utama yang mengandungi 8 aktiviti. Program di peringkat Ibu Pejabat adalah Perkhidmatan Percukaian, Dasar, Operasi Percukaian, Pematuhan dan Pengurusan manakala Program Negeri meliputi aktiviti di peringkat cawangan di seluruh Malaysia. Statistik perbelanjaan mengikut program adalah seperti di bawah.

PROGRAM	2019 RM Juta	2018 RM Juta	Beza RM Juta	%
P1 - Perkhidmatan Percukaian	59.07	31.24	27.83	89.08
P2 - Dasar	66.88	83.38	16.50)	19.79)
P3 - Operasi Percukaian	324.14	317.34	6.80	2.14
P4 - Pematuhan	138.34	135.44	2.90	2.14
P5 - Pengurusan	301.49	386.50	(85.01)	(21.99)
P6 - Negeri	1,353.47	1,287.89	65.58	5.09
Jumlah	2,243.39	2,241.79	1.60	0.07

* Perbelanjaan di Jadual 5 adalah tidak termasuk perbelanjaan Susutnilai/Rosotnilai Hartanah, Loji dan Peralatan dan perbelanjaan Bantuan Sara Hidup Rakyat

CARTA 5: PRESTASI PERBELANJAAN LHDNM MENGIKUT PROGRAM BAGI TAHUN 2019



Program Perkhidmatan Percukaian

Perbelanjaan di bawah Program Perkhidmatan Percukaian menunjukkan peningkatan sebanyak 89.08% berbanding tahun sebelumnya. Ini adalah disebabkan oleh perubahan portfolio program bagi memperkembangkan fungsi aktiviti sedia ada bagi memenuhi Key Result Area (KRA) dan Key Performance Indicator (KPI) LHDNM. Aktiviti dalam program ini melibatkan aktiviti komunikasi, sekretariat dan pengauditan dalaman.

Program Dasar

Program Dasar merangkumi aktiviti penggubalan dasar bagi operasi percukaian dalam negara dan antarabangsa. Program ini turut merangkumi fungsi undang-undang

seperti pengendalian kes-kes mahkamah dan bertindak sebagai penasihat undang-undang kepada LHDNM. Sebahagian besar daripada kos adalah melibatkan kos pekerja, perjalanan dan sara hidup serta kos mahkamah. Perbelanjaan di bawah program ini menurun sebanyak 19.79% pada tahun 2019 berbanding tahun sebelumnya.

Program Operasi Percukaian

Program Operasi Percukaian merupakan komponen terpenting dalam memastikan kecekapan proses kutipan cukai di LHDNM. Aktiviti di bawah program ini merangkumi aktiviti operasi percukaian, pungutan hasil, khidmat korporat serta pengurusan teknologi maklumat. Selain daripada kos pekerja, perbelanjaan berkaitan penyelenggaraan sistem percukaian, pangkalan data, bayaran

sistem rangkaian, bayaran lesen perisian sistem komputer dan perbelanjaan ICT yang lain telah menjadi penyumbang utama. Peningkatan sebanyak 2.14% bagi perbelanjaan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kecekapan LHDNM terutamanya dalam sistem penyampaian kepada pelanggan.

Program Pematuhan

Perbelanjaan di bawah Program Pematuhan adalah merangkumi semua perbelanjaan aktiviti-aktiviti berkaitan pematuhan cukai, siasatan, perisikan dan profiling, pengauditan cukai korporat dan cukai bagi syarikat multinasional serta industri khas. Perbelanjaan di bawah program ini menunjukkan peningkatan sebanyak 2.14% berbanding tahun 2018 disebabkan pemindahan fungsi aktiviti-aktiviti perisikan, operasi khas dan tindakan khas daripada program Perkhidmatan Percukaian.

Program Pengurusan

Program Pengurusan terdiri daripada aktiviti yang melibatkan pengurusan kewangan, pembangunan organisasi, pengurusan sumber manusia, pengendalian kursus dan latihan serta pengurusan aset termasuk bangunan pejabat LHDNM. Program Pengurusan telah memberi penekanan kepada inisiatif-inisiatif LHDNM ke arah memantapkan pengurusan kewangan, struktur organisasi LHDNM dan melahirkan pegawai-pegawai yang berkemampuan bagi menjamin pencapaian KPI dan seterusnya kelestarian organisasi. Pada tahun 2019, perbelanjaan program pengurusan telah menurun sebanyak 21.99% berbanding tahun sebelumnya hasil daripada penambahbaikan kepada proses kerja dan transformasi yang telah dilaksanakan.

Program Negeri

Program Negeri adalah merupakan program dengan perbelanjaan terbesar di LHDNM iaitu sebanyak 60.33% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan. Aktiviti di bawah program Negeri adalah merangkumi aktiviti pentadbiran di Negeri, audit cukai, pungutan, duti setem, siasatan, pengesanan, perundangan dan khidmat pelanggan. Perbelanjaan ini juga meliputi kos pengoperasian Pusat Khidmat Hasil yang berada di Negeri.

PRESTASI PERBELANJAAN MODAL LHDNM BAGI TAHUN 2019

Pada tahun 2019, perbelanjaan adalah sebanyak RM70.95 juta iaitu RM43.70 juta bagi perbelanjaan Projek Sistem Pengkomputeran dan RM27.25 juta bagi perbelanjaan Projek Bangunan Pejabat.

Projek Sistem Pengkomputeran yang diluluskan adalah untuk mewujudkan satu sistem pengurusan percukaian yang cekap dan efisien selari dengan perkembangan teknologi terkini. Ianya dirangka secara atas talian bagi memudahkan urusan pembayar cukai dan secara tidak langsung memberi impak positif terhadap peningkatan kutipan cukai.

Projek Bangunan Pejabat yang diluluskan adalah untuk menyediakan kemudahan dan bangunan pejabat sendiri yang lebih selesa serta mesra pengguna sama ada bagi pegawai-pegawai LHDNM mahupun pembayar cukai.

PENCAPAIAN KESELURUHAN

Secara keseluruhannya, pengurusan kewangan LHDNM berada dalam kedudukan yang baik dan dilaksanakan secara berhemah dengan menerapkan kaedah penilaian tahap kecekapan kos (cost efficiency) serta kaedah pengurusan nilai (value management) bagi menjamin risiko kelestarian (sustainability) kewangan LHDNM sentiasa terkawal.

Semua perbelanjaan yang dibuat adalah membolehkan ianya memberi impak positif kepada fungsi utama LHDNM iaitu mengutip hasil cukai bagi pendapatan Negara. Peningkatan kos sebanyak 1.81% iaitu RM2,420.79 juta pada tahun 2019 berbanding RM2,377.85 juta tahun 2018, membolehkan LHDNM memperoleh pencapaian melebihi sasaran dalam semua petunjuk prestasi utama (KPI) percukaian yang ditetapkan seperti kutipan hasil, pembesaran asas cukai, auditan pembayar cukai, penyelesaian kes-kes siasatan, mengurangkan tunggakan hasil dan lain-lain KPI (bukan percukaian) yang telah ditetapkan kepada LHDNM.



L A P O R A N T A H U N A N 2 0 1 9

IBU PEJABAT LHDNM, MENARA HASIL,
PERSIARAN RIMBA PERMAI, CYBER 8, 63000 CYBERJAYA.